


Jilid1
Bil. 53



Hari Rabu
10 hb Julai, 1991

M A L A Y S I A

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

House of Representatives

PARLIMEN KELAPAN

Eighth Parliament

PENGGAL PERTAMA

First Session

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPANMULUTBAGIPERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 8277]

USUL-USUL:

Rancangan Malaysia Keenam 1991-1995—Y.A.B. Perdana Menteri
[Ruangan 8362]

Penangguhan Mesyuarat [Ruangan 8441]

UCAPAN PENANGGUHAN:

Serangan ke atas Peguam-peguam—Y.B. Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
[Ruangan 8442]

Kutipan Tol di Bandaraya Kuala Lumpur—Y.B. Tuan Tan Kok Wai
[Ruangan 8444]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELAPAN

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S S M.T . D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR LING LIONG SIK, S.P.M.P., D.P.M.P. (Labis).

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY VELLU, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas).

Menteri Kerja Raya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

Menteri Pendidikan, DATO' DR HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).

Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, S.S.S.A., D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

Menleri Kewangan, DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM, S.S.A.P. (Permalang Pauh).

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

Menieri Kesihatan, DATO' LEE KIM SAI, D.S.S.A., P.P.N. (Hulu Langat).

Menteri Pertahanan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan).

Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N. (Pulau).

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.S. (Temerluh).

Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).

Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, S.P.M.T., D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T, (Besut).

Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., I.P. (Bentung).

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang).

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DR TING CHEW PEH (Gopeng).

Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, TAN SRI DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, P.S.M., P.G.D.K., S.P.D.K., J.P., A.D.K. (Semporna).

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman, TUAN SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, A.M.N., S.M.J. (Kota Tinggi).

Menteri Luar Negeri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).

Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT, S.M.S. (Ampang Jaya).

Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).

Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA, S.M.J. (Batu Pahat).

„ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).

Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).

Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).

Timbalan Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).

„ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).

Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN HAJI JAFFREY, J.M.N. (Silam).

Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).

Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).

Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).

Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).

„ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR ABDULIAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).

Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN, S.M.J. (Ledang).

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DRS SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa).

Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN MOHAMED FARID BIN ARIFFIN (Balik Pulau).

Timbalan Menteri Belia dan Sukan, OK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).

Timbalan Menteri Peraagangan Antaraoangsa dan Industri, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K. (Kulim Bandar Baharu).

Timbalan Menteri Kerja Raya, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).

Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' HAJI TENGKU MAHMUD BIN TENGKU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).

Timbalan Menteri Pembangurian Luar Bandar, TUAN MOHD. YASIN BIN KAMARI, A.M.N., P.D.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).

Timbalan Memeri di Jabatan Perdana Menteri, DATO WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).

Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., K.M.N., A.M.N., P.P.C. (Saratok).

„ Timbalan Menteri Pendidikan, DR FONG CHAN ONN (Selandar).

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO DR HAJI ABDUL HAMJD BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., S.M.J., K.M.N., P.P.T. (Sik).

Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' CHAN KONG CHOY (Lipis).

Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' M. MAHALINGAM (Kapar).

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' ABDUL RAMAN BIN SULIMAN, D.P.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Parit Buntar).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).

Setiausaha Parlimen, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, DATO MOHAMED BIN JAMRAH, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T., J.P. (Bagan Datok).

Setiausaha Parlimen, Kementerian Belia dan Sukan, DATO' ISMAIL BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman).

Setiausaha Parlimen, Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).

Setiausaha Parlimen, Kementerian Pertanian, TUAN MOHD. SHARIFF BIN HAJI OMAR, P.P.T. (Tasek Gelugor).

Setiausaha Parlimen, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).

Setiausaha Parlimen, Kementerian Dalam Negeri, TUAN ONG KA TING (Pontian).

Setiausaha Parlimen, Kementerian Penerangan, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).

Setiausaha Parlimen, Kementerian Kesihatan, DATO' K. KUMARAN (Tapah).

„ TUAN ABDOL MULO BIN AWANG DAMIT (Labuan).

„ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).

TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).

„ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).

DATUK HAJI ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).

TUAN ABDUL MALEK MUNIP (Muar).

DATUK HAJI ABDUL RASHID BIN MUHAMMAD (Kuala Nerus).

DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Kota Samarahan).

TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).

DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).

TUAN AHMAD BIN NOR (Bayan Baru).

TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).

TUAN AHMAD SHUKRI BIN HAJI HASSAN (Machang).

DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., J.S.M., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).

Yang Berhormat DATUK AMIR KAHAR BIN TUN DATU MUSTAPHA (Marudu).

TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).

DATUK HAI BASRI BIN BAJURI, D.S.S.A., K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).

DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).

TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).

TUAN HAH BUNYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).

TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).

TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).

TUN DAIM ZAINUDDIN, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok).

DR V. DAYID (Puchung).

„ TUAN FONG KUI LUN (Klang).

TUAN FOO PIEW KOK (Batu Gajah).

TUAN GEORGE SANGKIN (Bandau).

„ TUAN HAJI GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).

TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).

TUAN HAJI HAMZAH BIN HAJI MOHAMED ZAIN (Tasek Chenderoh).

TUAN HARRISON NGAU LAING (Baram).

TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).

TUAN HAJI IBRAHIM BIN JENDOL, P.J.K. (Alor Gajah).

TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).

TUAN IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).

CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA (Sungai Peiani).

LT. KOL. (B) IBRAHIM BIN SAREH (Jelebu).

„ PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO HAJI ISAHAK (Kota Bharu).

TUAN HAJI ISHAK BIN ARSHAD (Kangar).

„ DR HAJI JAMALUDDIN BIN HAJI JARJIS (Rompin).

„ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).

„ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).

TUAN JOSEPH MAUH AK IKEH (Selangau).

TUAN KANG CHOW OH (Kluang).

TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).

TUAN KERK KIM HOCK (Pasir Pinji).

DR KUA KIA SOONG (Petaling Jaya).

Yang Berhormat TUAN LAI LUN TZEE (Sandakan).

TUAN LAU DAK KEE (Ipoh).

TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).

TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).

TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).

TUAN LIM HOCK SENG (Bagan).

TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).

PUAN LIM LAY HOON (Padang Serai).

DATIN LING CHOOI SIENG (Lumut).

„ TUAN HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM (Sabak Bernam).

TUAN MAIDOM P. PANSAI (Kota Belud).

DR T. MARIMUTHU (Telok Kemang).

„ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K, (Jambongan).

TUAN MICHAEL LISA KAYA @ GOR KAYA (Bukit Mas).

TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K, (Maran).

TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Nilam Puri).

„ TUAN MOHAMED KAMAL BIN HUSSAIN (Lembah Pantai).

„ TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN (Johor Bahru).

„ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).

DATO' HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sepang).

TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).

„ TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN (Larut).

DATUK MONGGOH OROW P.G.D.K., K.M.N., A.D.K. (Tuaran).

TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L., K.st.J. (Limbawang).

TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).

„ DR NAWAWI BIN MAT AWIN (Tambun).

„ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).

TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).

DR OSMAN MINUDIN (Kinabalu).

DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Kcningau).

TUAN G. PALANIVEL (Hulu Selangor).

DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).

DATUK DOMINIC JOSEPH PUTHUCHEARY (Nibong Tebal).

Yang Berhormat DATO' HAJI QAMARUZ ZAMAN BIN HAJI ISMAIL, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N.,
B.C.K., P.J.K (Bagan Serai).

TUAN RADIN MALLEH (Padas).

PUAN HAJAH RAKIBAH BINTI HAJI ABDUL MANAP (Shah Alam).

TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).

PUAN ROHANI BIN ABD. KARIM (Santubong).

TUAN RUHANIE BIN AHMAD (Parit Sulong).

Y.B.M, TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K.,
S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).

TUAN SAIDIN @ YUSOF BIN ADAM (Tanjong Karang).

DR SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).

TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).

TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).

PUAN Sm ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).

TUAN S. S. SUBRAMANIAM, J.S.M., P.J.K., A.M.S. (Segamat).

TUAN HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED (Kok Lanas).

TUAN TAIMIN BIN LUMAING (Pensiangan).

DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Sri Aman).

TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).

DR TAN SENG GIAW (Kepong).

TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).

TUAN WAHAB BIN SUHAILI (Batang Sadong).

WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN (Kota Setar).

WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR (Baiang Lupar).

TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).

WAN OMAR BIN WAN MAJID (Pasir Puteh).

TUAN WEE CHOO KEONG (Bukit Bintang).

TUAN WONG WING ON (Kampar).

TUAN VUN SHIN CHOI @ JOSEPH VOON (Tanjong Aru).

DATUK AMAR JAMES WONG KIM MIN (Bintulu).

TUAN JASON WONG SING NANG (Lanang).

TUAN WOON SEE CHIN, S.M.J., A.M.N., P.I.S. (Senai).

TUAN GEOFFREY YEE LING FOOK (Tawau).

TUAN YIM CHEE CHONG (Seremban).

TUAN PHILIP YONG CHIEW LIP (Gaya).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman, D.P.M.P.,
J.S.M.

Penoiong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

Penolong Setiausaha: Haji Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Hj, Yahya bin Manap.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Shamsiah binti Md. Yusop.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Haji Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Haji Hassan.

Hajah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman,

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abd. Samad.

Jainah binti Sakimin.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Rabu, 10hb Julai, 1991

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

penduduk-penduduk di Bintulu
setelah Loji Lebur Aluminium itu
dibina.

**JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

**PENCEMARAN UDARA
DI BINTULU, SARAWAK**

1. Tuan Wong Sing Nang minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

- (a) langkah-langkah yang sudah atau akan diambil oleh Kementerian mengenai pencemaran udara yang diakibatkan oleh pembinaan Loji Lebur Aluminium di Bintulu, Sarawak;
- (b) Peraturan dan syarat yang dikenakan ke atas Syarikat Lebur Aluminium tersebut tentang bagaimana mencegah pencemaran khususnya pencemaran udara dan air; dan
- (c) masa (tarikh dan tahun) Loji Lebur Aluminium itu akan dibina dan sama ada Kementerian ingin mengumumkan laporan penilaian alam skkliling (EIA Report) kepada orang ramai khususnya penduduk-penduduk di Bintulu, Sarawak. Kalau tidak, nyatakan langkah-langkah oleh Kementerian untuk menjamin keselamatan dan kesihatan

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Peter Chin Fah Kui): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Bcrhormal, sehingga ini Jabatan Alam Sekitar masih belum menerima laporan penilaian kesan-kesan ke atas alam sekitar (Eiwironmental Impact Assessment) bagi cadangan projek melebur aluminium di Bintulu, Sarawak. Oleh itu, pertanyaan (b) dan (c) tidak timbul.

**PERUNDINGAN GATT—
PENDIRIAN KERAJAAN**

2. Tuan Shahidan bin Kassim minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:

- (a) sama ada Kerajaan bercadang mengadakan pakatan di kalangan negara-negara blok selatan untuk bersepakat berhadapan dengan negara maju semasa perundingan GATT; dan
- (b) pendirian Kerajaan mengenai sebab-sebab kegagalan perundingan GATT di Paris tempoh hari.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Tuan Chua Jui Meng): Tuan Yang di-Pertua, Rundingan GATT meliputi 14 perkara dan kepentingan negara-negara membangun berbeza dalam perkara-perkara tersebut. Oleh yang demikian, adalah

tidak sesuai dan tidak praktik untuk mewujudkan pakatan di kalangan negara-negara Blok Selatan untuk bersepakat berhadapan dengan negara maju dalam perundingan itu dalam tiap-tiap bidang yang dirundingkan. Malaysia juga mempunyai kepentingan bersama dengan beberapa buah negara maju dalam beberapa bidang rundingan seperti penanian dan penggubalan undang-undang GATT. Oleh yang demikian, strategi Malaysia dalam Rundingan GATT adalah untuk bekerjasama dengan mana-mana pihak yang mempunyai kepekaan bersama untuk mencapai objektif Kerajaan dalam rundingan tersebut iaitu untuk memperkukuhkan sistem perdagangan berbagai hala dan menggalakkan lagi perdagangan bebas.

Kegagalan Rundingan GATT di Brussels dan bukan di Paris seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat disebabkan oleh kegagalan rundingan mengenai pertanian. Bagi Malaysia, rundingan mengenai perikanan adalah penting tetapi Malaysia menganggap bahawa kesemua bidang rundingan adalah sama penting dan berharap bahawa apabila rundingan dilanjutkan, hasil kali ini adalah secara menyeluruh dan seimbang dan tidak menumpu perhatian yang keterlaluan kepada bidang pertanian sahaja.

PEMILIK HIV POSITIF

3. Dr Kua Kia Soong minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) apakah angka ramalan mengenai orang yang memiliki HIV Positif di dalam negara ini;
- (b) berapa banyak masa penyiaran digunakan di dalam RTM untuk mendidik orang awam;
- (c) adakah AZT tersedia kepada semua orang yang mengidap penyakit tersebut tanpa mengira cara dengan mana mereka telah mendapati virus tersebut;

- (d) adakah benar pekerja-pekerja kesihatan enggan merawat mangsa AIDS dan jika ya, apakah jenis program latihan yang telah diadakan untuk menolong mereka mengatasi prejudis mereka;
- (e) adakah benar Kementerian Kesihatan telah diarahkan untuk melelak AIDS di tahap profil awam yang rendah semasa Tahun Melawat Malaysia; dan
- (f) adakah Kerajaan sedang menimbang untuk mengadakan cara ujian darah secara sulit tanpa memberi nama mereka supaya penjangkitan HIV dapat diawasi dengan lebih baik.

Menteri Kesihatan (Dato' Lee Kim Sai): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah sukar untuk meramal dengan tepat mengenai jumlah sebenar orang yang memiliki HIV positif di negara ini. Walau bagaimanapun, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menganggarkan bagi setiap kes AIDS, terdapat lebih 50 pembawa penyakit AIDS. Memandangkan 28 kes AIDS telah dikesan di negara ini, jumlah sebenar pembawa penyakit AIDS mungkin melebihi 1,400 orang. Pengawasan aktif pula yang sedang dijalankan oleh Kementerian Kesihatan telah mengesan 1,169 pembawa penyakit AIDS.

Bagi jawapan (b), Kementerian Kesihatan telah bekerjasama dengan RTM untuk mendidik orang ramai mengenai AIDS melalui siaran radio dan TV.

Sejak tahun 1985, beberapa pengumuman spontan, yang meliputi beberapa aspek tentang AIDS telah disiarkan berulang kali melalui radio dan TV. Beberapa siaran TV, dokumentari telah disiarkan berulang-ulang kali semenjak 1985.

Selain daripada itu, beberapa ceramah dan temuramah telah disiarkan melalui TV dan radio dalam program seperti "Selamat Pagi Malaysia", "Scope", "Majalah Radio", "Good Morning" dan lain-lain.

Bagi jawapan (c), pemberian AZT kepada mereka yang mengidap penyakit AIDS tertakluk kepada tahap penyakit serta keputusan pakar perubatan yang merawat pesakit tersebut.

Bagi jawapan (d), untuk mengurang kebimbangan mengenai penyakit AIDS dan kemungkinan enggan merawat pesakit AIDS, Kementerian Kesihatan telah mengambil langkah-langkah proaktif untuk melalih kakitangan perubatan yang terlibat. Latihan-latihan ini dijalankan di luar dan juga di dalam negeri. Program latihan ini akan berterusan. AIDS juga telah dimasukkan ke dalam sukatan pelajaran asas kedokteran dan paramedik. Selain daripada ini juga, Pelan Tindakan yang mengandungi beberapa garis panduan khusus telahpun diedarkan kepada kakitangan yang berkenaan. Oleh itu majoriti kakitangan Kementerian Kesihatan sudah cukup bersedia dalam memberi rawatan kepada pesakit AIDS. Pada masa ini juga pesakit AIDS yang berada di hospital adalah mendapat rawalan yang sempurna.

Bagi jawapan (e), adalah juga tidak benar Kementerian Kesihatan meletakkan AIDS di tahap profil awam yang rendah semasa Tahun Melawat Malaysia.

Seperti Yang Berhormat sedia maklum, pendidikan kesihatan mengenai penyakit AIDS ialah satu aktiviti yang berterusan. Semenjak tahun 1985 lagi, keutamaan telah diberi oleh Kementerian Kesihatan dalam program pengawalan dan pencegahan penyakit AIDS. Data mengenai bilangan kes AIDS dan pembawa penyakit AIDS telah disiarkan dari masa ke semasa semenjak tahun 1986 dan ceramah serta

artikel-artikel juga disiarkan melalui radio, televisyen, majalah-majalah dan akhbar-akhbar.

(f) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesihatan telahpun menjalankan satu kajian perintis mengenai ujian darah secara sulit tanpa memberi nama di kalangan kumpulan sasaran yang tertentu. Kementerian Kesihatan sedang mengkaji implikasi kajian perintis ini dan akan menimbang untuk memperluaskan ke tempat-tempat lain di seluruh Malaysia serla akan melibatkan kumpulan sasaran yang berlainan.

Dr Kua Kia Soong: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan penyiaran dalam televisyen untuk mendidik orang awam, kita memandangkan bahawa AIDS disebutkan bersama dengan penyakit-penyakit seperti diabetes dan lain-lain penyakit dan impression oleh iklan-iklan itu tidak memberi penjelasan dan pendidikan yang lebih tepat tentang AIDS. Adakah langkah-langkah yang lebih berkesan seperti program-program di sekolah untuk mendidik penuntut-penuntut di sekolah-sekolah dan maktab-maktab mengenai AIDS.

Soalan kedua, apakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan untuk mencegah rebakan AIDS dari negeri Thai?

Dato' Lee Kim Sai: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan AIDS adalah salah satu disease yang telah disiarkan melalui TV dan radio. Boleh dikatakan kadang-kadang sama dengan disease atau penyakit lain tetapi siaran khas juga diberi kepada pendidikan dari segi pendidikan AIDS.

Kerajaan memang sedar ramai Malaysian telah membuat lawatan, dengan izin, ke border town Thailand dan beberapa langkah telah diambil termasuk memberi amaran dan memberi maklumat sebelum mereka masuk ke pekan atau bandar border town di

Thailand itu, tetapi agak sukar orang ramai yang sentiasa melawat ke tempat-tempat itu diberi nasihat tidak melibalkan diri dalam aktiviti-aktiviti yang boleh dikatakan mungkin mendapat penyakit HIV.

PELAJARAN JAWI BAGI MURID ISLAM

4. Puan Hajah Rakibah binti Haji Abdul Manap minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah beliau sedar terdapat kebanyakan murid-murid beragama Islam di sekolah rendah di negara ini tidak pandai menulis atau membaca Jawi kerana mereka tidak diajar secara mendalam oleh guru-guru agama di sekolah mereka dan murid-murid ini lebih pandai menyalin (copy) dan menghafal ayat-ayat Al-Quran daripada membaca dan menulisnya, dan buku-buku agama yang digunakan adalah tidak setaraf keupayaan murid-murid ini.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Leo Michael Toyad): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan memang menyedari bahawa wujudnya kelemahan di kalangan murid-murid sekolah rendah yang beragama Islam untuk menguasai Pelajaran Jawi dari segi pembacaan dan penulisan. Untuk mengatasi masalah itu bebrapa langkah telah dijalankan oleh Kementerian Pendidikan. Pada Disember 1990, Kementerian Pendidikan telah mengarahkan semua sekolah rendah mengajar Pelajaran Jawi mulai tahun satu. Kementerian Pendidikan juga sedang meneliti semua buku-buku agama di peringkat sekolah rendah supaya lebih sesuai dengan kemampuan murid-murid di peringkat itu. Guru-guru yang terlibat diberikan kursus orientasi Pelajaran Jawi dan dibekalkan dengan buku panduan guru.

Tuan Ahmad Shukri bin Haji Hassan: Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini pelajaran penulisan dan bacaan Jawi hanya diajar di dalam matapelajaran pengajian agama Islam sahaja. Jadi, adakah Kerajaan bercadang untuk menambah waktu yang khusus untuk pengajaran tulisan Jawi dan bacaan Jawi selain daripada matapelajaran agama? Adakah Kementerian bercadang menjadikan penulisan dan bacaan Jawi sebagai satu matapelajaran yang khusus, tidak termasuk dalam matapelajaran agama kerana mungkin dalam masa pengajaran agama, masa untuk mengajar tulisan Jawi ini tidak begitu banyak.

Dr Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pernah saya menyatakan dalam Dewan ini kita telahpun menjalankan program-program pelajaran tulisan Jawi dan pembacaan Jawi di peringkat sekolah rendah di mana telah ditumpukan soalan ini tadi, iaitu soalan asal, ialah banyaknya melibatkan amalan dalam pendidikan agama, ialah menggunakan tulisan atau pembacaan Jawi. Di peringkat sekolah menengah kita telah mengadakan program-program di mana bahasa Arab pun dimasukkan sebagai satu matapelajaran yang berasingan dari pendidikan agama. Di peringkat pengajian tinggi kita telahpun mengambil langkah-langkah di mana matapelajaran Jawi ini telah diberikan penekanan di mana perkembangannya sampai ke tahap tinggi, Satu program ditaja oleh badan-badan linguistik, termasuk pusat pengajian tinggi kita, universiti tempatan dan juga badan-badan linguistik antarabangsa di mana tahap penterjemahan ditingkatkan, mengenai bahasa-bahasa lain dan bahasa Arab, termasuk tulisan-tulisan Jawi dalam buku-buku tempatan dan buku-buku ilmu.

BAYARAN PERKHIDMATAN BARU

5. Tuan Chor Chee Heung minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) sama ada Kerajaan sedar atau tidak bahawa bayaran baru yang bakal dikenakan ke atas penyimpan wang oleh bank untuk perkhidmatan tertentu akan menambah bebanan yang akan ditanggung oleh penyimpan atau 'pendeposit' wang terutama di kalangan mereka yang miskin;
- (b) sama ada Kerajaan akan menegah bank-bank dari berbuat demikian demi kepentingan penyimpan-penyimpan wang yang tidak berada; dan
- (c) jika tidak, berikan sebab.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Abdul Ghani bin Othman): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang sedar bahawa bayaran perkhidmatan baru yang dicadangkan oleh pihak bank akan membebankan pengguna-pengguna. Dengan sebab itu, Kerajaan sedang memberi perhatian yang serius ke atas cadangan tersebut dengan mengkajinya secara terperinci sebelum membuat apa-apa keputusan mengenainya. Sebagaimana kita sedia maklum bahawa penyediaan sesuatu perkhidmatan adalah melibatkan kos, dengan demikian adalah kurang wajar jika sekiranya Kerajaan menolak terus cadangan yang dikemukakan oleh pihak bank itu tanpa memberi perimbangan yang sepatutnya.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pihak bank, antara lain, memberi alasan bahawa mereka membuat pelaburan yang besar dalam menyediakan perkhidmatan bank secara elektronik yang moden sedangkan pengguna-pengguna didapati menggunakan perkhidmatan itu secara berlebihan tanpa batasan dan ini membebankan pihak bank yang terpaksa

menanggung kos berkaitan dengannya. Dengan demikian salah satu daripada tujuan cadangan bayaran perkhidmatan baru itu adalah untuk memastikan bahawa pengguna-pengguna yang menggunakan perkhidmatan secara berlebihan perlu menanggung kos sewajarnya.

Sepertimana yang saya jelaskan tadi cadangan itu masih lagi dalam kajian dan pertimbangan Kerajaan. Kementrian Kewangan menegaskan di sini bahawa sekiranya ada di antara cadangan-cadangan itu didapati benar-benar perlu, pihak bank hanya akan dibenarkan mengenakan bayaran setakat yang perlu sahaja dan ia tidak melibatkan perkhidmatan-perkhidmatan asas yang disediakan oleh pihak bank.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bcrianya Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan sama ada beliau boleh memberikan satu contoh adakah terdapat sebuah negara asing di mana bayaran-bayaran seperti ini yang dicadangkan oleh bank dikenakan ke atas pengguna-pengguna? Mengapakah pihak Kerajaan enggan menubuhkan satu jawatankuasa awam yang mengandungi wakil-wakil dari pihak pengguna supaya perkara ini dapat dirundingkan dengan pihak bank kerana seperti yang ditanya oleh soalan asal bayaran yang dicadangkan ini adalah sungguh tidak munasabah kerana ini adalah berasaskan kepada satu sistem user-pay dan di sini user-pay tidak timbul kerana wang yang disimpan ke dalam bank adalah kepunyaan pengguna-pengguna.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, tidak perlu bagi pihak Kerajaan untuk merujuk apa yang ada di negara-negara lain dalam soal ini kerana kita melihat keadaan yang sebenarnya berlaku berdasarkan kepada perkembangan-perkembangan terakhir dalam sektor kewangan khususnya dalam sektor bank di negara kita ini.

Maka, di antara langkah yang dibuat oleh pihak bank-bank ialah untuk mempelbagaikan lagi, bahkan untuk memodenkan lagi perkhidmatan-perkhidmatan bank, maka diperlukan pelaburan-pelaburan.

Jadi, berdasarkan kepada perkembangan-perkembangan yang terakhir ini, Tuan Yang di-Pertua, maka datang cadangan daripada pihak persatuan untuk dipertimbangkan oleh pihak Kerajaan. Ingin ditegaskan di sini bahawa walaupun wang yang disimpan pada mutakhirnya adalah dimiliki oleh pihak penyimpan itu sendiri, tetapi ini adalah satu jenis industri perkhidmatan di mana ada manfaai-manfaat yang didapati daripada pihak penyimpan-penyimpan wang di bank-bank.

Oleh yang demikian, bayaran yang sewajarnya perlu dikenakan berdasarkan kepada perkhidmatan-perkhidmatan tersebut. Walaupun begitu, berdasarkan kepada cadangan-cadangan yang dimajukan, ingin ditegaskan di sini bahawa beberapa garis panduan yang akan digunakan untuk menetapkan terakhirnya apa yang perlu dibayar dan di tahap mana bayaran tersebut, maka di antaranya ialah mereka yang menggunakan kemudahan itu secara besar-besaran yang mampu membayarnya maka yang sewajarnya dikenakan kos kepada pihak mereka.

Keduanya, pengguna secara kecil-kecilan, maka sewajarnya terpelihara daripada bayaran-bayaran yang minimum dari segi pulangan perkhidmatan yang digunakan oleh kumpulan ini.

Ketiganya, akan dikenakan paras yang maksimum supaya berlaku persaingan di paras bawah minimum bayaran-bayaran untuk mengizinkan saingan di antara bank-bank yang akhirnya membawa manfaat kepada masyarakat pengguna kemudahan-kemudahan bank.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, itu adalah garis-garis panduan yang akan digunakan untuk memastikan bahawa akhirnya jenis bayaran, tingkat bayaran adalah munasabah untuk dikenakan kepada masyarakat pengguna.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Tuan Ahmad bin Omar.

Tuan Lim Guan Eng: Bahagian kedua, belum berjawab. Mengenai jawatankuasa wakil-wakil dari para pengguna, adakah boleh dirundingkan?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kewangan semiasa terbuka kepada pandangan masyarakat utnum, contohnya daripada masyarakat pengguna, bahkan dalam 10 hari yang lalu, Kementerian Kewangan telahpun bersama-sama dengan masyarakat pengguna dalam dialog yang telah pun berlangsung, maka perkara-perkara ini telahpun dibangkitkan dan di dalam perhatian pihak Kementerian Kewangan.

LEMBAGA AIR NEGARA

6. Tuan Ahmad bin Omar minta Menteri Kerja Raya menyatakan pendirian Kerajaan untuk menubuhkan Lembaga Air Negara dalam usaha mengatasi kesulitan bekalan air di setengah negeri di negara ini.

Timbalan Menteri Kerja Raya (Tuan Kerk Choo Ting): Tuan Yang di-Pertua, saya telah memberikan penjelasan dalam Dewan yang mulia ini ketika menjawab soalan daripada Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong pada 26hb Jun 1991. Setakat ini tiada apa-apa maklumat tambahan kepada jawapan yang telah diberi itu.

Tuan Lim Guan Eng: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ada soalan tambahan? Teruskan.

Tuan Lim Guan Eng: Ya, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak berlanja Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai cadangan menubuhkan sebuah Lembaga Air Negeri. Adakah pihak Kementerian bersetuju cadangan negeri Johor bahawa satu referendum atau satu pungutan suara dibuat sebelum ia diterima oleh pihak negeri Johor?

Kedua, memandangkan bahawa negeri Melaka menyokong dengan sepenuh-penuhnya dan tidak membantah cadangan menubuhkan Lembaga Air Negeri ini, bolehkah pihak Kementerian mempercepatkan usaha melaksanakan tugas-tugas untuk mengambilalih tugas-tugas Lembaga Air Melaka di negeri Melaka supaya rakyat Melaka boleh mengatasi masalah ketiadaan air?

Tuan Kerk Choo Ting: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan pengurusan Lembaga Air Negeri ini, kertaskerja Jemaah Menteri telah disiapkan dan telah dikemukakan kepada Menteri Besar-Menteri Besar dan Ketua Menteri dan satu perundingan atau satu majlis akan diadakan untuk mempenimbang-kan kertaskerja ini. Setakat ini tidak wajarlah untuk saya membuat apa-apa ramalan dan sama ada cadangan-cadangan dari negeri Johor atau negeri Melaka itu akan diicnma atau ditolak, ini terpulanglah kepada keputusan yang akan dibuat di dalam majlis perundingan itu,

Berkenaan dengan negeri Melaka ini, Kerajaan Pusat telah mengambil banyak langkah untuk mengurangkan masalah-masalah di Melaka. Jadi, langkah-langkah itu pada pandangan Menteri Kerja Raya sudah mencukupi, tidak payah kita mempercepatkan lagi.

IBADAT HAJI—LIPUTAN RTM

7. Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman minta Menteri Penerangan menyatakan:

- (a) adakah RTM telah membuat perundingan bagi mendapatkan kebenaran daripada Kementerian Dalam Negeri Arab Saudi bagi membolehkan pasukan penggambaran RTM membuat liputan ibadat Haji secara langsung dari Bandar Suci Mekah dan Madinah pada tahun ini; dan
- (b) berapakah anggaran kos perbelanjaan bagi menjayakan liputan siaran secara langsung ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan (Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi hasrat Kementertan Penerangan melalui RTM untuk membuat liputan ibadat Haji secara langsung dari Bandar Suci Mekah dan Madinah. Usaha demikian bukan sahaja mendapat sambutan daripada muslimin di negara ini, malahan akan dapat juga mempertingkatkan kesedaran dan keinsafan rakyat Malaysia yang beragama Islam.

RTM memang berusaha untuk membolehkan pasukan penggambaran RTM melakukan liputan tersebut. Namun begitu, buat masa ini pihak Kerajaan Arab Saudi pada umumnya tidak mengizinkan pasukan penggambaran luar membuat liputan bagi liputan ibadat Haji dan RTM seterusnya terpaksa bergantung kepada siaran yang dilakukan oleh Kerajaan Arab Saudi sahaja bagi tayangan siaran langsungnya.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan (b), sekiranya RTM melakukan sendiri, perbelanjaan yang dianggarkan adalah lebih kurang \$200,000.

Tuan Haji Hamzah bin Mohamed

Zain: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Jika sekiranya kita tidak perlu menguruskan sendiri siaran langsung oleh RTM, adakah RTM bercadang untuk meng'update'kan gambar-gambar dokumentari tentang ibadat Haji? Baru-baru ini, ada satu rancangan yang menggambarkan ibadat Haji, tetapi saya jangka gambar itu sudah lebih kurang sepuluh tahun - out-of-date. Sebagai contoh, gambar melontar di Mina, tempat melontar itu sekarang ada daripada atas dan daripada bawah, sudah dua tingkat, tetapi gambar tersebut, kawasan di Mina itu lapang. Ertinya lebih kurang sepuluh tahunlah, kalau tak silapsayatahun 1982. Jadi, adakah RTM hendak menunjukkan satu dokumentari yang mutakhir tentang kerja-kerja ibadat Haji sebagai panduan kepada mereka yang akan mengerjakan Haji? Kalau gambar yang out-of-date ini, orang sekarang pergi sudah tentu akan sesat kalau ikut panduan gambar yang ditunjukkan oleh RTM sekarang.

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul

Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak membetulkan yang pertama dahulu, iaitu tidak perlu dengan tidak dii/inkan. Tidak perlu kalau kita tidak mahu lakukan dan sebenarnya kita tidak dii/inkan oleh pihak Saudi Arabia dan oleh kerana itu tidak limbullah perkara sama ada perlu atau tidak perlunya.

Yang kedua, di atas cadangan untuk mengemaskinikanyangterkini, bolehlah diambilkira oleh Kementerian, malahan kalau termampu nanu, insya-Allah, kita akan juga cuba melihat kepada futuristic daripada yang lepas. Akan diambilkira.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan

Yang di-Pertua, bayaran untuk siaran langsung ibadat Haji disebutkan tadi sebanyak \$200,000 kalau RTM diizinkan untuk membuat siaran langsung tersebut. Saya ingin bertanya daripada pihak Kementerian Penerangan, adakah pihak Kerajaan Saudi mengizinkan membuat siaran

langsung temuramah kehidupan jemaah-jemaah Haji sewaktu berada di Mekah dan di Madinah supaya keluarga jemaah Haji boleh tahu dan boleh lihat wajah jemaah-jemaah Haji ini sewaktu berada di Mekah dan Madinah dan boleh berunding dengan pihak Tabung Haji bagi membiayai kos ini kerana selama ini pun RTM ada buat banyak siaran langsung seperti Tinju dan sebagainya, macam-macam, takkanlah tidak boleh buat siaran langsung untuk melihat wajah jemaah-jemaah Haji di Madinah dan juga di Mekah sewaktu musim Haji.

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul

Rahman: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang saya nyatakan tadi Kerajaan Arab Saudi tidak mengizinkan penggambar-penggambar dari luar negara untuk membawa peralatan-peralatan mereka ke negeri Saudi Arabia untuk membuat siaran terus. Kerajaan Saudi Arabia sendiri yang ticlak mengi/inkan membawa sebarang peralatan penggambaran. Saya percaya ini adalah di atas sebab keselamatan negeri yang berkenaan. Walau bagaimanapun, itu adalah terkeluar daripada bidang kuasa Kementerian ini.

Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, kalau sekiranya diizinkan RTM memang tidak keberatan untuk melakukan penggambaran secara langsung. Dan keduanya, RTM juga telah berusaha untuk mendapatkan peralatan daripada dalam negeri itu sendiri bagi menyediakan siaran langsung. Tetapi tidak berjaya kerana pada ketika itu peralatan di dalam negara Saudi Arabia pun sibuk dipergunakan. Namun begitu, Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun kita tidak berada di sana secara fizikal untuk membuat penggambaran sendiri tetapi RTM tetap menayangkan melalui kerjasama Kerajaan Saudi pada hari-hari yang tersebut iaitu 21hb, tayangan Wukuf dan sembahyang Zuhur di Saudi dan pada 22hb juga live telecast daripada Mekah dan Madinah di atas pengerjaan ibadat haji. Bererti bahawa tidak terjejas penggambaran.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin); Yang Berhormat Tuan Lau Dak Kee.

(Soalan No. 8. Y.B. Tuan Lau Dak Kee tidak hadir)

BEKALAN ELEKTRIK DI SARAWAK

9. **Tuan Sim Kwang Yang** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- (a) berapakah peratusan rakyat Sarawak sudah menikmati bekalan elektrik, dan bilakah "full electrification" boleh dicapai di negeri itu; dan
- (b) berapakah jumlah wang telah diperuntukkan oleh pihak Kerajaan Persekutuan untuk tujuan "Rural Electrification Project" di Sarawak dalam tiga tahun lepas itu.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Seri S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Peratusan rakyat Sarawak yang sudah menikmati bekalan elektrik ialah 59%. SESCO menjangka peratusan ini akan meningkat ke 76% pada akhir Rancangan Malaysia Keenam.
- (b) Pada tiga tahun lepas, Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan wang sebanyak \$35.95 juta untuk melaksanakan rancangan bekalan elektrik luar bandar dan \$2.1 juta untuk membekalkan elektrik kerumah panjang seperti berikut:

Tahun	Elektrik Luar Bandar \$ (Juta)	Elektrik ke Rumah Panjang \$ (Juta)
1988	6.00	1.09
1989	16.95	50.59
1990	13.00	0.44
Jumlah	35.95	2.12

Untuk Rancangan Malaysia Keenam (1991-1995), sebanyak \$10 juta diperuntukkan bagi bekalan elektrik ke rumah panjang sahaja.

Tuan Harrison Ngau Laing: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengenai pembekalan elektrik di Sarawak; Empangan Batang Ai adalah satu projek pembekalan elektrik yang terbesar di Sarawak pada masa sekarang. Sebelum pembinaan Empangan Batang Ai, rakyat Malaysia di Sarawak khususnya penduduk-penduduk di sekitar kawasan Empangan tersebut telah dijanji akan menikmati bekalan elektrik yang lebih murah lagi. Ini sudah lima tahun projek tersebut siap di bina. Apakah sebab tindakan untuk mengurangkan electricity rate, dengan izin, di Sarawak belum lagi dikurangkan.

Yang kedua ialah saya ingin tahu apakah strategi atau priority Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos untuk membekalkan elektrik di Sarawak. Adakah ia melibatkan pembinaan Empangan yang besar seperti yang dicadang di kawasan Bakun di Sungai Rajang atau pembinaan Empangan yang kecil iaitu mini hidro atau mengikut cara sekarang Kerajaan membekalkan electric generator kepada rumah-rumah panjang atau kampung-kampung yang minta projek seperti itu.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat, mengurangkan kadar elektrik kepada penduduk-penduduk selepas pembinaan janakuasa Batang Ai itu walaupun saya sudah jadi Menteri dalam Kementerian ini, saya tidak ada apa-apa rekod dalam Kementerian saya. Itu yang pertama.

Yang kedua, Kerajaan bersetuju untuk mengurangkan kadar apabila sampai masanya kita dapat juga beberapa dawai penghantaran kepada semua kawasan-kawasan dan selepas kita menyiapkan projek janakuasa yang

besar boleh juga memberi bekalan elektrik kepada semua kawasan. Saya percaya masa itu kita boleh menimbang mengurangkan kadar elektrik bersama-sama purata kepada Semenanjung. Jadi itu satu fikiran Kementerian saya.

Yang kedua, Yang Berhormat telah menyoal berkenaan dengan projek besar sedang dirancang dalam Kementerian saya; saya telah menjawab di dalam Dewan yang mulia ini kepada Ahli Yang Berhormat daripada Bandar Kuching hari itu, pertimbangan yang pertama diberi kepada projek Janakuasa Hidro di Murum. Jadi itu diminta mendapat kajian sekarang. Saya percaya apabila saya dapat kajian dan kajian itu dihantar kepada Jemaah Menteri sebelum kita menimbang untuk menjalankan projek itu. Projek itu adalah lebih dari 900 Megawatt, bukan untuk kegunaan negeri Sarawak sahaja tetapi ini boleh juga membekal kepada negeri Sabah. Jadi boleh dikatakan satu projek di antara kedua-dua negeri boleh dibelanjakan atas projek Murum ini. Ini satu rancangan ada dalam kajian sekarang.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, tenaga elektrik merupakan kemudahan asas kepada meningkatkan mutu kehidupan untuk rakyat khususnya mereka di kawasan luar bandar. Di negeri Sarawak itu ada terdapat 5,000 lebih kampung-kampung dan rumah panjang-rumah panjang. Maka masalah yang timbul di sana ialah untuk membekalkan elektrik kepada mereka di kawasan pedalaman di mana secara national grid, secara cable susah disampaikan. Maka soalan saya adalah sama ada Kerajaan bercadang untuk menimbang untuk mengeluarkan peruntukkan untuk masyarakat tempaian, masyarakat pedalaman di satu kawasan, di satu rumah panjang, di satu kampung membeli generator ataupun cell solar system supaya mereka dapat bekalan elektrik tanpa national grid.

Yang keduanya, Tuan Yang di-Pertua, walaupun Empangan Batang Ai sudah membekalkan elektrik kepada Sibu dan Kuching tetapi elektrik ini dibekalkan secara high tension wire 33 Kv, maka susah untuk electric high tension ini dipindah turun kepada voltage yang lagi rendah supaya dia boleh masuk ke kampung-kampung, sepanjang Kuching sehingga Sibu.

Soalan saya ialah memandangkan bahawa SESCO tidak bercadang membuat transformer station, maka adakah pihak Kerajaan Persekutuan bercadang untuk membuat peruntukan supaya sub-station dibuat untuk transformer ini bagi membolehkan tenaga elektrik dibekalkan kepada rumah panjang dan kampung-kampung pedalaman?

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, satu cabaran besar ialah untuk membekal elektrik ke kawasan-kawasan yang luas iaitu rumah-rumah yang jauh terpencil dan di pedalaman, dari segi teknikal dan kos pelaksanaan secara yang biasa diamalkan seperti memanjangkan talian-talian bekalan elektrik dari rangkaian yang ada atau membina stesen-stesen jana elektrik diesel atau mini-hidro tidak dapat dijalankan. Oleh yang demikian, cara-cara yang baru perlu dicari, di antara teknologi baru yang dikenalpasti ialah photovoltaic, sekarang ini sudah ada dua projek perintis photovoltaic dibuat kajian di negeri Sarawak. Saya percaya apabila kita telah menyiapkan percubaan ini kita boleh juga mengikuti perancangan yang sama kepada kampung-kampung di pedalaman di negeri Sarawak.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat berkenaan dengan mengurangkan voltage daripada voltage yang tinggi yang sedia ada. Saya akan menghubungi juga SESCO untuk mendapat tahu maklumat yang lebih berkenaan dengan perkara ini.

Oleh kerana saya tidak mempunyai apa-apa maklumat berkenaan dengan perkara itu, saya percaya cadangan Yang Berhormat menjadi satu cadangan yang baik dan ini boleh ditimbang.

SKIM PINJAMAN PERUMAHAN DAN KENDERAAN

10. Tuan Haji Mohamad bin Sabu minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) apakah Kerajaan bercadang untuk melaksanakan Skim Pinjaman yang meliputi perumahan dan kenderaan yang bebas dari amalan riba untuk kakitangan Kerajaan; dan
- (b) jika ya, bilakah Kerajaan bercadang untuk melaksanakannya. Jika tidak, apakah yang menjadi faktor penghalang kepada peraksanaan cadangan tersebut. Apakah langkah-langkah Kementerian untuk mengatasi halangan tersebut.

76.7.97

4. Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada pihak Kerajaan bercadang untuk melaksanakan skim pinjaman perumahan dan kenderaan tanpa riba kepada kakitangan Kerajaan. Sekiranya ya, bilakah ianya akan dilaksanakan dan jika sekiranya tidak, sila berikan sebab-sebabnya.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menjawab soalan ini bersama dengan soalan yang serupa yang telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Marang untuk dijawab pada 16hb Julai, 1991.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Baiklah.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya sukacita memaklumkan bahawa Kerajaan telahpun menetapkan untuk melaksanakan Skim Pembiayaan Kenderaan bagi pegawai-pegawai Kerajaan mengikut prinsip jualan harga tangguh iaitu:

Menjual sesuatu dengan disegerakan penyerahan barang yang dijual kepada pembeli tetapi bayaran harganya ditangguhkan sehingga ke satu masa yang ditetapkan atau dengan bayaran beransur-ansur.

Selaras dengan prinsip ini Kerajaan akan membeli dahulu kenderaan yang dihajati oleh pegawai Kerajaan tetapi selepas itu akan menjualkan semula kenderaan itu kepada pegawai Kerajaan itu dengan bayaran secara ansuran.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini Kerajaan sedang menyediakan peraturan-peraturan bagi melaksanakan skim tersebut di bawah peraturan-peraturan yang akan ditetapkan kelak. Pegawai Kerajaan berkenaan akan dikenakan bayaran ansuran bulanan yang sama banyaknya dengan bayaran ansuran di bawah skim yang ada sekarang. Skim ini juga akan ditawarkan kepada pegawai Kerajaan sebagai satu pilihan dan tidak menggantikan Skim Pinjaman Kenderaan yang sedia ada sekarang. Dengan demikian pegawai Kerajaan bolehlah memilih sama ada ingin mendapatkan kenderaannya melalui Skim Pembiayaan Kenderaan mengikut prinsip jualan harga tangguh ataupun mendapatkan melalui Skim Pinjaman Kenderaan yang sedia wujud sekarang, insya Allah akan dilaksanakan sebelum akhir tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Skim Pinjaman Perumahan, Kerajaan mendapati pada masa ini kadar pembiayaan skim ini yang mengenakan kadar faedah sebanyak 4% ke atas baki pinjaman yang dikira berasaskan perkiraan monthly rest, dengan izin,

adalah satu skim yang tidak membebankan ataupun menzalimi pegawai-pegawai Kerajaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, purata kos pinjaman Kerajaan untuk membiayai skim ini ialah kira-kira 8%. Dengan yang demikian nyatalah Kerajaan telah memberi bantuan yang banyak kepada pegawai Kerajaan untuk memiliki rumah di bawah Skim Pinjaman Perumahan yang wujud sekarang.

Saya berpendapat bahawa kemudahan yang diberikan ini dari segi tujuannya adalah selaras dengan tujuan memberi pinjaman dalam Islam iaitu tujuannya untuk menolong orang yang berkesempiaan dan bukan untuk mengaut untung.

Kerajaan sedang mengkaji peraturan-peraturan yang dipakai di bawah Skim Pinjaman Perumahan sekarang supaya menepati sepenuhnya dengan prinsip-prinsip pinjaman secara Islam.

PANGSAPURI—MILIKAN BUMIPUTERA

11. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) dasar Kementerian tentang pembinaan pangsapuri di kota-kota;
- (b) berapa peratus dari rumah kediaman di kota-kota terdiri dari pangsapuri; dan
- (c) setakat ini berapa peratus pangsapuri itu dimiliki oleh bumiputera.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ada mengeluarkan garis panduan melalui Jabatan

Perancangan Bandar dan Desa mengenai kawalan pembangunan pangsapuri. Garispanduan ini telah diterimapakai oleh beberapa bandar utama di Semenanjung Malaysia, misalnya Kuala Lumpur, Ipoh, Johor Bahru dan Pulau Pinang. Khusus bagi Kuala Lumpur terdapat juga dasar yang selaras dengan konsep mewujudkan Bandaraya yang hidup walaupun selepas kegiatan komersial dan lain-lain kerja pejabat berakhir di waktu petang. Dengan itu Bandaraya akan menjadi tempat yang lebih selamat kerana didiami oleh ramai penghuni-penghuni yang tulen.

Untuk menjawab soalan (b) dan (c), ingin saya memaklumkan bahawa pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan hanya mempunyai kuasa memberi garis panduan kepada Pihak-pihak Berkuasa Tempatan. Ini ialah kerana kuasa putus meluluskan pelan pembangunan pangsapuri adalah terletak kepada Pihak-pihak Berkuasa Tempatan selaku pihak Berkuasa Perancang Tempatan bagi pihak Kerajaan-kerajaan Negeri.

Untuk Bandaraya Kuala Lumpur, kuasa pemutus meluluskan pelan pembangunan pangsapuri terletak di bidangkuasa Bandaraya itu sendiri.

Oleh kerana dasar mengenai pembinaan dan penjualan pangsapuri terletak kepada Pihak-pihak Berkuasa Tempatan dan Kerajaan-kerajaan Negeri atau Bandaraya Kuala Lumpur, maka rekod-rekod mengenai peratusan pangsapuri dan peratusan pemilikan bumiputera tidak diuruskan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan banyaknya kontroversi yang timbul berhubung dengan pembinaan kondominium, jadi saya ingin bertanya kepada Yang

Berhormat Timbalan Menteri, bolehkah beliau menjelaskan apakah maksud yang dikatakan 'kondominium' atau 'pangsapuri' itu?

Yang kedua, saya ingin bertanya apakah asas bagi garis panduan yang telah ditetapkan oleh pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan bagi syarat-syarat kelulusan bagi pembinaan sesuatu kawasan kondominium khususnya di kawasan Bandaraya?

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji

Taha: Tuan Yang di-Pertua, maksud 'kondominium' atau 'pangsapuri' ini takrifnya ada diberikan oleh seorang Legislator di Amerika, tetapi sebelum itu saya ingin memberikan penterjemahan mengikut pandangan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, iaitu maksud 'kondo' ialah:

"Kepunyaan harta tanah yang berkongsi dengan beberapa orang, dengan rumah yang berasingan dan title yang berasingan, tetapi berkongsi sebahagian kawasan yang lain. Dan mereka perlu mewujudkan sebuah syarikat pengurusan untuk mengendalikan masalah pentadbiran-pentadbiran pangsapuri."

Mengikuti terjemahan takrif Gregory P.J. bermaksud dalam bahasa Inggeris, dengan izin:

"An estate in real property consisting of an undivided interest in common in a portion or a parcel of real property together with separate interest in space in a residential, industrial and/or commercial building and such real property as an apartment, effects or store. A condominium may include in addition a separate interest in other proportions of such real property."

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan kontroversi kondominium yang wujud sekarang ini, ingin saya maklumkan bahawasanya tujuan kita ialah untuk

mewujudkan satu keadaan supaya lebih ramai lagi penduduk-penduduk mendapat tempat kediaman yang selesa. Walaupun bila dikatakan pangsapuri dan kondominium maksud selalunya ialah untuk kondominium yang mahal dengan harga yang tinggi kerana ianya memerlukan keistimewaan-keistimewaan yang perlu diwujudkan.

Misalnya untuk pembinaan kawasan-kawasan kondominium, asas-asas yang diberikan atau garis panduan yang dibenkan ialah sekurang-kurangnya untuk 2 ekar. Dan dalam kawasan 2 ekar kepadatan penduduk ialah 60 orang, manakala kawasan 4 ekar kepadatannya 80 orang. Untuk kawasan 6 ekar atau lebih, kepadatannya ialah 100 orang. Setiap kondominium atau pangsapuri ini perlu juga memberi kemudahan-kemudahan, keistimewaan-keistimewaan, misalnya seperti kolam renang, tempat-tempat permainan riadah, gazebo, tempat-tempat mencuci dan menggosok, tadika, kedai runcit dan juga pejabat pentadbiran. Selain daripada itu, kalau lebih besar, kawasan 4 ekar, 6 ekar perlu juga kawasan badminton, squash court dan sebagainya, tetapi tidak adalah padang golf.

Selain daripada itu, pangsapuri ataupun kondominium ini perlu dibangunkan di kawasan-kawasan yang kepadatannya tinggi, misalnya di kawasan-kawasan supaya ianya dibangunkan, tetapi tidak menyebabkan masalah kepada orang-orang yang dibangunkan kawasan-kawasan kondominium.

Kita juga perlu menentukan supaya di tiap-tiap kawasan kondominium tidak merosakkan keadaan sekeliling. Misalnya dikekalkan kawasan-kawasan hijau dengan tanam-tanaman pokok, kerana ianya diharapkan boleh mencantikan lagi, mengindahkannya lagi bandaraya-bandaraya berkenaan supaya tidak ianya menjadi satu concrete jungle yang merosakkan kedudukan pandangan bandaraya-bandaraya yang berkenaan.

Yang penting dalam ciri kondominium ini ialah ianya mempunyai asas kepunyaan bersama. Bermakna setiap penghuni ataupun pembeli rumah pangsapuri perlu mewujudkan sebuah syarikat corporation untuk mentadbirkan kawasan-kawasan kondominium ataupun pangsapuri ini dengan ditabirkan bersama sekiranya pengurusan diserahkan kepada pihak yang lain ataupun syarikat lain untuk menguruskannya maka istimewa ataupun lakrif pangsapuri itu hakis. Sekian.

INDUSTRI KAMPUNG

12. Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob minta Menteri Pembangunan dan Luar Bandar menyatakan:

- (a) sejauh manakah keberkesanan dan kejayaan Program Industri Kampung di bawah Rancangan Malaysia Kelima bagi meningkatkan pendapatan dan taraf sosio-ekonomi masyarakat luar bandar; dan
- (b) apakah dasar yang dirangka oleh Kementerian mengenai perusahan luar bandar bagi mewujudkan masyarakat komersial dan industri Bumiputera dalam menghadapi dekad 90an bermula dengan Rancangan Malaysia Keenam.

Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar (Tuan Mohd. Yasin bin Kamari): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Program Industri Kampung telah berjaya memberi peluang pekerjaan dan meningkatkan taraf sosio-ekonomi masyarakat luar bandar melalui berbagai-bagai projek industri yang dapat diwujudkan. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima sebanyak 1,820 projek telah dapat diwujudkan meliputi

bidang perabot 22%, makanan 37%, kraf 18%, jahitan 7%, kimpalan 7%, perusahaan batu blok 4% dan lain-lain 5% yang telah memberikan peluang pekerjaan kepada kira-kira 7,553 orang.

- (b) Di bawah Rancangan Malaysia Keenam 1991-1995 satu program yang menyeluruh telah dicadangkan dengan wawasan, matlamat, skop dan aktiviti diperluaskan. Konsep ini akan menekankan pengeluaran tetap dan ekonomik mengikut kehendak pasaran. Pendekatannya adalah bagi melahirkan perusahaan luar bandar yang berasaskan sumber tempatan dan bukan sumber tempatan, di samping meningkatkan perusahaan dan usahawan yang sedia ada. Ada 5 aspek utama di bawah dasar yang telah dirangka iaitu meliputi pakej sokongan, pengredan projek, pemupukan usahawan, penempatan perusahaan dan pembangunan usahawan.

PENYOROKAN BARANG-BARANG

13. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan kesalahan besar dan kecil diambil tindakan termasuk denda dan dihadapkan ke mahkamah atas kesalahan-kesalahan mereka seperti menyorok barang-barang dan menjual barang-barang yang tidak diluluskan oleh Kerajaan.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir): Tuan Yang di-Pertua, sejak 1 hb Januari, 1972 hingga

30hb Jun, 1991, Kemenerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna telah menghasilkan jumlah kes, nilai rampasan dan jumlah denda seperti berikut:

<i>Akta</i>	<i>Jumlah Kes</i>	<i>Nilai Rampasan</i>	<i>Jumlah Denda</i>
Akta Kawalan Harga 1946	4,177	\$4,002,575.97	\$2,431,260.00
Akta Kawalan Bekalan 1961	2,591	\$40,077,076.23	\$1,982,440.00
Akta Sewa Beli 1967	174	\$34,743.30	\$40,405.00
Akta Perihal Dagangan 1972	5,414	\$29,460,865.00	\$3,959,195.00
Akta Timbang dan Sukat 1972	13,079	\$1,233,152.00	\$1,849,990.00
Akta Hakcipta 1987	1,608	\$6,012,275.05	\$192,840.00
Jumlah	27,043	\$80,820,687.77	\$10,455,880.00

Secara keseluruhannya, kesalahan yang selalu dilakukan oleh para peniaga ialah kes-kes berhubung dengan penggunaan perihal dagangan palsu ke atas barangan dan perkhidmatan, menggunakan alat timbang yang tidak disahkan atau tidak tepat dan kesalahan berhubung dengan kegagalan meletak tanda harga.

Kes-kes yang melibatkan penyorokan barang-barang kawalan adalah amat kecil bilangannya dan ianya jarang berlaku. Sebaliknya, barang-barang kawalan yang ada di pasaran adalah mencukupi dan tidak ada sebab para peniaga menyorok barang-barang ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):
Yang Berhormat Dr. V. David.

(Soalan No. 14 Y.B. Dr. V. David tidak hadir)

KAJIAN SUMBER AIR NEGARA

15. Tuan Lim Guan Eng minta Menteri Kerja Raya menyatakan:

- (a) mengapakan Kerajaan Pusat tidak melaksanakan syor-syor yang dibuat oleh Japan International Co-operation Agency (JICA) pada tahun 1982 untuk mengatasi masalah kekurangan air selepas JICA membuat kajian bahawa beberapa negeri seperti Melaka menghadapi krisis kekurangan air dalam dekad 90an;
- (b) sejauh manakah syor-syor JICA dilaksanakan;
- (c) mengapakah satu Akia Pembekalan Air Kebangsaan yang disampaikan oleh JICA tidak digubal oleh pihak Kerajaan; dan

- (d) jumlah air, peratus airdan jumlah wang yang hilang akibat air paip bocor dalam tahun 1982 dan tahun lalu.

Timbalan Menteri Kerja Raya (Tuan Kerk Choo Ting): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan daripada Ahli Yang Berhormat dari Kepong pada hari ini juga memandangkan perkara yang dibangkitkan adalah berkaitan iaitu mengenai Kajian JICA berkenaan dengan sumber-sumber air negara.

Tuan Yang di-Pertua, kajian sumber-sumber air negara yang dijalankan oleh JICA pada tahun 1982 menggariskan pelan induk sumber air negara untuk masa hadapan. Kajian ini telahpun mengenalpasti sumber-sumber air besar yang sedia ada di negara ini dan mengesyorkan pembinaan empangan-empangan yang sesuai di seluruh negara. Kajian induk JICA ini semata-mata memberi gambaran makro dan oleh itu, kajian-kajian terperinci perlu dijalankan supaya pembinaan empangan-empangan berkenaan dapat dijalankan.

Berikutan semenjak kajian induk JICA tersebut, Kerajaan Pusat telah melaksanakan syor-syornya dan beberapa kajian terperinci mengikut kawasan-kawasan limbungan air, dengan izin, water basins yang dikenalpasti dalam kajian itu telahpun dijalankan. Kajian-kajian yang dijalankan ini adalah Kajian Limbungan Air Sungai Muar pada tahun 1984, Kajian Limbungan Air Sungai Johor 1984, Kajian Limbungan Air Kedah, Perlis, Pulau Pinang 1984 dan Kajian Limbungan Air Lembah Kelang 1986. Berdasarkan kepada kajian-kajian tersebut maka beberapa projek-projek sumber air telahpun dikenalpasti untuk dilaksanakan sepanjang Rancangan-rancangan Malaysia Keempat, Kelima dan baru-baru ini Rancangan Malaysia Keenam.

Antara projek-projek sumber air yang lelah disiapkan sejak tahun 1982 ialah Empangan-empangan Layang, Semberong, Macap dan Bekok di Johor, Empangan Sungai Terip di Negeri Sembilan, Empangan-empangan Semenyih dan Batu di negeri Selangor dan Empangan-empangan Malut, Ahning di negeri Kedah dan Mengkuang di Pulau Pinang.

Pada masa ini beberapa buah empangan sedang dalam pembinaan iaitu Empangan Timah Tasoh di Perlis, Empangan Juaseh dan Linggi di Johor, Empangan Upper Muar dan Pedas di Negeri Sembilan. Di bawah Rancangan Malaysia Keenam beberapa buah lagi empangan dirancangkan untuk dibina termasuk Empangan Gemencheh dan Kelinci di Negeri Sembilan, Empangan Buloh di Selangor, Empangan Beris di Kedah, Empangan Jenggeli dan Lebak di Johor dan Empangan Pergau di Kelantan.

Dengan pembinaan empangan-empangan tersebut serta pelaksanaan projek-projek bekalan air yang berkaitan di negeri masing-masing, maka keperluan air negara dalam jangka masa panjang dapat dipenuhi.

Di samping itu, Kajian Induk JICA pada tahun 1982 juga menegaskan kepentingan mengadakan pengurusan bersepadu untuk pembangunan-pembangunan sumber-sumber air yang sepatutnya dijalankan oleh Kerajaan Pusat. Ke arah yang sama ini Kerajaan telah merancang supaya fungsi bekalan air diambilalih oleh Kerajaan Pusat daripada Kerajaan-kerajaan Negeri dengan tujuan supaya pengurusan sumber-sumber air dapat dijalankan secara bersepadu bagi seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana Dewan yang mulia ini sedia maklum

bahawa Kerajaan Persekutuan sedang berbincang dengan pihak Kerajaan negeri masing-masing tentang cadangan pengambilalihan fungsi-fungsi bekalan air daripada Kerajaan Negeri. Cadangan ini merupakan langkah susulan kepada cadangan Kajian Induk JICA tersebut. Oleh kerana keterangan lanjut mengenai cadangan ini telah pun diberikan di dalam Dewan yang mulia ini pada 26hb Jun, 1991 yang lalu, maka saya tidak bercadang untuk menyentuh perkara ini sekali lagi.

Untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat mengenai cadangan menggubal satu Akta Pembekalan Air Kebangsaan oleh JICA, ingin saya menjelaskan bahawa cadangan tersebut adalah secara ringkas dengan garis-panduan yang kasar. Kerajaan telah membuat kajian mengenai perkara ini secara mendalam dengan mengambil-kira semua aspek yang berkenaan. Oleh sebab itu, perkara ini masih lagi dalam pertimbangan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan kehilangan air, adalah dimaklumkan bahawa pada tahun 1982 purata kehilangan air yang tidak diperhitungkan dianggarkan sebanyak 32% daripada jumlah pengeluaran air di seluruh negara. Kadar ini telahpun meningkat kepada kadar 43% pada tahun 1987. Ini terdiri daripada kebocoran (32%), kurang pendaftaran meter-meter air (9%) dan kehilangan kecil seperti kecurian (2%). Kadar untuk tahun 1990 tidak dapat diberikan kerana kajian belum diselesai. Berdasarkan kepada kadar 43% adalah dianggarkan bahawa kehilangan hasil ialah sebanyak \$106 juta setahun.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kehilangan air telap berlaku pada sistem-sistem bekalan air tidak kira betapa maju sesuatu negara itu.

Umpamanya kehilangan air untuk beberapa negara ialah seperti berikut:

Thailand	33%
Jepun	15%
Singapura	10%
United Kingdom	25%
Ilaly	30%
Brazil	29%

Ini bermakna kehilangan air bukannya satu masalah yang dihadapi di Malaysia sahaja tetapi juga oleh negara-negara yang maju. Di Malaysia matlamat kita adalah untuk mengurangkan kehilangan air yang tidak berhasil kepada 25% menjelang tahun 2000.

Untuk mengatasi masalah ini, Kerajaan Pusat telahpun merancang melaksanakan beberapa program seperti berikut dalam Rancangan Malaysia Keenam untuk membantu Kerajaan Negeri iaitu:

- (i) Membaikpulih sistem retikulasi yang uzur.
- (ii) Membaikpulih loji-ioji rawatan air.
- (iii) Pengesanan dan pengawalan kebocoran; dan
- (iv) Penukaran meter-meter air.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Timbalan Menteri, panjang lagikah?

Tuan Kerk Choo Ting: Sedikit sahaja, lagi satu minit.

Sebenarnya, langkah-langkah seperti membaikpulih sistem agihan dan penukaran meter-meter air memang dijalankan sepanjang masa oleh negeri masing-masing tetapi tidak ke tahap yang memuaskan. Ini adalah disebabkan oleh peruntukan untuk kerja-kerja penyelenggaraan seperti ini di semua negeri adalah amat terhad. Dalam Rancangan Malaysia Yang Keenam, Kerajaan Pusat akan memberi bantuan

kewangan kepada semua negeri untuk melaksanakan program-program tersebut. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, masa yang diperuntukkan bagi Soal Jawab Mulut sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 8,14 dan 16 hingga 65 adalah diberi di bawah ini).

AKTA PERIKANAN—KAJIAN

3. Tuan Lau Dak Kee minta Menteri Pertanian menyatakan sejauh manakah kajian dan pengubahsuaian Akta Perikanan yang dijalankan oleh Menteriannya dan terangkan kesan baik dan kesan buruk yang dapat dikumpul dari pihak nelayan setakat ini, bilakah Kerajaan bercadang meminda Akta tersebut.

Menteri Pertanian (Datuk Seri Sanusi bin Junid): Kementerian Pertanian telah menerima maklumbalas-maklumbalas mengenai cadangan-cadangan pindaan kepada Akta Perikanan 1985. Cadangan-cadangan pindaan yang diterima itu sedang dikumpul dan di dalam peringkat penyediaan draf oleh Kementerian Pertanian. Antara cadangan-cadangan pindaan Akta Perikanan 1985 yang diterima daripada nelayan adalah cadangan untuk mengurangkan denda daripada \$50,000 kepada satu denda yang munasabah; melanjutkan tempoh masa untuk nelayan membuat rayuan kepada Yang Berhormat Menteri Pertanian daripada 14 hari ke satu tempoh yang munasabah; dan mengurangkan jaminan untuk memulangkan sementara waktu vesel penangkapan ikan tempatan dan asing yang disita. Cadangan-cadangan yang diterima dikaji keseluruhannya dan

Kementerian akan mengambil kira cadangan-cadangan yang difikirkan munasabah bagi meringankan beban nelayan-nelayan.

RUMAH KOS RENDAH YANG DIBINA

14. Dr V. David minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) bilangan rumah kos rendah yang telah dibina dari tarikh permulaan Rancangan Malaysia yang Perlama hingga Kelima, iaitu sehingga 31 Disember 1990; dan
- (b) betul atau tidak Kerajaan telah menunaikan anggaran-anggaran dalam Rancangan Lima Tahun ini dan peratus pencapaiannya. Jika tidak, bolehkah beliau terangkan bagaimana Menteriannya ingin memastikan janji-janji pilihanraya parti pemerintah.

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha:

- (a) Sehingga 31 Disember 1990, bilangan unii rumah kos rendah yang telah siap dibina oleh sektor awam dan swasta dari tarikh permulaan Rancangan Malaysia yang Pertama hingga Kelima adalah berjumlah 682,433 unit.
- (b) Menyentuh tentang pencapaian program perumahan dalam Rancangan Pembangunan Lima Tahun, prestasi program perumahan awam kos rendah berasaskan sasaran yang ditetapkan meningkatdari 37.5% dalam Rancangan Malaysia Ketiga kepada 41% dalam Rancangan Malaysia Keempat dan seterusnya kepada 57.1% dalam Rancangan Malaysia Kelima. Bagi Rancangan Malaysia Pertama dan Kedua, sasaran unit tidak ditetapkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, prestasi pelaksanaan program perumahan awam kos rendah ini sentiasa diperbaiki dan ini jelas dilihat daripada peratus pencapaian program ini. Sehubungan dengan ini Kerajaan sentiasa berusaha untuk menentukan pencapaian yang lebih baik di dalam pelaksanaan program perumahan awam kos rendah di seluruh negara. Di antara langkah-langkah kejayaan program ini termasuklah:

- (i) memastikan Kerajaan-kerajaan Negeri melaksanakan kajian kemungkinan ke atas projek-projek yang hendak dilaksanakan dari segi kesesuaian tapak dan pcr-mimaan;
- (ii) meminta Kerajaan-kerajaan Negeri membuat pcrancangan perlaksanaanyangteliti sebelum projek dikemukakan untuk kelulusan di peringkat persekutuan.
- (iii) memperkemas dan mempertingkatkan keupayaan jentera pelaksanaan program perumahan di peringkat negeri untuk memastikan keberkesanan dan kelicinan pelaksanaan program perumahan yang dirancang.

PENYAKIT YANG MUDAH MEMBAWA MAUT

16. Tuan Tan Kok Wai minta Menteri Kesihatan menyatakan sepuluh jenis penyakit yang mudah membawa maut di negara ini dan jumlah kematian yang disahkan oleh doktor bersebab dari penyakit-penyakit ini dalam tempoh 10 tahun lalu dengan memberi pecahan angka tahunan.

Timbalan Menteri Kesihatan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin):

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sepuluh jenis penyakit yang mudah membawa maut di negara ini berubah-ubah dari tahun ke tahun. Perubahan-perubahan tersebut berkait rapat dengan perubahan sosio-ekonomi serta persekitaran, kemajuan teknologi perkhidmatan kesihatan dan perubahan dan juga perubahan cara hidup rakyat keseluruhannya.

Sepanjang sepuluh tahun yang lalu, kematian disebabkan oleh penyakit-penyakit yang berkaitan dengan jangkitan kuman, persekitaran yang kurang sempurna serta sosio-ekonomi yang rendah seperti penyakit awalan bayi, pneumonia, tibi, gasiroentcritis, penyakit hati dan penyakit kurang zat makanan telah menurun.

Pada awal tahun 1980an, penyakit-penyakit tersebut tergolong di dalam sepuluh penyebab utama kematian yang disahkan oleh doktor di negara ini. Walau bagaimanapun, pada akhir tahun 1980an, penyakit-penyakit tersebut kecuali penyakit awalan bayi dan pneumonia, tidak lagi tergolong di dalam sepuluh penyebab utama kematian.

Perlaksanaan program-program pencegahan dan rawatan serta peningkatan taraf sosio-ekonomi serta persekitaran pada umumnya telah meningkatkan status kesihatan dan jangka hayat rakyat. Di samping itu, cara hidup dan seterusnya corak penyakit di negara ini juga turut berubah. Penyakit-penyakit yang berkaitan dengan cara hidup seperti penyakit jantung, penyakit cerebrovaskular, kemalangan dan kanser telah meningkat dengan cepat serta menduduki 5 tempat teratas di dalam susunan penyebab kematian di negara ini. Penyakit jantung terutamanya, telah menduduki tempat teratas penyebab kematian semenjak tahun 1980.

RANCANGAN BUDAYA BANGSA MALAYSIA

17. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar minta Menteri Penerangan menyatakan:

- (a) apakah pihak Menteri menyedari yang rangkaian TV Malaysia sekarang dipenuhi oleh rancangan-rancangan drama/maupun hiburan impot yang membawa pengaruh buruk kepada masyarakat kita; dan
- (b) apakah tidak ada rancangan di pihak Menteri untuk lebih meningkatkan penyiaran rancangan yang lebih menonjolkan budaya bangsa Malaysia kita.

Dato' Haji Fauzi bin Abdul Rahman: Objektif utama RTM adalah untuk memberi perkhidmatan penyiaran dalam membina sikap yang progresif di dalam masyarakat dan nilai-nilai yang sesuai sebagai penyokong pembangunan sosio ekonomi masyarakat yang harmonis, maju dan bersatupadu. Dalam pada itu siaran-siaran rancangan disiarkan supaya rakyat dapat memahami, berfikir dan melahirkan perubahan-perubahan sikap yang sejajar dengan kehendak negara.

Adalah tidak benar rancangan dan hiburan tempalan mahupun diimport semata-matanya membawa pengaruh buruk kepada penonton.

Untuk maklumat Yang Berhormat, drama-drama yang diimport siaran TV 1 dalam bahasa Inggeris hanya 29 jam 3 minit 18 saat daripada 369 jam 9 minit 39 saat dalam sebulan. Ini adalah hanya 7.9% sahaja. Program-program hiburan TV 1 dalam bahasa Inggeris adalah 15 jam 7 minit 10 saat, iaitu 4.1% daripada 246 jam 16 minit 32 saat siaran dalam sebulan.

Dalam TV 2 pula drama import siaran bahasa Inggeris disiarkan adalah 18.9%

dan rancangan hiburan bahasa Inggeris adalah hanya 12.3% daripada jumlah siaran.

Rancangan-rancangan hiburan yang disiarkan bukan sahaja ditapis oleh Lembaga Penapis Filem bahkan ditapis semula oleh RTM sendiri. Kandungan filem-filem yang dikatakan membawa pengaruh buruk sebenarnya adalah subjektif.

Insiden-insiden negatif yang diperlihatkan dalam drama-drama atau filem-filem sama ada lempatan ataupun diimport bukanlah disiarkan untuk dijadikan teladan malahan menjadi sempadan. Ianya merupakan babak-babak yang biasa terjadi dalam kehidupan harian masa kini. RTM senantiasa mengambil perhitungan bahawa setiap drama dan filem hiburan yang disiarkan atau untuk dilayangkan sekurang-kurangnya mengandungi mesej bahawasanya kalau jenayah yang dilakukan, matlamat akhirnya ialah penjenayah pasti dihukum atau dalam ertikata lain "crime does not pay". Kalau ada unsur-unsur kejahatan di dalam satu filem ataupun drama dengan matlamat akhirnya menonjolkan "the triumph of good over evil" dan tidak sebaliknya.

Adalah mustahil bagi RTM atau mana-mana stesen TV di dunia ini untuk menyekat secara total pengaruh-pengaruh atau unsur-unsur budaya luar. Kemajuan industri elektronik telah menyebabkan dunia semakin kecil.

Apa yang mampu dilakukan oleh RTM adalah untuk menapis dengan sebaik-baiknya kemasukan ciri-ciri negatif daripada luar dan adalah diyakini bahawasanya masyarakat Malaysia dengan segala sistem pendidikan, agama, moral dan budaya yang sedia ada pada hari ini mampu memisahkan buruk dan baik, di samping mempunyai daya tahan yang tinggi dan mampu menolak budaya buruk atau negatif yang ditontoni.

Menyedari hakikat inilah Kementerian Penerangan sedang berusaha untuk memastikan pada tahun 2000, 80% daripada filem-filem dan drama-drama dihasilkan oleh rakyat dalam negara ini yang lebih peka dan arif serta bertanggungjawab terhadap pemupukan nilai luhur dan murni sejajar dengan budaya Malaysia. Wawasan 2020 juga menjamin satu usaha agar rakyat Malaysia bukan sahaja mampu maju di bidang ekonomi tetapi maju juga di bidang ketahanan diri, moral, etika dan lain-lainnya.

PENERBANGAN ASING KE SARAWAK—GALAKKAN

18. Tuan Robert Lau Hoi Chew minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada Kementerian Pengangkutan bercadang untuk membenarkan lebih banyak lagi penerbangan asing ke Sarawak, terutama sekali kerana keadaan semulajadi di Sarawak adalah di antara yang tercantik di Malaysia yang boleh dibangunkan untuk menjadi tarikan pelancong.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail): Kerajaan sememangnya menggalakkan syarikat-syarikat penerbangan asing untuk mengadakan penerbangan ke destinasi-destinasi di Malaysia termasuk ke Sarawak. Dalam hal ini menerusi rundingan-rundingan udara dengan negara-negara asing, Malaysia sering menawarkan hak-hak mendarat ke beberapa destinasi di Malaysia, termasuk di Sarawak. Walau bagaimanapun, terpujanglah kepada syarikat-syarikat penerbangan asing untuk menerima tawaran ini. Negara-negara berkenaan biasanya, akan membuat keputusan mengenainya sama ada untuk mengadakan penerbangan ke sesuatu destinasi di Malaysia dengan berdasarkan kepada pertimbangan-pertimbangan komersial.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini syarikat-syarikat penerbangan dari sepuluh (10) negara asing telahpun mempunyai hak-hak mendarat, yang membolehkan mereka mengadakan penerbangan ke Sarawak dan mereka boleh berbuat demikian pada bila-bila masa yang dikehendaki.

PELANCONG MELAWAT SARAWAK DAN SABAH— GALAKAN

19. Puan Rohani binti Abd. Karim minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan apakah langkah-langkah yang telah, sedang dan akan diambil oleh Kementerian untuk menggalakkan pelancongan dalam negara, terutama sekali pengaliran pelancong daripada Semenanjung ke Sarawak dan Sabah. Apakah langkah yang diambil oleh Kementerian untuk mengawalkan kadar bayaran hotel yang tinggi bagi kegunaan pelancong dalam negeri (domestic tourists).

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan (Dato' Haji Sabbaruddin Chik): Langkah-langkah yang telah, sedang akan dijalankan untuk menggalakkan pelancongan dalam negara ialah:

1. Pengiklanan

Iklan-iklan penggalakan pelancongan dalam negara lebih merupakan iklan-iklan yang bertemakan pantai-pantai, kawasan peranginan tinggi, alam semulajadi dan sebagainya. Sejumlah 1,303 "insertions" telah dimuatkan dalam media-media elektronik dan cetak yang utama pada tahun 1990. Untuk tahun 1991 sejumlah 1,400 "insertions" akan dimuatkan, yang menggunakan corak pengiklanan yang sama.

2. *Perhubungan Awam*

Tiga aktiviti utama yang dijalankan adalah siaran akhbar, lawatan sambil belajar wartawan dan majalah "Tourism News" dan dalam hal ini tiga siaran akhbar mengenai produk/industri pelancongan dikeluarkan pada setiap bulan. Lawatan sambil belajar untuk para wartawan ke destinasi-destinasi pelancongan yang tertentu juga kerap dianjurkan. Seterusnya rencana mengenai negeri-negeri juga telah dimuatkan dalam majalah "Tourism News" dari Januari 1990-Jun 1991 dimana sejumlah 12 rencana mengenai Sabah dan Sarawak telah disiarkan.

3. *Pusat Penerangan Pelancongan*

Sebanyak 15 buah pusat penerangan pelancongan telah didirikan di seluruh Malaysia dan risalah mengenai negeri-negeri ada diedarkan di pusat-pusat penerangan tersebut.

4. *Aktiviti Promosi*

Kementerian saya juga mengambil bahagian dalam pameran-pameran tempatan seperti Pesta Port Dickson, Pesta Shah Alam, Karnival Melaka, Pesta Pulau Pinang dan lain-lain lagi. Di pameran-pameran ini pusat penerangan pelancongan telah disediakan yang mengedarkan risalah serta lain-lain penerangan mengenai destinasi pelancongan Malaysia.

Mengenai langkah-langkah untuk memastikan kadar sewa hotel tidak tinggi, ingin saya maklumkan bahawa pada masa ini Kerajaan membenarkan faktor-faktor pasaran terbuka untuk menentukan kadar sewa hotel. Kadar sewa hotel yang dirasakan agak tinggi pada masa ini adalah disebabkan oleh permintaan yang tinggi berbanding

dengan bilangan bilik-bilik hotel yang sedia ada.

Untuk memastikan adanya keseimbangan di dalam permintaan dan juga bilangan bilik hotel yang dapat disediakan, Kementerian saya telah mengambil langkah-langkah berikut dalam usaha untuk mengatasi kekurangan tempat-tempat penginapan terutamanya dalam kelas sederhana yang akhirnya juga akan dapat mempengaruhi kadar sewa hotel kepada satu tahap yang munasabah. Langkah-langkah tersebut ialah:

- (a) menggalakkan pengusaha-pengusaha apartmen, kondominium atau pangsapuri mewah menjadikan bentuk-bentuk kediaman ini bagi penginapan pelancong;
- (b) menggalakkan pembinaan chalet-chalet yang boleh disewakan dengan harga murah kepada pelancong khususnya kepada pelancong tempatan. Pengusaha-pengusaha diberi bantuan kewangan melalui pelbagai skim pinjaman tertentu;
- (c) menggalakkan penduduk-penduduk kampung mempunyai kemampuan memberi perkhidmatan penginapan kepada para pelancong; dan
- (d) meminta Kerajaan-kerajaan Negeri memperbaiki rumah-rumah rehat supaya lebih selesa untuk kegunaan para pelancong.

Dalam hubungan ini, suka saya maklumkan bahawa di bawah Rancangan Malaysia Keenam, peruntukan juga akan disediakan untuk pembinaan tempat-tempat penginapan berkos rendah oleh Kerajaan. Tujuannya ialah untuk menyediakan kemudahan penginapan dengan kadar sewa bilik yang berpatutan khususnya untuk memenuhi keperluan pelancong tempatan.

TOL DI JALAN CHERAS

20. Tuan Sukri bin Haji Mohamed minta Menteri Kerja Raya menyalakan berapakah jumlah yang telah dibayar oleh Kerajaan kepada Syarikat KG. Teratai Sdn. Bhd. akibat pembekuan pungutan tol di Jalan Cheras.

Tuan Kerk Choo Ting: Soalan ini telahpun dijawab pada 28.6.1991 ketika menjawab soalan daripada Ahli Yang Berhormat dari Arau. Setakat ini tidak ada apa-apa maklumat tambahan kepada jawapan yang telah diberikan itu.

LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA KUCHING— MEMBESARKAN

21. Tuan Wahab bin Suhaili minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) sebab-sebab cadangan Kerajaan Negeri Sarawak untuk membesarkan landasan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching dalam Rancangan Malaysia ke 6 ini tidak diluluskan; dan
- (b) adakah Kerajaan Persekutuan yakin bahawa kemudahan-kemudahan yang sedia ada sekarang ini di lapangan terbang tersebut cukup untuk memenuhi permintaan dalam tempoh 5 - 10 tahun yang akan datang.

23.7.97

6. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada pihak Kerajaan bercadang untuk terus melaksanakan projek mengembangkan Lapangan Terbang Antarabangsa Bandaraya Kuching, khasnya meninggalkan taraf 'runway'.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Saya mohon menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Batang Sadong ini bersama-sama dengan soalan

yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Bandar Kuching pada 23 Julai 1991 memandangkan soalan yang dikemukakan adalah menyenm perkerja yang sama. Soalan-soalan yang dikemukakan menyentuh mengenai keputusan Kerajaan Persekutuan tidak membesarkan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching:

- (a) Kerajaan telah mengkaji tentang keperluan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching yang sedia ada dan mendapati bahawa kemudahan-kemudahan lapangan terbang ini masih lagi boleh memenuhi keperluan permintaan trafik buat beberapa tahun yang akan datang;
- (b) bagi menentukan sama ada kemudahan-kemudahan ini adalah mencukupi bagi tempoh 5-10 tahun akan datang, ianya banyak bergantung kepada fakta-fakta tertentu khasnya kadar pertumbuhan trafik. Berdasarkan kepada prestasi Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching di masa-masa yang lepas dan unjuran trafik yang dijalankan, adalah dijangkakan ketnudahan-kemudahan utama yang ada, akan mencukupi untuk memenuhi permintaan trafik bagi 5 tahun akan datang. Dalam hal ini, Kementerian Pengangkutan akan terus mengawal pertumbuhan trafik bagi tahun-tahun yang akan datang untuk tujuan menyediakan kemudahan-kemudahan tambahan bagi menampung keperluan trafik jangkamasa panjang.

Namun demikian, ingin saya memaklumkan bahawa peruntukan kewangan sebanyak \$20.3 jula telahpun disediakan dalam Rancangan Malaysia Keenam

untuk tujuan memperbesarkan Balai Ketibaan di Bangunan Terminal dan memperbesarkan tapak memakir dan meningkatkan sistem "flight Information Display" di lapangan terbang berkenaan.

PEMBANTU JURURAWAT WANITA DI HOSPITAL LADANG

22. Tuan G. Palanivel minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah Kerajaan mempunyai rancangan bagi meminta pihak pengurusan ladang untuk sekurang-kurangnya mengambil Pembantu Jururawat Wanita dalam hospital di ladang-ladang. Amalan yang biasa dilakukan sejak zaman penjajah dahulu ialah mengambil pekerja-pekerja lelaki. Oleh itu ramai pekerja wanita di sektor perladangan mahukan polisi ini diubah.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Pada masa ini Kerajaan tiada rancangan untuk meminta pihak pengurusan mengambil kakitangan kejururawatan untuk bekerja di hospital-hospital ladang. Walau bagaimanapun, dalam usaha untuk meningkatkan perkhidmatan perubatan di estet-estet, Kementerian ini sedang mengkaji cadangan supaya pihak pengurusan juga mengambil pekerja kesihatan wanita bekerja di klinik estet.

SEKOLAH VOKASIONAL— KURSUS KEMAHIRAN

23. Che Ibrahim bin Mustafa minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) sejauh manakah berjayanya usaha-usaha Kerajaan memberi peluang kepada orang awam mengikuti pelbagai kursus kemahiran di sekolah-sekolah

Vokasional di seluruh negara selaras dengan hasrat Kerajaan untuk mewujudkan lebih ramai tenaga separuh mahir menjelang tahun 2020; dan

- (b) selaras dengan matlamat ini juga, apakah Kementerian bercadang untuk memperbanyakkan lagi bilangan sekolah-sekolah vokasional/Politeknik di seluruh negara di samping mempertingkatkan taraf sekolah-sekolah vokasional yang ada kini ke taraf Politeknik agar lebih banyak lagi tenaga mahir dapat dilatih.

Dr Leo Michael Toyad:

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berbagai-bagai usaha telah dibuat oleh Kerajaan untuk memberi peluang kepada orang awam mengikuti pelbagai kursus kemahiran. Di pihak Kementerian Pendidikan pula, semua Politeknik dan Sekolah Menengah vokasional telah membenarkan fasiliti mereka untuk digunakan oleh orang awam bagi memberikan latihan kemahiran kepada semua pihak yang berminat. Setakat ini, sambutan yang diberikan oleh orang awam adalah menggalakkan.
- (b) Selaras dengan dasar tersebut, Kementerian telah mencadangkan lapan buah sekolah vokasional dan lapan buah politeknik dibina dalam Rancangan Malaysia Keenam dan pelaksanaannya bergantung kepada peruntukan yang disediakan. Sekolah-sekolah menengah vokasional ini berkemampuan mengeluarkan tenaga mahir yang terlatih manakala politeknik pula melahirkan tenaga kerja separuh iktisas.

**BAHASA INGGERIS DI SEKOLAH
RENDAH/MENENGAH—
PENCAPAIAN**

24. Tuan Yim Chee Cbeong minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) sebab-sebab mengapa taraf penguasa dan pencapaian Bahasa Inggeris di sekolah-sekolah rendah dan menengah telah menurun;
- (b) sama ada Yang Berhormat Menteri Pendidikan sedar atau tidak bahawa hasrat Kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju menjelang tahun 2020 akan terjejas oleh kerana penguasaan bahasa Inggeris adalah satu faktor penling dalam urusanniaga antarabangsa dan pembangunan ekonomi negara ini;
- (c) apakah sebab Kerajaan Malaysia masih menawarkan pekerjaan kepada guru-guru bahasa Inggeris dari luar negeri sedangkan terdapat ramai guru-guru bahasa Inggeris yang berpengalaman di Malaysia; dan
- (d) sanggupkah Kerajaan Malaysia menawarkan pekerjaan kepada guru-guru bahasa Inggeris yang telah bersara dan berpengalaman untuk meningkatkan taraf penguasaan bahasa Inggeris yang amat memalukan pada masa ini.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, soalan (a) dan (b) yang sama atau hampir sama yang bersangkutan dengan isu mata pelajaran bahasa Inggeris di sekolah-sekolah yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Seremban itu, sebenarnya telahpun dijawab pada 17/6/91 di Dewan Rakyat ini.

Berkenaan dengan isu penawaran pekerjaan kepada guru-guru bahasa Inggeris dari luar negeri, sebenarnya

pada msa ini Kementerian Pendidikan tidak lagi menggunakan tenaga pengajar luar negeri bagi mengajar mata pelajaran bahasa Inggeris di sekolah-sekolah.

Berkenaan dengan kesanggupan Kerajaan Malaysia menawarkan pekerjaan kepada guru-guru bahasa Inggeris yang telah bersara pula Kementerian Pendidikan belum membuat ketetapan bagi menggunakan guru-guru bersara untuk mengajar mata pelajaran bahasa Inggeris di sekolah.

BUANGAN SAMPAH

25. Tuan Haji Ibrahim bin Jendol minta Menteri Sains Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

- (a) jumlah ton buangan sampah setiap hari bagi seluruh negara memandangkan "trend guna-buang" semakin meluas di kalangan masyarakat;
- (b) luas kawasan pembuangan yang disediakan sekarang dan jangkaan keperluan bagi 20 tahun akan datang; dan
- (c) apakah cadangan penggunaan pendekatan baru yang dirancang oleh Kementerian.

Tuan Peter Chin Fah Kui:

- (a) Kajian yang dilaksanakan pada tahun 1989 oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan mendapati bahawa purata setiap rakyat Malaysia mengeluarkan sampah sebanyak 0.7 kg setiap hari dan jumlah keluaran ini akan meningkat selaras dengan perkembangan ekonomi sesebuah negara. Ini bermakna jumlah sampah yang dikeluarkan sekarang ialah sebanyak 12,640 tan/sehari atau 4.54 juta tan/setahun iaitu sama banyak dengan 6 buah bangunan Dayabumi.

- (b) Dari kajian tersebut adalah didapati bahawa luas kawasan pelupusan yang digunakan sekarang ialah 1,015 hektar dan tambahan sebanyak 753 hektar adalah diperlukan untuk menampung keperluan sehingga 2010. Tambahan ini adalah sedikit kerana keluasan tapak yang sedia ada boleh lagi digunakan untuk beberapa tahun akan datang.
- (c) Memandangkan trend "guna-buang" di kalangan masyarakat semakin meluas serta kesukaran mendapatkan tapak-tapak pelupusan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sedang dalam usaha memperkenalkan program gunasemula bahan buangan (waste recycling). Program ini bertujuan untuk mengurangkan jumlah sampah yang akan dibawa ke tapak pelupusan. Lanya memerlukan kerjasama dari tuan-tuan rumah untuk mengasingkan bahan-bahan buangan yang boleh diguna semula. Sehubungan dengan perkara ini, pihak Kementerian telah menubuhkan satu jawatankuasa bagi melaksanakan program ini dan telah mengenalpasti satu pertubuhan sukarela yang akan membantu Kementerian dalam melaksana serta menjayakan program tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian juga sedar perihal bertambah sulitnya untuk mendapatkan tapak-tapak pelupusan di masa-masa akan datang, maka oleh kerana itu Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan juga sedang dalam usaha memperkenalkan sistem 'regional disposal'. Sistem yang dicadangkan ini berkemungkinan memerlukan stesen pemindahan (transfer station) di pihak berkuasa tempatan yang berkenaan yang lebih besar untuk dibawa ke sebuah tapak

pelupusan yang dibangunkan untuk kegunaan bersama.

Selain dari itu untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kementerian juga sedang mengkaji kemungkinan untuk menggunakan loji pembakar sampah (incinerator) untuk kegunaan di bandar-bandar besar di masa akan datang. Walau bagaimanapun kajian yang terperinci dari segi kos pembinaan dan penyenggaraan serta kemahlanan kakitangan yang akan mengendalikannya perlu dibuat dan dibandingkan dengan sistem pelupusan yang sedia ada sebelum cadangan untuk mendirikan loji tersebut dapat dilaksanakan.

HUBUNGAN MALAYSIA— AUSTRALIA

26. Tuan Mohamed Kamal bin Hussein minta Menteri Luar Negeri menyatakan bagaimanakah bermulanya dan bentuk kempen-kempen memburukkan Malaysia di Australia lelah menjejaskan hubungan baik di antara Malaysia dan Australia. Apakah usaha Kerajaan menerusi Kementerian beliau bagi mengatasi masalah tersebut.

Menteri Luar Negeri (Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya telah memberi jawapan yang sama kepada soalan ini semasa menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat daripada Tanjung pada 20 Jun, 1991. Saya tidak ada apa-apa tambahan kepada jawapan tersebut.

GAGASAN EAEG

27. Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan sebab-sebab gagasan EAEG (Kumpulan Ekonomi Asia Timur) tidak dibincangkan semasa-masaknya semasa negara-negara ASEAN sebelum ia dikemukakan terus kepada negara-

negara terbabit dan tidakkah dengan pendekalan persendirian sekarang penerimaan pihak sasaran berbelah-bagi. Pihak manakah pada pandangan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri yang menjadi penghalang besar bagi menjadikan EAEG satu realiti. Apakah sebab-sebab maka Amerika diketepikan dari kumpulan itu dan mengapa tawaran Amerika untuk menyertainya tidak dapat ditimbangkan.

Tuan Chua Jui Meng: Soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat ini adalah berkaitan dengan soalan yang telah dijawab bagi pihak Kementerian saya oleh Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat dalam Dewan yang mulia ini ketika dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Kawasan Kota Melaka pada 18 Jun, 1991. Jawapan tersebut juga telah meliputi soalan-soalan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kawasan Lembah Pantai pada 17 Jun 1991; Kawasan Kuala Kedah pada 17 Jun, 1991 dan 18 Jun, 1991; Kawasan Klang pada 17 Jun, 1991; Kawasan Machang pada 19 Jun 1991; Kawasan Arau pada 19 Jun, 1991; Kawasan Kepong dan Kawasan Larut pada 27 Jun, 1991; Kawasan Sibul pada 18 Julai, 1991 dan Kawasan Seremban pada 22 Julai, 1991. Oleh yang demikian, saya tiada apa-apa maklumat tambahan yang hendak disampaikan.

KAJIAN SUMBER AIR

28. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Kerja Raya menyatakan bilakah usaha memperbaharui (update) kajian sumber-sumber air negara tahun 1982 yang dijalankan oleh JICA bermula. Apakah aspek-aspek sumber air negara di bawah Kajian Pelan Induk. Setakat ini, apakah aspek-aspek yang sudah dikaji semula oleh Kementerian, dan hasil kajian ke atas kedudukan semasa setiap Kementerian dan hasil kajian ke atas kedudukan semasa setiap aspek-aspek ini, terutama sekali maklumat yang boleh

memberi kita gambaran mengenai kekurangan/kelayakan sumber-sumber air dalam negara pada amnya, dan negeri-negeri pada khususnya. Adakah Kertas Kerja 'Pederalisation Of Water Supplies' itu sebahagian daripada pelan induk atau kajian berasingan. Di bawah peringkat manakah kerja ini berada sebelum pelaksanaan sebenarnya,

Tuan Kerk Choo Ting: Saya telahpun memberikan penjelasan dalam Dewan yang mulia ini ketika menjawab soalan daripada Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka sebentar tadi. Setakat ini tiada apa-apa maklumat tambahan kepada jawapan yang telah diberikan itu.

KONYENSYEN 107 PERTUBUHAN BURUH ANTARABANGSA

29. Tuan Harrison Ngau Laing minta Menteri Sumber Manusia menyatakan apakah sebabnya negara Malaysia belum lagi mengesahkan/menandatangani Konvensyen No. 107 Kesatuan Buruh Antarabangsa.

Menteri Sumber Manusia (Dato' Lim Ah Lek): Konvensyen 107 Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) adalah mengenai, dengan izin, 'The Protection and Integralion of Indigenous and Other Tribal and Semi-Tribal Population in Independent Countries'. Konvensyen ini digubal antara lain untuk melindungi penduduk-penduduk pribumi dan suku-suku kaum dari segi cara penghidupan, nilai-nilai kebudayaan, keagamaan dan pekerjaan mereka. Pada kebiasaannya Kerajaan kita mengiktirafkan konvensyen-konvensyen yang ada kaitan secara langsung dengan perburuhan sahaja jika konvensyen-konvensyen yang akan diiktirafkan itu didapati selaras dengan dasar, amalan dan kepentingan negara. Memandangkan sebahagian daripada peruntukan-peruntukan dalam Konvensyen 107 tidak kena-mengena dengan perkara perburuhan maka Kerajaan tidak mengiktirafkannya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di negara kita semua kaum pribumi dan suku-suku kaum warganegara Malaysia adalah diberi layanan yang saksama oleh Kerajaan seperti yang termaktub dalam Perlembagaan. Malahan melalui program-program tertentu Kerajaan telah berusaha bagi menentukan golongan ini menikmati hasil-hasil dari pembangunan yang telah dan sedang dilaksanakan oleh Kerajaan. Dalam hubungan ini jelaslah kedudukan kaum-kaum pribumi dan suku-suku kaum tertentu di negara ini adalah terjamin. Memandangkan hal ini soal Kerajaan mengiktirafkan konvensyen tersebut atau sebaliknya tidaklah menjadi satu isu.

JAMBATAN DI LEBUHRAYA GEMAS—SEGAMAT

30. Tuan S.S. Subramanian minta Menteri Kerja Raya menyatakan bilakah projek jambatan yang ke 2 untuk bandar Segamat akan bermula. Adakah beliau sedar dengan kerosakan satu jambatan kecil di Lebuhraya Gemas-Segamat pada 8.5.1991, penduduk-penduduk kawasan Segamat telah mengalami kesesakan jalanraya dan kesukaran yang amat sangat. Apakah akibatnya jika ada hanya satu jambatan yang menjadi 'link' antara Segamat dan Labis terjejas dengan berlakunya apa-apa kejadian yang tidak diingini.

Tuan Kerk Choo Ting: Kementerian saya memang sedar tentang masalah yang dihadapi oleh penduduk-penduduk kawasan Segamat sekiranya sesuatu berlaku pada jambatan di bandar Segamat itu. Atas hakikat ini tindakan telah diambil untuk membaiki jambatan di Lebuhraya Gemas-Segamat pada bulan Disember 1990. Pada 8.5.91 lencongan sementara projek tersebut ditenggelami air oleh kerana hujan lebat dan lencongan tersebut terpaksa dituip sementara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kejadian kesesakan lalulintas seperti yang berlaku akibat dari kerosakan jambatan kecil di Lebuhraya Gemas-Segamat dijangka tidak akan berlaku lagi setelah projek memperbaiki jambatan itu siap pada akhir bulan Oktober 1991.

Berkenaan jambatan kedua untuk bandar Segamat, cadangan akan dikemukakan semasa Kajian Semula Penggal Kedua Rancangan Malaysia Keenam pada tahun 1993.

TABUNG HAJI—MEMINDA AKTA

31. Tuan Haji Ishak bin Arshad minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Akta Lembaga Urusan dan Tabung Haji akan dipinda yang membolehkan Tabung Haji berorientasi kepada kebajikan dan dakwah seperti mewujudkan Institut Dakwah dan Tabung Kebajikan untuk membela nasib umat Islam yang miskin di seluruh Malaysia.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha); Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak berhasrat meminda Akta Lembaga Urusan dan Tabung Haji yang ada sekarang. Kerajaan berpuashati dengan aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh Lembaga Urusan dan Tabung Haji pada masa ini.

PENTADBIRAN AGAMA ISLAM NEGERI-NEGERI— PENYELARASAN

32. Tuan Mohamed Khaled bin Nordin minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) sejauhmanakah usaha telah dijalankan oleh Bahagian Hal Ehwal Islam di Jabatan Perdana Menteri untuk menyelaraskan pentadbiran agama Islam negeri-

negeri di Semenanjung Malaysia dan kesan-kesan yang timbul ekoran dari usaha penyeragaman institusi Islam ini; dan

- (b) adakah terdapat cadangan untuk menyelaraskan pentadbiran Baitul Mal di seluruh negara.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Haji Abdul Hamid bin Othman):

1. Secara ringkas usaha-usaha yang telah dibuat oleh Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri adalah meliputi bidang-bidang berikut:
 - (a) Penyusunan semula struktur organisasi Jabatan-jabatan Agama Islam Negeri
 - (b) Penyusunan Semula Mahkamah-mahkamah Syariah
 - (c) Penyelarasan Undang-undang
 - (d) Penyelarasan kurikulum pelajaran agama sekolah-sekolah agama Kerajaan Negeri
 - (e) Penyelarasan pentadbiran hal ehwal Islam
 - (f) Penyelarasan pentadbiran kehakiman syarak
 - (g) Penyelarasan fatwa
2. Mengenai penyusunan semula struktur organisasi Jabatan Agama Islam Negeri hampir semua negeri telah selesai melaksanakan perakuan Jawatankuasa Kemajuan Hal Ehwal Islam Malaysia.
3. Mengenai penyusunan semula mahkamah-mahkamah syariah perakuan yang dibuat ialah menubuhkan Jabatan Kehakiman Syarak di tiap-tiap negeri berasingan daripada Jabatan-jabatan Agama Islam Negeri

dengan mengadakan jawatan-jawatan tambahan. Sehingga kini negeri Terengganu, Negeri Sembilan dan Sarawak telah selesai melaksanakan perakuan ini. Bagi negeri-negeri lain proses pelaksanaan dalam berbagai peringkat.

4. Mengenai penyelarasan undang-undang beberapa undang-undang telah digubal untuk diterimapai oleh pihak-pihak berkuasa Kerajaan negeri dan antaranya adalah seperti berikut:
 - (a) Undang-undang Keluarga Islam
 - (b) Undang-undang Pentadbiran Agama Islam
 - (c) Undang-undang Keterangan
 - (d) Undang-undang Acara Jenayah
 - (e) Undang-undang Acara Mal
 - (f) Undang-undang Pentadbiran Zakat
5. Mengenai usaha-usaha untuk menyelaraskan dan memperkemaskan sistem pelajaran agama ini antara yang telah dilaksanakan ialah mengadakan sistem kelas pengajian al-Quran dan Pardhu Ain dan menyediakan sukatan pelajaran yang standard bagi pendidikan agama peringkat sekolah rendah itu.
6. Beberapa jentera penyelarasan di peringkat pentadbiran telah diwujudkan iaitu Persidangan Ketua-ketua Jabatan dan Majlis Agama Islam Negeri yang diadakan tiga bulan sekali, Persidangan Qadi-qadi Besar yang juga diadakan tiga bulan sekali dan Jawatankuasa Patwa, Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia.
 - (b) Fungsi utama Bahagian Hal Ehwal JPM adalah menjadi badan penyelarasan dalam pentadbiran hal

ehwal Islam di negara ini dan penyelarasan itu adalah dalam semua aspek termasuk pentadbiran zakat, wakaf, baitulmal dan lain-lain lagi.

LESEN MEMANDU KENDERAAN BERAT

33. Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada lesen memandu kenderaan berat seperti bas dan lori hendaklah diperketatkan supaya pemandu-pemandu kenderaan berat terdiri daripada orang-orang yang bertanggungjawab yang menghormati nyawa manusia yang lain.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Kementerian Pengangkutan belum lagi bercadang memperketatkan cara untuk mendapatkan lesen memandu kenderaan berat, oleh kerana sistem pelesenan pemandu yang ada sekarang baru saja dirombaksuai. Mulai 1 Februari 1991, peraturan baru berhubung dengan pelesenan pemandu telah diperkenalkan di mana setiap orang yang ingin mendapat lesen memandu diwajibkan mengikuti kursus Pemanduan Berhemat selama 5 jam. Di samping itu pemandu kenderaan perdagangan perlu mempunyai lesen vokasional dan diwajibkan hadir ceramah sebelum mendapat lesen tersebut. Lesen vokasional juga perlu diperbaharui setiap tahun. Bagi pemandu kenderaan perdagangan yang kerap melakukan kesalahan dan tidak bertanggungjawab semasa memandu, undang-undang pengangkutan jalan memberi kuasa kepada Pengarah JPJ Negeri untuk mengganiung atau membatalkan Lesen vokasional pemandu kenderaan perdagangan berkenaan.

BELIA DI BIDANG SOSIO-EKONOMI

34. Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad minta Menteri Belia dan Sukan

menyatakan apakah perancangan serta strategi Kementeriannya untuk mencemerlangkan prestasi generasi belia di bidang sosio-ekonomi dalam usaha membantu merealisasikan Wawasan 2020 Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Menteri Belia dan Sukan (Tuan Haji Annuar bin Musa): Kementerian Belia dan Sukan telah mengambil langkah yang positif bagi membantu merealisasikan Wawasan 2020 Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia. Di antaranya Kementerian ini telah mempertingkatkan strategi pembangunan belia dengan melaksanakan Program Induk Belia Negara di mana perjuangan visinya sejajar dengan kehendak Wawasan 2020 untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju.

Di dalam Program Induk Belia Negara ini telah dirangka beberapa aktiviti yang tebih teratur bagi melahirkan masyarakat belia yang progresif, berilmu, berdisiplin, bermoral, berkemahiran dan bertanggungjawab.

Di antara program-program yang akan dilaksanakan seperti Program Malaysia Mahir bertujuan untuk memberi latihan kemahiran dalam pelbagai bidang kemahiran bagi memenuhi keperluan tenaga manusia mahir dalam sektor perindustrian. Di bawah program ini juga disediakan aktiviti-aktiviti untuk melahirkan usahawan-usahawan belia yang berjaya.

Di bawah Program Malaysia Patriotik penekanan diberikan kepada aspek pembinaan semangat taat setia, cintakan tanahair dan nilai-nilai yang positif.

Program Malaysia Murni pula akan memberi penekanan kepada pembentukan sifat-sifat mulia, jujur, amanah, berbudi pekerti, berperikemanusiaan dan berfikiran positif ke arah melahirkan belia yang bermoral dan beragama.

Melalui Program Malaysia Harmoni pula akan diberi penekanan ke arah mewujudkan masyarakat bersatu-padu, bekerjasama, sikap saling memahami dan hormat menghormati bagi memastikan kemajuan negara akan berterusan.

BUANGAN SISA TOKSIK

35. Datuk Haji Basri bin Bajuri minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada benar bahawa tempat pembuangan sisa toksik akan dibuat di Kuala Langat, jika ya:

- (a) di bahagian mana Daerah Kuala Langatkah yang akan ditempatkan dan apakah sistem yang akan digunakan;
- (b) sejauhmanakah ia tidak membahayakan penduduk untuk jangka pendek dan jangka panjang; dan
- (c) apakah Kementerian bercadang untuk memberikan penerangan sejelas-jelasnya kepada penduduk berhampiran sebelum projek tersebut dilaksanakan.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Kuala Langat adalah salah satu tapak yang dicadangkan untuk kajian lanjut bagi menentukan kesesuaiannya bagi tujuan yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat:

- (a) Tapak yang dicadangkan adalah tanah Kerajaan di kawasan Kuala Langat Selatan. Sistem yang akan digunakan berupa sebuah sistem yang lengkap dan bersepadu untuk menyimpan, mengolah, menstabil dan melupus buangan-buangan yang telah diolah secara terselamat sepertimana yang terdapat di negara-negara yang lebih maju dan diterima oleh orang ramai.

(b) Sebelum tapak di kawasan itu dipilih, satu kajian kesan-kesan ke atas alam sekitar yang terperinci akan dijalankan untuk memastikan supaya tiada sebarang kesan atau bahaya kepada kesihatan penduduk dan alam sekitarnya.

(c) Pihak Kementerian sememangnya akan memberi penerangan sejelas-jelasnya kepada penduduk berhampiran khasnya dan orang ramai umumnya sebelum projek tersebut dilaksanakan.

ANNE AROKIADASS—SIASATAN POLIS

36. Tuan R. Karpal Singh minta Menteri Dalam Negeri menyatakan tentang laporan polis oleh Puan Anne Arokiadass bahawa beliau telah mengalami suatu pengalaman buruk yang melibatkan beliau dirogol, diugut dan dipaksa berlakon dalam filem-filem lucah dan melakukan pelacuran selama lebih dari enam tahun di tangan suatu kumpulan pegawai polis, termasuk pegawai-pegawai kanan di Selama, Perak.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob): Siasatan ke atas kes ini adalah di peringkat akhir dan akan dirujuk ke Jabatan Peguam Negara untuk tindakan selanjutnya.

HUTANG LAPOK

37. Tuan Abdol Mulok bin Awang Damit minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) jumlah hutang negara bagi tahun 1990;
- (b) jumlah hutang Kerajaan Persekutuan bagi tahun 1990;

- (c) amaun hutang luar negeri dan dalam negeri bagi tempoh 1990; dan
- (d) amaun kos perkhidmatan bagi hutang tersebut dan apakah langkah-langkah yang diambil bagi mengurangkan masalah beban hutang negara.

Tuan Abdul Ghani bin Othman:

- (a) Jumlah hutang negara sehingga 31 Disember, 1990 adalah sebanyak \$41.3 bilion yang meliputi hutang luar Kerajaan Persekutuan, hutang Perusahaan Awam Bukan Kewangan dan hutang sektor swasta.
- (b) & (c) Jumlah hutang Kerajaan Persekutuan bagi tahun 1990 adalah sebanyak \$94.7 bilion meliputi \$24.7 bilion pinjaman luar negeri dan \$70.0 bilion pinjaman dalam negeri.
- (d) Faedah yang dibayar oleh Kerajaan Persekutuan bagi tahun 1990 adalah sebanyak \$6.8 bilion, iaitu \$1.9 bilion bagi pinjaman luar negeri dan \$4.9 bilion bagi pinjaman dalam negeri. Untuk makluman Yang Berhormat, sesebuah negara perlu mengawasi tahap hutang luar supaya ianya tidak menimbulkan masalah beban hutang. Kerajaan Persekutuan senantiasa peka terhadap masalah ini dan melaksanakan dasar pengurusan hutang yang teliti. Antara langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk mengurangkan beban hutang ialah dengan mengurangkan pinjaman luar negeri, membuat pembayaran awal dan juga menggantikan pinjaman yang tertakluk kepada kadar faedah yang tinggi dengan pinjaman yang mengenakan faedah rendah.

**PELANCONG MELAWAT
KELANTAN**

38. Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan jumlah pelancong-pelancong yang telah melawat negeri Kelantan dari bulan November 1989 hingga Mei 1990 jika dibandingkan dengan bulan November 1990 hingga Mei 1991. Sekiranya terdapat perbezaan, dari segi kemerosotan ataupun peningkatan, sila berikan sebab-sebabnya.

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Berdasarkan kajian penginapan hotel yang telah dibuat di Kelantan adalah didapati seramai 84,269 orang pelancong telah mengunjungi dan menginap di hotel-hotel di dalam negeri tersebut dari bulan November 1990 hingga Mac 1991 berbanding dengan seramai 71,041 pelancong pada tempoh November 1989 hingga Mac 1990.

Peningkatan jumlah pelancong tersebut adalah disebabkan kesan usaha-usaha yang dibuat oleh pihak Kerajaan dari segi promosi dan juga penyediaan kemudahan pelancongan di dalam Kempen Tahun Melawat Malaysia 1990.

Sebagai perbandingan bagi tempoh dari bulan Januari hingga Mac 1991 jumlah pelancong yang telah mengunjungi dan menginap di Kelantan adalah sebanyak 48,302 orang berbanding dengan sejumlah 50,515 orang bagi tempoh yang sama di dalam tahun 1990.

Pengurangan jumlah pelancong tersebut adalah disebabkan kesan Perang Teluk dan juga tindakan-tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri Kelantan yang memberi gambaran negatif kepada pelancong-pelancong seperti ura-ura tidak membenarkan kaum wanita bekerja di waktu malam.

**RTM DIPERBADANKAN—
KAJIAN**

39. Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim minta Menteri Penerangan menyatakan:

- (a) bilakah RTM diperbadankan; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang akan diambil bagi memastikan kepentingan nasional dan kepentingan sosial dijaga dengan langkah perbadanan tersebut.

Dato' Haji Fauzi bin Abdul Rahman: Oleh kerana satu pasukan perundingan telah ditugaskan untuk membuat kajian di atas memperbadankan RTM maka soalan ini belum dapat dijawab.

**SKIM GAJI PERKHIDMATAN
AWAM—SEMAKAN**

40. Tuan Ahmad bin Nor minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) bilakah Kerajaan dijangka selesai menyemak struktur semua skim gaji bagi kakitangan perkhidmatan awam; dan
- (b) apakah asas-asas yang digunakan dalam semakan struktur skim tanggagaji kali ini.

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Tuan Yang di-Pertua:

- (a) Kerajaan bercadang menyiapkan kajian semula yang menyeluruh ke atas semua skim gaji bagi kakitangan perkhidmatan awam pada akhir tahun 1991 ini.
- (b) Memandangkan bahawa kajian yang menyeluruh itu masih berjalan, Kerajaan belum lagi dapat mengumumkan asas-asas yang digunakan dalam kajian tersebut.

**SIDANG KEMUNCAK
KETUA-KETUA NEGARA ISLAM
(OIC) DI SENEGAL**

41. Tuan Haji Ibrahim bin Ali minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) apakah idea atau cadangan yang akan dibawa oleh Malaysia di Persidangan Kemuncak Ketua-ketua Pertubuhan Negara-negara Islam (OIC) yang akan diadakan di Turki pada bulan Disember 1991 ini, terutama bagi mencari penyelesaian yang menyeluruh dalam soal Krisis Teluk termasuk masalah Palestin; dan
- (b) apakah benar hubungan antara negara-negara Islam dalam OIC begitu rapuh dan tidak ada kerjasama serta komitmen terhadap isu-isu yang membabitkan kepentingan Islam sejagat. Jika benar apakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mempunyai cadangan dalam usaha memperkukuhkan kerjasama antara anggota OIC supaya ianya benar-benar menjadi badan dunia Islam sejagat yang berkesan dan dihormati.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Sidang Kemuncak ke-6 Ketua-ketua Negara Islam (OIC) akan diadakan di Dakar, Senegal dalam bulan Disember 1991 akan datang. Sebelum itu, Menteri-menteri Luar Pertubuhan Negara-negara Islam (OIC) akan mengadakan persidangan tahunannya yang ke-20 di Turki dalam bulan Ogos, 1991 akan datang.
- (b) Seperti biasa, Malaysia akan menghadiri Sidang Kemuncak tersebut. Bagi kita walaupun Krisis Teluk telah berakhir tetapi ianya telah memberikan banyak

pengajaran kepada umat dan negara-negara Islam seluruhnya. Malaysia akan mengambil kesempatan di Sidang Kemuncak tersebut untuk menekankan betapa pentingnya perpaduan dan kerjasama erat di kalangan negara-negara anggota OIC diwujudkan agar tragedi seperti Krisis Teluk itu tidak berulang lagi antara negara-negara Islam. Malaysia juga akan menggesa negara-negara Islam supaya bersatu-padu dan hormat menghormati kedaulatan negara-negara lain. Usaha-usaha penyatuan semula perselisihan yang wujud di kalangan negara-negara Islam terutamanya ekoran dari Krisis Teluk akan diberi perhatian utama dan di sini kita berharap akan dapat memainkan peranan yang sesuai.

Isu Palestin adalah satu-satu isu yang sentiasa berada dalam jiwa masyarakat dan negara-negara Islam sejak sekian lama. Dalam hal ini, Malaysia berpendapat perlu diwujudkan satu barisan padu (united front) di kalangan negara-negara Islam yang dapat bertindak sebagai satu "pressure group" yang boleh mempengaruhi situasi di Asia Barat termasuk usaha-usaha mewujudkan sebuah negara Palestin yang merdeka dan berdaulat. Kita berharap negara-negara Islam meneruskan usaha-usaha ke arah mengadakan Persidangan Antarabangsa tajaan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) yang dihadiri oleh semua negara-negara berkenaan termasuk Pertubuhan Pembebasan Palestin (PLO).

- (b) Memang tidak dapat dinafikan kerjasama di kalangan negara-negara Pertubuhan Persidangan Islam terutama kerjasama dalam bidang ekonomi belum begitu berkesan.

Sebagaimana yang kita semua ketahui, hampir setengah dari jumlah negara-negara anggota OIC adalah negara-negara miskin (Least Developed Countries) yang sering dilanda bencana alam dan mengalami keadaan politik dalam negeri yang tidak stabil.

Dalam hal ini, kita akan terus memberi penekanan betapa pentingnya diadakan kerjasama antara negara-negara anggota dalam semua aspek khususnya dalam bidang ekonomi bagi membantu meningkat dan memajukan taraf hidup umat negara masing-masing. Sekiranya negara-negara ahli masih mundur dan ketinggalan jauh di belakang sudah tentu pertubuhan itu sendiri tidak dapat menjadi sebuah organisasi Islam yang berkesan dan dihormati.

Selaras dengan ini, Malaysia akan menggesa Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) supaya mengkaji semula segala rancangan-rancangan yang telah dirangka bagi mengenalpasti dan menumpukan perhatian kepada beberapa projek sahaja yang benar-benar boleh dilaksanakan dengan berkesan. Di samping itu, kita juga akan menggesa supaya OIC buat masa ini tidak lagi memperkenalkan projek-projek baru yang indah pada teorinya tetapi susah untuk dilaksanakan. Ini amat penting bagi memastikan segala kegiatan-kegiatan pertubuhan tersebut dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

MAJLIS PERUNDINGAN AKTA PENDIDIKAN

42. Tuan Fong Kui Lun minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah hasil yang telah dicapai oleh Majlis Perundingan Akta Pendidikan dalam

menyediakan deraf terakhir Rang Undang-undang Pendidikan Negara 1991 dan apakah cadangan-cadangan yang ditolak oleh MPAP.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hasil perbincangan Majlis Perundingan Akta Pendidikan, pihak penggubal telah mendapat pandangan berbagai pihak mengenai peruntukan-peruntukan dalam Rang Undang-undang tersebut. Pandangan ini merupakan pandangan berbagai jenis pertubuhan, termasuk parti-parti politik, pertubuhan masyarakat dan agama daripada berbagai kaum di negara ini. Kedudukan cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Majlis itu akan diputuskan setelah kesemuanya selesai dikaji dengan teliti.

FILEM CINA DI TV MALAYSIA

43. Puan Lim Lay Hoon minta Menteri Penerangan menyatakan:

- (a) adakah Kementerian Penerangan sedar bahawa kebanyakan daripada tayangan gambar Cina yang ditunjukkan melalui TV Malaysia menggunakan bahasa dialek Cina—"Kantonis" bahkan bahasa Cina yang digunakan oleh pihak Kerajaan adalah bahasa Mandarin; dan
- (b) adakah Kementerian bercadang hendak menambahkan tayangan wayang gambar Cina yang menggunakan bahasa Mandarin.

Dato' Haji Fauzi bin Abdul Rahman:

- (a) Kementerian Penerangan melalui RTM menayangkan filem-filem Cina adalah semata-mata sebagai hiburan bagi penonton-penonton khususnya yang memahami bahasa berkenaan. Filem-filem Cina atau dalam dialek Kantonis banyak ditayangkan oleh kerana

ianya mendapat tontonan yang ramai di negara kita di samping mudah diperolehi dan kos perolehan yang termampu oleh RTM. Kajian juga menunjukkan bahawa filem-filem berdialek Kantonis adalah dua kali ganda lebih ramai tontonan kalau dibandingkan dengan filem-filem Mandarin.

- (b) Kementerian akan mengkaji dari masa ke semasa dan akan meneruskan tayangan filem-filem dalam Bahasa Mandarin tertakluk kepada kos perolehan dan 'availability' walaupun ianya tidak mendapat 'rating' tontonan yang tinggi sebagaimana filem-filem Kantonis memperoleh.

BILIK ASRAMA/KELAS/RUMAH GURU—KEKURANGAN

44. Tuan Billy Abit Joo minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) jumlah kekurangan bilik asrama, bilik kelas dan rumah guru di seluruh negara amnya di Sarawak khasnya; dan
- (b) apakah langkah yang sedang diambil untuk menyelesaikan masalah ini khasnya di Sarawak.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat:

- (a) Kementerian Pendidikan menyedari wujudnya kekurangan bilik-bilik asrama, bilik kelas dan rumah guru bukan sahaja di Sarawak tetapi di seluruh negara. Bagi negeri Sarawak, kekurangan bilik asrama ialah 687 buah dan bilik darjah sebanyak 3,045. Dengan kadar 75% guru-gurut inggal di rumah Kerajaan, kekurangan rumah guru adalah dianggarkan sebanyak 9,735 buah.

- (b) Bagi menyelesaikan masalah tersebut di Sarawak, Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak sentiasa berusaha untuk mengatasinya dalam RM6. Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak telah meminta peruntukan untuk membina sebanyak 687 bilik asrama, 2,057 bilik darjah dan 3,071 unit rumah guru. Pembinaan akan berjalan sebaik sahaja peruntukan tersebut diluluskan oleh Kerajaan mengikut kemampuan kewangan negara pada masa ini.

SEKOLAH KEBANGSAAN YANG ROSAK DI LUAR BANDAR

45. Tuan George Sangkin minta Menteri Pendidikan menyatakan tentang langkah-langkah yang telah dan sedang diambil oleh Kementerianya untuk membaiki bangunan-bangunan Sekolah Kebangsaan yang telah usang atau yang menghadapi kerosakan dalam daerah Kota Marudu.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian ini telah dan sedang mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk membaiki bangunan sekolah terutama sekolah-sekolah kebangsaan di luar bandar yang telah usang dan rosak. Usaha ini dilakukan setiap tahun berdasarkan peruntukan yang diluluskan.

Bagi tahun 1991, Jabatan Pendidikan Sabah sedang melaksanakan pembaikan ke atas 15 buah sekolah rendah dan menengah di daerah Kota Marudu dengan perbelanjaan yang telah digunakan sebanyak \$53,000 dan peruntukan tersebut akan ditambah mengikut keperluan.

SIJIL PEPERIKSAAN BERSAMA—PENGIKTIRAKAN

46. Tuan Wong Wing On minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada Kerajaan akan menerima cadangan yang dikemukakan oleh Dong Zhio Zhong supaya Sijil Peperiksaan Bersama atau "Unified Examination" diiktirafkan secara rasmi, memandangkan institut-institut pengajian tinggi di Taiwan, Jepun, Singapura, Australia, Filipina, Britain dan Amerika Syarikat telahpun berbuat demikian.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengenai urusan pengiktirafan Sijil Peperiksaan Bersama atau "Unified Examination" sebagaimana yang dicadangkan itu, sukacita dimaklumkan bahawa sesuatu kelayakan itu diiktiraf adalah bagi tujuan lantikan ke jawatan-jawatan yang bersesuaian serta dinilai mengikut keperluannya dalam Perkhidmatan Awam dan bukan untuk maksud mengiktirafnya atau menilainya bagi tujuan kemasukan ke mana-mana institusi pengajian tinggi sama ada di dalam atau luar negara.

PEMBAYAR CUKAI INDIYIDU/ SYARIKAT

47. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Kewangan menyatakan bilangan (i) individu-individu dan (ii) syarikat-syarikat yang telah memberi kenyataan kepada Jabatan Hasil Dalam Negeri dalam penyata mutakhir dengan menyatakan pendapatan tahunan mereka lebih daripada (a) setengah juta ringgit, dan (b) sejuta ringgit.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Berdasarkan pada Penyata Tahunan Taksiran 1990, bilangan pembayar cukai individu dan syarikat di Semenanjung Malaysia yang melaporkan pendapatan

melebihi setengah juta ringgit dan sejuta ringgit adalah seperti berikut:

- (a) bagi setengah juta ringgit hingga sejuta ringgit
- | | | |
|----------|---|-----|
| individu | - | 126 |
| syarikat | - | 707 |
- (b) melebihi sejuta ringgit
- | | | |
|----------|---|-------|
| individu | - | 25 |
| syarikat | - | 1,065 |

LAPANGAN TERBANG SULTAN AZLAN SHAH, IPOH—ALAT PENDARATAN

48. Tuan Foo Piew Kok minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah sebabnya alat pendaratan Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah, Ipoh mengambil masa yang panjang untuk memulihkan kegunaannya. Ini mengakibatkan sehingga kini penerbangan 6737 itu masih dibatalkan. Setakat 30.4.1991 berapakah jumlah hasil pendapatan itu hilang akibat pembatalan penerbangan tersebut.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Alat-alat pendaratan di Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah, Ipoh telah dipasang pada bulan Disember 1989. Walau bagaimanapun, peralatan-peralatan ini telah mengalami kerosakan oleh kerana dipanah petir. Alat-alat yang rosak telah dibuka dan dihantar kembali kepada pembuatnya di Amerika Syarikat untuk diperbaiki. Alat-alat ini sudah dipasang kembali dan masih di dalam peringkat ujian Jabatan Penerbangan Awam sebelum ianya dapat di "commission"kan. Mengenai hilangnya pendapatan akibat dari pembatalan penerbangan B737, saya tidaklah dapat memberi jawapan yang tepat kerana soal mengenai pendapatan ini tertakluk kepada "load factor" penerbangan-penerbangan tersebut.

PERPADUAN MASYARAKAT—KAJIAN

49. Tuan Jawah Anak Gerang minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan:

- (a) sama ada kajian mengenai perpaduan masyarakat negara ini ada dibuat dan kalau ada apakah hasil kajian tersebut;
- (b) pada pendapat Kementerian Yang Berhormat apakah sebab rakyat Sabah hendak keluar dari Malaysia dan sama ada salah satu daripada sebab ialah mereka merasakan diri mereka telah diusir oleh orang-orang Semenanjung; dan
- (c) apakah usaha yang dijalankan oleh Kementerian ini untuk membetulkan keadaan di atas.

Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat (Dato' Napsiah binti Omar):

- (a) Kementerian memang ada menjalankan kajian-kajian mengenai perpaduan masyarakat di negara ini. Pada keseluruhannya hasil kajian menunjukkan bahawa perpaduan di kalangan masyarakat Malaysia memang wujud dan berada pada tahap yang positif dan amat menggalakkan.
- (b) Untuk makluman Yang Berhormat, adalah tidak benar kenyataan yang mengatakan rakyat Sabah hendak keluar dari Malaysia.
- (c) Oleh kerana kenyataan ini tidak benar, maka soalan ini adalah tidak berkenaan.

IDENTITI SUKU-SUKU KAUM

50. Tuan Haji Mahbud bin Haji Hashim minta Menteri Dalam Negeri menyatakan masih terdapat kekeliruan di kalangan Jabatan-jabatan Kerajaan, sektor-sektor awam dan swasta tentang identiti suku-suku kaum India. Misalnya orang Tamil disebut sebagai orang India, manakala orang Punjab (Punjabi) dipanggil orang Sikh, sedangkan pada dasarnya orang India akan meliputi Tamil, Gujarati, Punjabi dan sebagainya yang berasal dari negara India. Setnentara Sikh hanyalah salah satu agama suku-suku kaum tersebut:

- (a) adakah Kerajaan sedar bahawa kekeliruan seumpama ini boleh membawa kesilapan besar dalam proses pengumpulan maklumat risikan, kerana terdapat juga suku-suku lain yang beragama Sikh, dan tidak kurang juga ramainya orang-orang Punjab yang beragama Islam dan Kristian; dan
- (b) seandainya Kerajaan sedar apakah tindakan pihak Kementerian berkenaan bagi mengatasi masalah tersebut.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Kerajaan memang sedar adanya kekeliruan mengenai identiti berbagai suku kaum yang ada di negara ini. Kekeliruan ini mungkin berpunca daripada penggunaan keturunan seseorang disalahertikan dengan anutan agama. Pihak Jabatan Pendaftaran Negara mencatatkan keturunan ibu bapa kanak-kanak mengikut klasifikasi yang telah ditentukan dan maklumat mengenai keturunan diberikan oleh pemaklum yang dikelayakan. Walau bagaimanapun, kekeliruan tersebut tidak menjejaskan proses pengumpulan maklumat risikan dan keselamatan.

Mereka yang menghadapi masalah ini disyorkan membuat semakan butiran seperti dalam catatan sivil kelahiran orang-orang berkenaan.

SEKOLAH MENENGAH SWASTA—MENUBUHKAN CAWANGAN

51. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Pendidikan menyatakan dasar, kriteria, dan pendirian Kerajaan kepada:

- (a) permohonan sekolah menengah swasta untuk mendirikan cawangan;
- (b) permohonan untuk mendirikan sekolah menengah swasta baru; dan
- (c) (i) murid-murid sekolah rendah diminta mengutip wang untuk tujuan tertentu seperti pada Mei lepas, murid-murid di Negeri Pulau Pinang disuruh mengutip wang "Walkathon" oleh Majlis Sukan sekolah-sekolah Pulau Pinang di mana seorang murid dari Seberang Perai Utara kena kemalangan; dan
- (ii) sama ada Kerajaan memberi pampasan dan belanja perawatan ubat kepada murid tersebut itu. Jika tidak, mengapa.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat:

- (a) Setiap sekolah ataupun cawangan adalah dikira sebagai berasingan dari mana-mana sekolah lain. Oleh yang demikian sebarang permohonan untuk mendirikan sesebuah sekolah adalah dipertimbangkan sebagai sebuah sekolah baru.
- (b) Permohonan untuk mendirikan sesebuah sekolah swasta yang baru dipertimbangkan dengan menggunakan beberapa garis-

panduan tertentu. Di antara perkara utama ialah:

- (i) sama ada kurikulum atau kursus selaras atau tidak dengan Falsafah Pendidikan dan sistem serta Dasar Pendidikan Negara;
 - (ii) keperluan menubuhkan sesebuah sekolah di kawasan berkenaan;
 - (iii) penggunaan bangunan yang sesuai dan selamat;
 - (iv) pengurusan dan pentadbiran yang berkeupayaan dan bertanggungjawab; dan
 - (v) terdapatnya tenaga pengajar, kemudahan-kemudahan dan kelengkapan yang sesuai dan mencukupi bagi kegiatan pendidikan.
- (c) (i) Adalah benar bahawa pada bulan Mei 1991 murid-murid sekolah di Pulau Pinang mengutip derma "walkathon" untuk Majlis Sukan Sekolah-sekolah Pulau Pinang. Bagaimanapun pihak sekolah cuma meminta ibu bapa menderma untuk mengisi tabung majlis tersebut.
- (ii) Pihak Jabatan Pendidikan dan sekolah berkenaan telah berusaha memberikan bantuan dan sumbangan kepada murid yang berkenaan tetapi ibu bapa murid tersebut tidak mahu menerima dengan alasan perbelanjaan perubatan anak mereka tidak memerlukan belanja yang banyak.

HOSPITAL DI PEKAN SELANGAU, MUKAH—PEMBINAAN

52. Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) sebuah hospital akan dibina di Pekan Selangau dalam Daerah Mukah, Sarawak, dan
- (b) rumah tumpangan akan dibina atau tidak berdekatan dengan hospital yang sedang dibina di Batu 5, Jalan Oya Sibul, untuk memudahkan mereka yang menjaga para pesakit yang dimasukkan di wad.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Dato' K. Kumaran):

- (a) Pada masa kini Kementerian Kesihatan tidak ada rancangan untuk membina sebuah hospital di Pekan Selangau, Mukah. Walau bagaimanapun, Klinik Desa di Selangau telah dinaik taraf ke Pusat Kesihatan dan seorang pegawai perubatan telah ditempatkan.
- (b) Kementerian Kesihatan telah merancang untuk membina sebuah rumah tumpangan di bawah Fasa II Hospital Baru, Sibul.

JAMBATAN MENYEBERANGI SUNGAI RAJANG

53. Tuan Thomas Salang Siden minta Menteri Kerja Raya menyatakan sama ada Kerajaan Pusat ada rancangan untuk membina sebuah jambatan menyeberang Sungai Rajang, untuk menyambung Lebuhraya Kuching/Sibul/Bintulu dengan secepat mungkin, dan berapakah ongkos pembinaannya sekarang,

Tuan Kerk Choo Ting: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan ada mencadangkan untuk

membina sebuah jambatan menyeberangi Sungai Rajang di Sarawak supaya jalan utama Kuching/Sibu/Bintulu dapat dihubungi. Bagaimanapun, pelaksanaan projek ini akan dilakukan secara berperingkat-peringkat di mana kerja-kerja kajian tanah, kerja-kerja ukur dan merekabentuk dijangka akan dijalankan dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam.

PENYAKIT AIDS DI SABAH

54. Tuan Nurnikman bin Abdullah minta Menteri Kesihatan menyatakan berapa ramaiakah rakyat Malaysia yang didapati mengidap atau pembawa penyakit AIDS dan berapakah bilangan ini dari Sabah. Adakah langkah-langkah 'cegah sebelum kena' yang diambil oleh Kerajaan itu berkesan.

Dato' Lee Kim Sai: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga akhir bulan Mei 1991, sebanyak 28 kes AIDS dan 1,127 pembawa penyakit AIDS telah dikesan di negara ini. Dari jumlah ini, 22 kes AIDS telahpun mati. Walau bagaimanapun, tiada kes AIDS atau pembawa penyakit AIDS dilaporkan dari Sabah. Langkah-langkah 'cegah sebelum kena' yang diambil oleh Kerajaan adalah mengikut kaedah-kaedah pencegahan yang paling berkesan dan sesuai yang diketahui oleh pakar-pakar perubatan dan kesihatan pada masa ini.

Langkah-langkah ini adalah selaras dengan apa yang disyorkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia.

(Soalan No.55 Sila lihat jawapan No. 11 pada 28.6.91)

LEMBAGA AIR—MENGAMBIL- ALIH

56. Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman minta Menteri Kerja Raya menyatakan adakah Kerajaan

bercadang untuk meneruskan proses pengambilan alihan pengurusan air dari Kerajaan Negeri. Dan apakah tujuan dan matlamat Kerajaan Pusat berhubung dengan perkara ini. Sudahkah kajian secara terperinci dibuat dan apakah hasil dari kajian tersebut berhubung dengan perkara ini.

Tuan Kerk Choo Ting: Perkara-perkara dalam soalan ini telahpun saya sentuh semasa memberi jawapan kepada soalan Yang Berhormat dari Parit Sulong pada 26.6.1991 dan saya tidak bercadang untuk mengulangi jawapan itu.

UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA—TENAGA LULUSAN

57. Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood minta Perdana Menteri menyatakan sudahkah keperluan dan perkhidmatan undang-undang yang membabitkan hal ehwal Islam dan umat Islam di negara ini dapat dipenuhi oleh tenaga lulusan undang-undang Universiti Islam Antarabangsa. Sehingga ini berapa ramai lulusan undang-undang universiti itu diterima berkhidmat dalam Jabatan Kerajaan dan di manakah mereka diletakkan. Bagaimana prestasi mereka. Jika antara mereka yang ada berkhidmat dengan syarikat guaman, bagaimana dengan prestasinya dan adakah sesuatu yang baru atau pengalaman baru dari kehadiran mereka.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman (Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar): Tuan Yang di-Pertua, pada umumnya terdapat beberapa tenaga lulusan undang-undang Universiti Islam Antarabangsa dapat memenuhi keperluan dan perkhidmatan undang-undang yang membabitkan hal ehwal Islam dan umat Islam di negara ini.

Setakat ini 45 orang lulusan Ijazah Sarjana Muda Undang-undang dari

Universiti Islam Antarabangsa telah diambil berkhidmat oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan.

Pada keseluruhannya prestasi pegawai-pegawai adalah baik, setanding dengan prestasi graduan-graduan dari universiti-universiti tempatan yang lain.

HUBUNGAN JABATAN KEHAKIMAN DENGAN HAKIM-HAKIM

58. Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed tnta Mcnieri Kehakiman menyatakan adakah benar sudah wujud hubungan yang tidak baik di antara Jabatan Kehakiman dengan Hakim-hakim di negara ini akibat daripada tindakan Kementerian Kehakiman yang mencampuri urusan pentadbiran Mahkamah tanpa memahami konsep kebebasan kehakiman yang benar.

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Ingin saya menjelaskan bahawa sekiranya semua pihak yang berkenaan benar-benar faham objektif dan fungsi Kementerian Kehakiman, Jabatan Kehakiman dan Hakim-hakim, suasana kekeliruan atau confusion dengan izin, seperti pertanyaan Yang Berhormat ini tidak akan timbul sama sekali. Walau bagaimanapun, sebagai menjawab pertanyaan ini, inilah ditegaskan bahawa tidak wujud sebarang hubungan yang tidak baik di antara Jabatan Kehakiman dengan Hakim-hakim di negara ini. Konsep kebebasan kehakiman adalah diamalkan oleh semua pihak yang berkenaan.

Untuk makluman Yang Berhormat - Jabatan Kehakiman diketuai oleh Ketua Pendaftar, yang berpejabat di Mahkamah Agung, dan melaksanakan tugas-tugas secara dual responsibility, dengan izin, iaitu selaku Ketua Jabatan di bawah Kementerian dan selaku Pentadbir Keadilan di Mahkamah. Justeru itu, adalah mustahil suasana sedemikian timbul.

LAPANGAN TERBANG TEMPATAN—SISTEM KESELAMATAN

59. **Dr Tan Seng Giaw** minta Menteri Pengangkutan menyatakan menjelang awal bulan Jun 1991, apakah kemajuan yang telah dicapai oleh Jawatankuasa Khas yang ditubuh untuk mengkaji semula ciri-ciri keselamatan di semua lapangan terbang tempatan. Adakah Jawatankuasa sempat menyempurnakan kerja mereka mengikut jadual tempoh masa dua hingga tiga bulan yang ditetapkan oleh Kementerian. Jika tempoh masa yang lebih diperlukan, mengapa. Adakah laporan akhir Jawatankuasa akan dibentangkan di Parlimen. Jika tidak, mengapa. Mengapakah Kementerian tidak mengumumkan atau sekurang-kurangnya membentangkan laporan pihak berkuasa Singapura ke atas peristiwa empat orang Pakistan cuba merampas kapal terbang SIA akhir bulan Mac lalu.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Badan Menilai Semula Sistem Keselamatan Lapangan Terbang Di Seluruh Malaysia, yang ditubuhkan, sedang melaksanakan tugas mengikut bidang rujukan yang ditetapkan. Badan tersebut pada masa ini masih dalam peringkat akhir penyediaan laporan.

Untuk makluman Yang Berhormat Kerajaan tidak menelapkan jangka masa kepada Badan Menilai Semula Sistem Keselamatan Lapangan Terbang Di Seluruh Malaysia bagi menyediakan laporannya. Dengan demikian soal sama ada Badan tersebut menyempurnakan tugas mereka dalam tempoh masa dua hingga tiga bulan, tidaklah timbul.

Mengenai soalan sama ada laporan Badan Menilai Semula Sistem Keselamatan Lapangan Terbang Di Seluruh Malaysia akan dibentangkan di Parlimen atau tidak, suka saya

memaklumkan bahawa ianya akan ditentukan selepas Kerajaan menerima laporan dan tindakan pentadbiran yang sesuai diambil.

Kementerian Pengangkutan telah menjalankan siasatan lengkap mengenai peristiwa rampasan pesawat Singapore International Airlines (SIA), pada 26 Mac 1991 lalu. Dengan demikian soal perlunya laporan mana-mana pihak berkuasa negara asing diumumkan atau dibentangkan tidaklah timbul.

PEJABAT POS DI DAERAH JELI

60. Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan adakah Kementerian berhasrat untuk membina sebuah pejabat pos di Daerah Jeli Kelantan. Jika ya, bilakah projek tersebut akan bermula.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Seri S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat pihak Kementerian saya memang berhasrat untuk membina sebuah pejabat pos di Daerah Jeli, Kelantan. Pembinaan projek tersebut dijangka bermula dalam tahun 1992.

CHIN PENG—PERMOHONAN MASUK KE MALAYSIA

61. Dr V. David minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) adakah benar Encik Chin Peng daripada Parti Komunis Malaya telah membuat permohonan memasuki semula ke Malaysia; dan
- (b) jika sekiranya permohonannya diluluskan oleh Kerajaan, adakah Kerajaan ingin membenarkan beliau mengikuti kehidupan yang biasa.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:

- (a) Chin Peng ada membuat permohonan untuk masuk ke Malaysia.
- (b) Sekiranya permohonan beliau diluluskan, tiada halangan bagi beliau untuk menjalani kehidupan biasa selaras dengan kehendak undang-undang negara ini (in accordance with the laws of Malaysia).

MINYAK DAN GAS DI SEMPADAN MALAYSIA— THAILAND

62. Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang minta Perdana Menteri menyatakan hasil kemajuan yang telah dicapai berhubung dengan operasi bersama di dalam mengeksploitasi minyak dan gas di kawasan sempadan Malaysia-Thailand.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Wong See Wah): Soalan ini telahpun dijawab semasa saya menjawab soalan Yang Berhormat dari Kota Baru pada 28 Jun 1991 dan saya tiada apa-apa lagi untuk menambah dalam perkara ini.

SISWAZAH MENGGANGGUR

63. Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim minta Perdana Menteri menyatakan berapakah bilangan siswazah yang masih menganggur sehingga sekarang.

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Bilangan siswazah (ijazah dan diploma) yang masih berdaftar dengan Jabatan Tenaga Rakyat, Kementerian Pembangunan Manusia untuk mendapat pekerjaan sehingga bulan Disember 1990 ialah seramai 4,698 orang. Jumlah ini termasuklah sebilangan kecil yang sudah pun bekerja tetapi mendaftarkan diri untuk mencari kerja yang lebih baik.

Di dalam keadaan ekonomi negara yang sedang membangun dengan pesat dan adanya sungutan-sungutan pelabur berkenaan kekurangan pekerja pada semua peringkat, dari operator pengeluaran, pekerja-pekerja mahir dan jurutera hingga ke peringkat pengurusan, keadaan pengangguran siswazah yang tinggi ini sepatutnya tidak timbul lagi oleh kerana banyak peluang pekerjaan. Adalah wajar siswazah ini tidak terus menganggur. Sebaliknya mereka harus bertukar sikap merebut peluang pekerjaan yang sedia ada untuk membuat atau menambah pengalaman kerja serta kemahiran. Hanya dengan ini sahaja dapat mereka meningkat, dengan izin, marketability mereka di dalam pasaran buruh.

BUANGAN SISA TOKSIK

64. Lt. Kol. (B) Ibrahim bin Sareh minta Memeri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan apakah rancangan Kementerian untuk mengendalikan buangan sisa-sisa toksik yang berpunca daripada kilang-kilang elektronik, kilang penyaduran logam dan kilang-kilang lain yang sedemikian untuk mengelakkan pencemaran.

Tuan Peter Chin Kah Kui: Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar telahpun mengambil peraturan-peraturan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 bagi mengawal buangan terjadual yang berpunca dari kilang-kilang elektronik, saduran logam dan lain-lain. Kilang-kilang dikehendaki mengendali buangan terjadual ini dengan sebaik mungkin untuk mengelakkan dari pencemaran. Kaedah-kaedah pengendalian yang dimaksudkan termasuklah proses gunasemula, pengolahan ataupun pelupusan di tapak-tapak yang diluluskan.

Kilang-kilang digalakkan mengurangkan penggunaan bahan mentah yang merbahaya dan menggunakan teknik pemerosesan yang mudah dan berkesan

untuk mengurangkan pengeluaran buangan terjadual.

Selain daripada itu, Kerajaan juga sedang giat menggalakkan pihak swasta menyediakan kemudahan-kemudahan untuk mengendali buangan terjadual.

WAWASAN 2020

65. Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad minta Perdana Menteri menyatakan apakah Wawasan 2020 dan apakah kepentingannya kepada rakyat dan negara.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman): Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, isu Wawasan 2020 dan perkara berkaitan telahpun diterangkan secara terperinci oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa menjawab pertanyaan mulut di Dewan ini pada 17 Jun 1991. Segala dasar pembangunan sosio-ekonomi negara akan diselaraskan dengan Wawasan 2020 ini.

USUL

RANCANGAN MALAYSIA KEENAM 1991-1995

3.35 *ptg.*

Perdana Menteri (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang di-Pertua, dengan sukacitanya saya berdiri di Dewan yang mulia ini untuk mencadangkan satu usul atas nama saya seperti berikut:

Bahawa Dewan ini,

Menyedari pertumbuhan pesat ekonomi negara dan pencapaian yang ketara ke arah matlamat sosio-ekonomi dalam tempoh pelaksanaan Rancangan Malaysia Kelima;

Merestui usaha-usaha Kerajaan melaksanakan Dasar Pembangunan Nasional bagi mencapai pembangunan yang seimbang berasaskan kepada pertumbuhan dengan pengagihan yang saksama dan matlamat yang terkandung di dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua;

Meluluskan Rancangan Malaysia Keenam yang dirangka untuk melaksanakan strategi dan program serta menyediakan peruntukan bagi mencapai matlamat dan memenuhi tanggungjawab kita dalam Dasar Pembangunan Nasional, seperti yang dibentangkan dalam Kertas Perintah Bil.9 Tahun 1991;

Bahawa dalam meluluskan Rancangan Malaysia Keenam, Dewan ini menyeru semua rakyat Malaysia daripada segenap lapisan untuk terus berusaha dengan lebih gigih dan penuh keamanan selaras dengan hasrat Rukunegara, ke arah mewujudkan masyarakat yang bersatupadu dan adil, serta membentuk sebuah negara yang progresif dan teguh."

Tuan Yang di-Pertua, beberapa minggu yang lalu di Dewan ini, saya telah membentangkan usul mengenai Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua (RRJP 2), 1991-2000, yang mengandungi Dasar Pembangunan Baru, kemudian dipinda menjadi Dasar Pembangunan Nasional (DPN) yang menyediakan arah pembangunan negara dan agenda untuk sepuluh tahun akan datang. Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Dewan ini telahpun meluluskan RRJP 2 dan DPN dengan penuh keyakinan bahawa Dasar ini akan terus menyumbang ke arah mengukuhkan lagi perpaduan di negara kita yang berbilang kaum.

Pada hari ini, saya ingin membentangkan Rancangan Malaysia Keenam yang meliputi tempoh 1991-

1995, yang merupakan fasa pertama pelaksanaan RRJP 2. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam, prospek untuk mencapai pembangunan sosio-ekonomi yang lebih pesat adalah cerah. Kemajuan yang telah dicapai, terutama dalam menghasilkan pertumbuhan ekonomi yang kukuh pada akhir tempoh Rancangan Malaysia Kelima, membuktikan kekuatan dan keteguhan asas-asas ekonomi negara yang telah kita bina. Berdasarkan asas yang teguh inilah, kita akan terus membina dan menguruskan masa hadapan kita ke arah membentuk sebuah negara yang makmur dan bersatupadu.

PRESTASI BAGI TEMPOH RANCANGAN MALAYSIA KELIMA

Rancangan Malaysia Kelima telah dilancarkan pada tahun 1986 ketika negara dilanda kemelesetan dan prospek ekonomi tidak menentu. Ketika itu, kedudukan kewangan sektor awam juga terjejas dengan beban hutang yang tinggi dan kedudukan imbalan pembayaran yang lemah. Berdasarkan perkembangan tersebut, teras pembangunan bagi Rancangan Malaysia Kelima diasaskan kepada pertumbuhan yang sederhana dengan kestabilan. Matlamat utama pada masa itu ialah untuk memulihkan ekonomi dengan segera dan membawanya ke arah pertumbuhan. Sesungguhnya, ia merupakan satu tanggungjawab yang amat berat. Walau bagaimanapun, hasilnya amat membanggakan. Kini kita sedang menikmati satu tingkat pertumbuhan dan kestabilan ekonomi yang belum pernah kita alami semenjak pulihnya ekonomi kita tahun 1987.

Negara kita telah mencapai kadar pertumbuhan purata 6.7% setahun, lebih tinggi daripada 5% setahun yang ditetapkan dalam rancangan tersebut. Pertumbuhan ini dicapai dengan kedudukan imbalan pembayaran dan kewangan sektor awam yang lebih baik.

Bahkan, dalam tempoh tiga tahun terakhir Rancangan Malaysia Kelima, ekonomi negara mencataikan pertumbuhan pada kadar purala 9.1% setahun. Pencapaian ini sangatlah memberangsangkan kerana kadar pertumbuhan ini merupakan yang paling tinggi pernah dicapai semenjak merdeka. Berikutan daripada pertumbuhan ini, pendapatan per kapita yang merosot sedikit dalam tahun 1986 telah meningkat kepada \$6,180 dalam tahun 1990.

Yang lebih penting lagi, pertumbuhan pesat ini dicapai dengan keadaan harga yang stabil. Kadar inflasi, berdasarkan angkatanjuka harga pengguna, hanya berkembang pada kadar purata 2% bagi tempoh tersebut. Sebenarnya, dalam sejarah pembangunan negara kita, pertumbuhan ekonomi semiasa dicapai dengan keadaan harga yang stabil. Ini menunjukkan kejayaan yang berterusan dalam usaha mengekalkan kestabilan harga melalui langkah-langkah kewangan, fiskal dan pentadbiran yang berkesan. Ia juga adalah hasil daripada sifat rakyat yang berhati-hati apabila berbelanja.

Pelaburan swasta bagi tempoh tiga tahun yang lalu telah berkembang pada kadar 27.5% setahun mengikut nilai sebenar dan ini didorong oleh pelaburan tempatan dan asing. Dasar-dasar pelaburan dan perdagangan yang liberal di samping dasar penswastaan telah meningkatkan lagi keyakinan para pelabur dan menggalakkan perbelanjaan swasta. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima, Kerajaan telah meluluskan 3,210 projek dalam sektor pembuatan bernilai \$58 ribu juta. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 906 projek bernilai \$28 ribu juta telah diluluskan dalam tahun 1990 sahaja. Ini merupakan jumlah yang paling tinggi pernah dicapai dalam mana-mana tahun. Dalam tempoh yang sama, pelaburan asing secara langsung dalam projek yang diluluskan berjumlah \$35 ribu juta dan ini mengatasi pelaburan tempatan.

Kejayaan-kejayaan ini sudah cukup untuk menolak dakwaan sesetengah pengkritik yang mengatakan bahawa objektif penyusunan semula Dasar Ekonomi Baru (DEB) akan menjejaskan keyakinan terhadap iklim perniagaan dan pencapaian ekonomi negara. Kestabilan politik dan sosial yang dicapai di bawah DEB telah membolehkan Kerajaan memulihkan ekonomi lebih cepat daripada yang dijangkakan oleh ramai pihak.

Rancangan Malaysia Kelima juga telah menghasilkan satu perubahan struktur pengeluaran dengan pengembangan sektor moden dan pembuatan yang mempunyai nilai ditambah yang lebih tinggi. Pertumbuhan pesat sektor pembuatan telah menjadikannya sektor yang terbesar dalam ekonomi pada tahun 1987, jauh mengaiasi sektor periaman. Sektor pembuatan kini menyumbang sebanyak 27% kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), manakala sektor pertanian sebanyak 18.7%.

Keadaan pengangguran dalam negara juga telah bertambah baik, dengan kadarnya berkurangan daripada 8.3% dalam tahun 1986 kepada 6% dalam tahun 1990. Sejumlah satu juta pekerjaan telah diwujudkan, 440,000 daripadanya adalah dalam sektor pembuatan. Pencapaian ini lebih membanggakan kerana Kerajaan telah membekukan pengambilan kakitangan baru di dalam sektor awam. Walaupun pengangguran masih wujud, pengurangan kadar pengangguran yang besar telah menghasilkan pasaran buruh yang ketat dan menyebabkan kekurangan tenaga pekerja dan kadar upah yang meningkat. Daripada sebuah negara yang mempunyai tenaga pekerja yang berlebihan, negara kini menuju ke tahap pembangunan di mana industri-industri menghadapi kesulitan untuk mendapatkan pekerja. Walau bagaimanapun, perlu diingatkan bahawa setiap tahun seramai 250,000 lepasan sekolah memasuki pasaran buruh.

Perkembangan ekonomi yang pesat dan kadar pengangguran yang semakin menurun telah menyebabkan kekurangan tenaga kerja, sama ada tenaga kerja mahir atau tidak mahir, di dalam beberapa sektor ekonomi atau lokasi tertentu. Banyak industri kini mengalami masalah di mana pekerja mereka bertukar pekerjaan untuk mendapat upah yang lebih tinggi. Di samping itu, terdapat kes di mana majikan-majikan cuba mengambil pekerja-pekerja, dengan izin, secara 'pinching' daripada syarikat-syarikat lain. Masalah kekurangan tenaga kerja ini berlaku di semua peringkat, iaitu daripada pengurusan sehinggalah ke peringkat pekerja tidak mahir.

Kekurangan pekerja yang dialami ini berpunca daripada kejayaan usaha-usaha pembangunan yang kita laksanakan. Kita sebenarnya mengalami apa yang pernah dialami oleh negara-negara maju dalam proses pembangunannya. Keadaan pasaran buruh yang ketat sekarang membolehkan pekerja mendapat faedah daripada tawaran upah yang lebih tinggi. Walau bagaimanapun, kita perlu sedar bahawa sekiranya langkah yang sesuai tidak diambil untuk memperbaiki keadaan ini, masalah kekurangan pekerja mahir dan tidak mahir ini akan menjadi penghalang kepada pertumbuhan ekonomi serta menjejaskan pencapaian objektif sosio-ekonomi negara. Ini akan berlaku oleh kerana kenaikan upah, jika tidak disertai dengan peningkatan daya pengeluaran, akan menjadikan barangan kita tidak kompetitif sementara kekurangan pekerja serah upah yang tinggi akan mengurangkan pelaburan.

Memandangkan kedudukan ini, penekanan yang lebih besar telah diberi kepada pembangunan sumber manusia, khususnya dalam membentuk sikap generasi muda kita dan memperbanyakkan kemudahan-kemudahan pendidikan dan latihan untuk memenuhi keperluan pertambahan tenaga mahir yang diperlukan untuk ekonomi negara

yang sedang berkembang. Kerajaan juga telah mengambil langkah-langkah yang perlu bagi memastikan sektor swasta turut memainkan peranan yang utama dalam melatih tenaga mahir, iaitu menerusi usahasama dan juga latihan di peringkat perusahaan. Di samping itu, kita perlu menggalakkan aktiviti-aktiviti yang mempunyai nilai diimbah yang lebih tinggi, berintensif modal serta menggalakkan proses pengeluaran secara automasi supaya penggunaan pekerja dapat dikurangkan.

Kesemua langkah bagi mengatasi masalah ini akan mengambil masa beberapa lahun sebelum dapat memberi hasil dan kesan sepenuhnya ke atas ekonomi. Oleh itu langkah-langkah jangka panjang ini mestilah dilengkapi dengan langkah-langkah jangka pendek dan sederhana bagi memastikan Malaysia terus dapat menarik pelabur-pelabur baru dan menggalakkan pelaburan semula untuk meningkatkan keupayaan pengeluaran.

Kerajaan akan mengkaji semula undang-undang dan peraturan berkaitan dengan penggunaan tenaga pekerja asing bagi memudahkan proses kelulusan pengambilan serta bagi menambahkan lagi pengambilan pekerja dalam usaha memenuhi keperluan yang mendesak terhadap tenaga kerja mahir dan tidak mahir dalam beberapa sektor ekonomi. Sebagai permulaan, kelonggaran dalam penggunaan tenaga pekerja asing adalah bagi tempoh dua hingga tiga tahun bagi membolehkan rakyat negara ini mempelajari kemahiran-kemahiran yang diperlukan, serta memberi masa yang cukup kepada pihak industri untuk mengubahsuai teknik-teknik pengeluaran mereka supaya kurang menggunakan tenaga pekerja. Bagi membantu sektor swasta mendapat pekerja asing berkemahiran tinggi di peringkat pengurusan dan teknikal yang kurang bekalannya, Kerajaan juga akan menimbang permohonan daripada pasangan-pasangan mereka untuk bekerja sementara di Malaysia. Kerajaan

akan menubuhkan satu mekanisma yang sesuai bagi mengawasi pengambilan tenaga pekerja asing untuk mengurangkan penggunaan pekerja asing tanpa izin serta memastikan bahawa rakyat Malaysia terus diberi keutamaan dalam pekerjaan.

Oleh kerana pekerja asing juga menikmati faedah pembangunan dan kemudahan awam yang disediakan, Kerajaan akan menimbang mengenakan bayaran levi terhadap pekerja asing. Jika pekerja asing dibayar gaji yang sama dengan pekerja tempatan dan majikan mereka membayar levi, maka ini bermakna pekerja asing mendapat gaji yang lebih daripada pekerja tempatan. Keadaan ini tidak boleh diterima. Bayaran levi ini juga akan membolehkan Kerajaan mengesan penggunaan pekerja asing untuk menentukan yang pekerja ini digunakan dengan berkesan selaras dengan keadaan permintaan dan bekalan bagi pekerja berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, semasa RRJP2 dibentangkan di Dewan yang mulia ini, saya telah menyentuh dengan panjang lebar kemajuan yang telah dicapai dalam usaha kita membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat di bawah Dasar Ekonomi Baru. Saya tidak berhasrat untuk menghuraikan lagi perkara ini. Memadailah jika ditegaskan bahawa kemajuan pesat telah dicapai dalam usaha membasmi kemiskinan di kalangan semua kaum, sama ada di bandar ataupun di luar bandar. Kemajuan yang ketara juga telah dicapai dalam usaha menyusun semula masyarakat, di mana terdapat perubahan besar di dalam corak pekerjaan dan pembahagian hakmilik. Struktur gunat tenaga kini telah menjadi lebih berbilang kaum di mana lebih ramai Bumiputera dapat menyertai sektor-sektor moden. Sungguhpun kemajuan daripada segi kuantiti adalah menggalakkan, usaha yang lebih gigih perlu dijalankan bagi meningkatkan kualiti penyertaan Bumiputera di dalam ekonomi, supaya dapat dibentuk satu

Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera atau MPPB yang berdaya maju dan berkesan.

Perlu ditekankan bahawa atas usaha-usaha gigih yang dilaksanakan di bawah DEB, pencapaian agihan pendapatan telah bertambah baik. Di kebanyakan negara sedang membangun, perlumbuan ekonomi lazimnya disertai oleh jurang pendapatan yang semakin luas, di mana golongan kaya mendapat lebih banyak faedah. Di Malaysia, kita telah berjaya memastikan golongan miskin juga menikmati faedah daripada pertumbuhan ekonomi dengan melaksanakan program-program yang dapat memperingkatkan keupayaan mereka untuk merebut peluang-peluang yang diwujudkan dalam ekonomi. Kita akan terus melaksanakan program-program tersebut di bawah Rancangan Malaysia Keenam selaras dengan strategi mencapai pertumbuhan dengan pengagihan yang saksama di bawah DPN.

Di sebalik kemajuan yang telah dicapai, perlu diingatkan bahawa pertumbuhan penduduk negara ini adalah pesat. Dengan pertumbuhan penduduk pada kadar 2.4%, ini bermakna pertumbuhan seramai 450,000 orang setiap tahun. Pertambahan ini sahaja boleh menyebabkan kemerosotan taraf hidup, melainkan ekonomi kita mampu berkembang lebih pesat daripada pertumbuhan penduduk. Adalah menjadi suatu kepuasan dan kebanggaan bagi Malaysia kerana berupaya meningkatkan pendapatan per kapita dan taraf hidup walaupun penduduk bertambah dengan pesat. Pada tahun 1995, penduduk Malaysia dijangka mencapai 20.3 juta orang. Dalam hubungan ini, Kerajaan ingin memperbetulkan anggapan yang salah bahawa kita mesti menggalakkan dengan aktif pertumbuhan penduduk negara ini. Sebenarnya, matlamat 70 juta penduduk yang dirancang akan dicapai pada tahun 2100. Berdasarkan kadar pertumbuhan sekarang, jumlah penduduk seramai 70

juta akan dicapai menjelang tahun 2050, iaitu 50 tahun lebih awal daripada tarikh yang ditetapkan. Oleh yang demikian, kita tidak perlu terburu-buru untuk menambah bilangan penduduk ataupun berkahwin empat. (*Ketawa*) Sebenarnya pertumbuhan sekarang pada kadar 2.4% perlu dikurangkan.

RANCANGAN MALAYSIA KEENAM

Prospek ekonomi jangka pertengahan bagi tempoh Rancangan Malaysia Keenam adalah cerah memandangkan ekonomi negara yang berkembang pesat. Negara dijangka mampu mengulangi kejayaan yang cemerlang ini memandangkan kadar tabungan dalam negeri yang tinggi, pertumbuhan eksport yang pesat serta produktiviti dan daya saing yang meningkat. Harga dan kadar pertukaran asing yang siabil yang merupakan ciri ekonomi kita, dan yang paling penting kestabilan sosial dan politik yang berterusan, akan mewujudkan suasana yang menggalakkan untuk meningkatkan lagi kegiatan ekonomi.

Namun demikian, memandangkan Malaysia mempunyai ekonomi terbuka, prospek ekonominya akan dipengaruhi oleh perubahan-perubahan ekonomi antarabangsa. Akaun semasa imbalan pembayaran dan belanjawan Amerika Syarikat yang terus berada dalam keadaan defisit merupakan perkara yang masih membimbangkan. Masalah defisit ini serta permintaan sumber pembiayaan yang meningkat untuk membiayai pelaburan di negara-negara membangun dan perkembangan yang sedang berlaku di Eropah Timur akan menyebabkan tekanan ke atas permintaan dan kos pembiayaan pelaburan.

Perbezaan kadar pertumbuhan produktiviti di kalangan dan di antara negara-negara perindustrian utama serta ekonomi perindustrian yang berkembang pesat, serta keengganan

negara-negara maju meninggalkan industri yang mana mereka tidak lagi boleh bersaing telah menyebabkan sesetengah rakan perdagangan tradisional kita meningkatkan dasar perlindungan. Kecenderungan untuk mengamalkan dasar perdagangan dua-hala dan mewujudkan blok-blok perdagangan terutama di kalangan negara-negara perindustrian serta masalah yang dihadapi dalam Perundingan GATT Pusingan Uruguay, turut mengancam suasana perdagangan terbuka pelbagai hala dan boleh menyebabkan kesulitan dalam suasana perdagangan dunia di masa hadapan.

Walau bagaimanapun, terdapat arah aliran yang meningkat untuk membuat perubahan dasar dengan memudah dan melonggarkan lagi peraturan serta meningkatkan pergantungan kepada sektor swasta dan kuasa pasaran bagi menentukan pengembelangan sumber ekonomi. Perkembangan ini secara keseluruhannya akan meningkatkan kecekapan ekonomi dunia dan dijangka menyumbang ke arah kemajuan perdagangan antarabangsa. Sebagai sebuah negara terbuka, saya yakin negara kita akan mendapat faedah daripada perkembangan ini. Di masa yang sama, sebagai sebuah negara pesaing di pasaran dunia, kita perlu meningkatkan lagi kecekapan dan daya saingan kita.

Pada keseluruhannya, prospek ekonomi negara adalah cerah memandangkan keupayaan kita meningkatkan pertumbuhan ekonomi. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam, ekonomi negara dijangka akan berkembang pada kadar 7.5 peratus setahun mengikut nilai sebenar, berbanding dengan 6.7 peratus dalam Rancangan Malaysia Kelima. Walaupun sebahagian besar pertumbuhan ini berpunca dari sektor dalam negeri, sumbangan sektor luar negeri kepada pertumbuhan adalah lebih besar berbanding dengan tempoh sebelum ini, memandangkan eksport negara dijangka

akan mengatasi import. Keluaran Negara Kasar ataupun KNK mengikut nilai semasa dijangka berjumlah \$205 ribu juta menjelang tahun 1995, iaitu hampir dua kali ganda daripada paras sekarang. Pendapatan per kapita pula dijangka mencapai \$10,200.

Pertumbuhan ekonomi Malaysia dijangka berpunca sebahagian besarnya daripada permintaan dalam negeri yang mengandungi perbelanjaan penggunaan dan pelaburan sektor awam dan swasta. Di bawah Rancangan Malaysia Keenam, sebanyak \$810 ribu juta dijangka akan dibelanjakan oleh kedua-dua sektor ini untuk penggunaan dan pelaburan, dengan kira-kira 77 peratus daripadanya dibelanjakan oleh sektor swasta. Oleh itu perbelanjaan sektor swasta yang dijangka berkembang pada kadar purata 7 peratus setahun mengikut nilai sebenar, berbanding dengan kadar 5 peratus oleh sektor awam merupakan teras utama kepada perkembangan ekonomi dalam negeri. Ini adalah selaras dengan dasar supaya sektor swasta menjadi penggerak utama kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberi tumpuan khusus kepada perbelanjaan pelaburan memandangkan paras pelaburan yang tinggi adalah penting bagi memastikan pertumbuhan ekonomi yang pesat. Perbelanjaan pelaburan sektor awam dan swasta dijangka berjumlah \$280 ribu juta atau 118 peratus lebih tinggi daripada Rancangan Malaysia Kelima. Sebagai nisbah kepada KNK, kadar pelaburan akan dikekalkan pada paras tinggi sebanyak 35 peratus berbanding dengan 30 peratus dalam Rancangan Malaysia Kelima. Oleh itu, ekonomi negara akan mengatasi satu tingkat pelaburan yang lebih tinggi, terutama daripada sektor swasta yang dijangka melabur kira-kira 70 peratus daripada keseluruhan jumlah pelaburan. Sektor swasta akan terus menjadi punca utama pertumbuhan ekonomi dalam negeri, di mana pelaburan sektor

tersebut dijangka meningkat pada kadar 8.6 peratus setahun berbanding dengan 3 peratus bagi sektor awam.

Walaupun teras utama pelaburan berpunca daripada sektor swasta, peranan pelaburan awam dalam pembangunan negara masih lagi penting, terutama bagi menyediakan kemudahan infrastruktur dan perkhidmatan untuk menyokong pertumbuhan ekonomi. Sektor awam akan mendapat peruntukan pembangunan sebanyak \$104 ribu juta bagi tempoh Rancangan Malaysia Keenam, iaitu kira-kira 60 peratus lebih tinggi daripada Rancangan Malaysia Kelima. Walaupun ini menunjukkan pertambahan yang besar daripada segi jumlah, daripada segi nisbah pelaburan awam kepada KNK ianya dijangka berkurangan daripada 11 peratus pada tahun 1990 kepada 9 peratus menjelang tahun 1995, selaras dengan strategi untuk mengecilkan saiz sektor awam dan menghadkannya mengikut kemampuan kewangan negara.

Kita bernasib baik kerana dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam, kita tidak akan menghadapi masalah besar untuk membiayai perbelanjaan sektor awam dan swasta memandangkan eksport negara dijangka akan terus kukuh. Walaupun harga purata petroleum mentah dijangka berada dalam lingkungan US\$17 setong bagi tempoh lima tahun akan datang, eksport kasar negara dijangka terus meningkat pada kadar 12 peratus setahun. Ini mencerminkan peningkatan daya saingan kita dan usaha untuk menambah eksport di pasaran yang sedia ada dan pasaran baru. Sumbangan utama kepada pertumbuhan eksport dijangka datangnya daripada sektor pembuatan yang akan berkembang pada kadar 17 peratus setahun, Import pula akan meningkat lebih perlahan pada kadar 11 peratus setahun, iaitu dengan bertambahnya kemampuan pengeluaran dalam negeri untuk memenuhi keperluan bagi barangan penggunaan, perantara dan juga barangan modal.

Berhubung dengan kedudukan sumber negara secara keseluruhan, kadar tabungan yang tinggi serta kedudukan imbalan pembayaran yang dijangka bertambah baik akan merapatkan lagi jurang tabungan-pelaburan ke paras 0.8 peratus daripada KNK. Defisit ini dijangka akan dibiayai melalui kemasukan bersih pelaburan langsung dari luar negeri dan oleh itu tidak akan menjadi sebarang masalah kepada ekonomi negara. Walau bagaimanapun, oleh kerana aliran modal asing boleh menjadi tidak menentu, adalah kurang bijak sekiranya kita terlalu berganiung kepada sumber ini bagi membiayai keperluan sumber negara. Dengan demikian, kita perlu memberi perhatian kepada usaha untuk meningkatkan lagi kadar tabungan dalam negeri. Berdasarkan kepada kadar inflasi yang rendah dan kadar faedah yang berpatutan di negara ini, amalan menabung adalah menguntungkan. Tambahan pula, amalan menabung boleh mengurangkan tekanan inflasi. Sebenarnya, rakyat Malaysia membantu diri mereka sendiri sekiranya mereka menabung.

Peranan pasaran modal telah menjadi semakin penting untuk meningkatkan tabungan dan bagi mencapai pembangunan ekonomi yang berterusan. Adalah penting bagi kita memperdalamkan lagi pasaran modal dengan mewujudkan cara-cara baru bagi menggembeleng sumber-sumber. Dalam hubungan ini, bidang utama yang perlu diberi tumpuan ialah pembangunan pasaran sekuriti hulang swasta, pasaran kewangan hadapan dan pembiayaan modal teroka. Kerajaan akan menyelaras dan menyesuaikan aspek perundangan dan institusi bagi mewujudkan mekanisma pentadbiran yang sesuai untuk menggalakkan pembangunan pasaran modal dengan lebih tersusun dan berkesan.

Saya ingin menegaskan bahawa walaupun kedudukan kewangan negara pada keseluruhannya kukuh, sektor awam perlu terus berhati-hati bagi

memastikan defisit belanjawan tidak melebihi tahap yang ditetapkan bagi Rancangan Malaysia Keenam. Defisit belanjawan sektor awam dijangka terus berada di paras rendah sebanyak 4 peratus daripada KNK. Paras ini adalah lebih rendah daripada kedudukan dalam tahun-tahun lapan puluhan. Usaha-usaha akan terus dibuat untuk mengawal defisit dalam lingkungan tersebut melalui perancangan perbelanjaan awam yang cermat dan langkah-langkah baru untuk menambah hasil Kerajaan Persekutuan. Perlu juga diingatkan bahawa tambahan hasil Kerajaan telah tidak berkembang mengikut pertumbuhan ekonomi kerana kegunaan galakan berbentuk pengecualian cukai sebagai insentif.

Daripada sudut perbelanjaan pula, penjimatan masih boleh diperolehi melalui penswastakan. Di samping menswastakan projek-projek yang telah dikenalpasti di dalam Pelan Induk Penswastakan, usaha-usaha juga akan dibuat untuk memindahkan beberapa jenis perbelanjaan kepada sektor swasta. Misalnya, terdapat perbelanjaan yang besar yang lazimnya ditanggung oleh sektor awam seperti pembangunan tanah dan perlanian, pembangunan kawasan perindustrian, perumahan awam, pengangkutan, pendidikan dan latihan. Agensi-agensi Kerajaan termasuk Kerajaan-kerajaan Negeri mestilah terus mencari peluang bagi memperbadankan aiau menswastakan sebahagian daripada projek-projek ini supaya beban kewangan sektor awam dapat diringankan atau sekurang-kurangnya memperkenalkan sistem bayaran pengguna supaya sebahagian daripada pembiayaan akan ditanggung oleh orang awam.

Daripada sudut hasil negara, perlu ditegaskan bahawa adalah tidak sihat bagi kita terlalu bergantung kepada hasil daripada petroleum, yang kini menyumbang lebih kurang 30 peratus kepada hasil cukai Kerajaan Persekutuan. Walaupun unjuran Rancangan Malaysia Keenam

menunjukkan bahawa kedudukan hasil adalah baik, sebahagian besar daripada hasil tersebut datangnya daripada cukai dan dividen petroleum dan terimaan khas seperti bayaran daripada penswastaan. Kita akan mengambil langkah-langkah tertentu untuk mempelbagai dan mengukuhkan punca-punca hasil, terutama dengan mengurangkan kebocoran akibat daripada cukai galakan yang diberi kepada sektor swasta dengan begitu mudah. Saya yakin masih ada ruang untuk kita mengurangkan sebahagian daripada galakan ini secara berperingkat-peringkat dan menggantikannya dengan galakan bukan kewangan tanpa menjejaskan suasana pelaburan. Dalam hubungan ini, apa yang lebih penting kepada pelabur-pelabur bukanlah semata-mata pengecualian cukai, tetapi kestabilan politik dan ekonomi negara serta dasar yang jelas dan sikap kita terhadap sektor swasta.

Kerajaan akan memastikan bahawa perkembangan pelaburan dan penggunaan yang pesat dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam tidak akan menyebabkan tekanan kepada paras harga. Sehubungan dengan ini, langkah-langkah akan terus diambil untuk mengekalkan kestabilan harga, termasuk memperbanyakkan kemudahan infrastruktur, meningkatkan pengeluaran dalam negeri dan melonggarkan syarat-syarat import supaya dapat melegakan kekurangan bekalan dan mengelakkan meningkatnya tekanan ke atas harga.

Langkah-langkah akan terus diambil untuk mengawasi dan mengawal harga barang-barang perlu. Pada masa yang sama, paras perbelanjaan awam dan penawaran wang akan diawasi rapi bagi mengelakkan permintaan yang berlebihan yang boleh menyebabkan kenaikan harga. Banyak negara mengalami masalah inflasi kerana tidak berupaya mengawal defisit sektor awam. Bagi kita, defisit belanjawan negara dapat dikawal pada paras yang rendah, selaras dengan keperluan untuk mengekalkan kestabilan ekonomi

makro. Kita akan terus mengekalkan rekod ini dalam menguruskan belanjawan fiskal kita.

Walaupun banyak langkah yang boleh diambil oleh Kerajaan bagi membendung inflasi, pada akhirnya orang ramai yang menentukan sama ada inflasi dapat dikawal atau sebaliknya. Untuk ini adalah penting supaya kita semua memahami tentang mekanisme inflasi dan mengelak daripada terjebak ke dalam psikologi inflasi.

Kita sermg membaca bahawa di sesetengah negara, kadar inflasi meningkat melebihi seribu peratus dan kita hairan mengapa ianya boleh berlaku. Sebenarnya psikologi inflasi telah menular. Apabila pengguna merasakan bahawa harga akan meningkat pada esok harinya, dia akan sanggup membayar sebarang harga yang ditawarkan pada hari ini. Harga yang ditawarkan mungkin tidak munasabah, tetapi dia akan membuat andaian bahawa tawaran ini adalah baik memandangkan ianya adalah lebih murah daripada harga keesokan harinya.

Penjual pula bimbang tentang bagaimana dia akan dapat mengisi semula sloknnya dengan pendapatan jualan pada hari tersebut. Ini ialah kerana harga bagi bekalan stok yang baru sudah tentu lebih mahal. Oleh itu, penjual akan cuba meletakkan harga yang tinggi supaya dapat membiayai kos perolehan stok yang baru. Jika tidak, bekalan barang-barang yang dapat diperniagakan akan terus berkurangan.

Pemborong, pekilang barang-barang makanan, pembekal bahan-bahan mentah, operator pengangkutan, ahli bank dan siapa sahaja akan cuba membuat jangkaan kenaikan harga pada masa hadapan dengan meningkatkan harga sekarang. Pekerja-pekerja juga akan terpaksa meminta kenaikan gaji untuk membolehkan mereka membeli barang-barang yang semakin mahal.

Berdasarkan tanggapan bahawa harga akan sentiasa meningkat dan keperluan untuk menyelaraskan gaji atau pendapatan, inflasi bukan sahaja akan wujud, malah kadarnya akan melambung tinggi. Apabila meneliti seperti ini telah menular, tiada apa pun yang dapat dilakukan lagi.

Negara kita amat bertuah kerana kita telah dapat membendung inflasi dan pujian harus diberikan kepada orang ramai. Sebahagian besar rakyat Malaysia amat mengambil berat tentang kenaikan harga dan tidak akan berbelanja sekiranya mereka tidak berkemampuan ataupun sekiranya mereka fikirkan harganya keterlaluan. Dengan demikian, tekanan kenaikan harga tidak berlaku. Sesungguhnya semasa negara mengalami kemelesetan, rakyat dan Kerajaan berbelanja setakat yang mampu sahaja dan dengan itu tidak ada kenaikan harga yang tinggi.

Rakyat Malaysia perlu mengetahui bahawa mereka sebenarnya bertanggungjawab menyelamatkan diri mereka daripada tekanan inflasi. Dengan bertindak demikian, mereka telah memperolehi banyak bonus dari segi pertumbuhan ekonomi yang pesat yang pasti akan disusuli dengan peningkatan pendapatan dan daya pembelian ataupun purchasing power.

Kerajaan pernah menyarankan sebelum ini dan akan mengulanginya lagi bahawa pertambahan pendapatan tidak memberi sebarang makna jika ianya diiringi dengan inflasi dan tidak dapat membeli lebih daripada apa yang boleh dibeli sebelumnya. Oleh itu, rakyat Malaysia hendaklah mendisiplinkan diri dan harus lebih bertanggungjawab kepada diri mereka sendiri, kerana pada hakikatnya merekalah yang menyebabkan inflasi dan merekalah yang akan menanggung bebannya.

Tuan Yang di-Pertua, teras utama Rancangan Malaysia Keenam adalah untuk mengekalkan pertumbuhan dan mengendalikannya dengan jaya supaya dapat mencapai pembangunan ekonomi yang lebih seimbang selaras dengan matlamat Dasar Pembangunan Nasional. Rancangan Malaysia Keenam akan lurus melaksanakan falsafah pertumbuhan dengan pengagihan yang saksama. Ini akan membolehkan semua rakyat Malaysia menyertai aktiviti utama ekonomi dan dapat menyumbang ke arah merapatkan jurang perbezaan sosio-ekonomi di antara kaum dan memperkukuhkan lagi perpaduan negara. Kestabilan yang dihasratkan ini akan menyediakan asas yang kukuh kepada negara bagi mencapai matlamat untuk menjadi sebuah negara maju menjelang tahun 2020.

Sebagaimana yang pernah saya nyatakan sebelum ini, pembasmian kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat akan terus menjadi matlamat utama sosio-ekonomi di bawah Dasar Pembangunan Nasional dan akan menjadi teras kepada usaha-usaha pembangunan kita. Di bawah Rancangan Malaysia Keenam, strategi membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat akan mengambilkira kemajuan yang telah dicapai serta kelemahan-kelemahan semasa melaksanakan Dasar Ekonomi Baru. Penekanan akan diberi dalam memperbaiki sistem pembahagian menerusi program yang dituju khas kepada kumpulan sasaran supaya faedahnya benar-benar diperolehi oleh kumpulan tersebut. Di samping itu, kita akan menitikberatkan bukan sahaja aspek kuantiti, tetapi juga kualiti pencapaian. Ini terutama dalam usaha untuk menyusun semula masyarakat supaya satu asas yang lebih kukuh dapat diwujudkan untuk Bumiputera menyertai dengan lebih berkesan dan berkekalan dalam aktiviti perniagaan,

perdagangan dan perusahaan. Dengan cara ini, mereka akan dapat mengurangkan pergantungan kepada bantuan Kerajaan.

Memandangkan kemajuan yang telah dicapai dalam mengurangkan paras kemiskinan keseluruhannya, tumpuan yang lebih akan diberikan dalam Rancangan Malaysia Keenam untuk membasmi golongan termiskin. Kerajaan telahpun menyiapkan senarai golongan termiskin supaya usaha-usaha membasmi kemiskinan dapat ditujukan secara khusus kepada kumpulan ini. Pada masa ini 4 peratus daripada jumlah isi rumah adalah terdiri daripada golongan termiskin dan matlamat kita ialah untuk mengurangkannya kepada 2 peratus menjelang tahun 1995.

Sementara itu, usaha membasmi kemiskinan relatif akan ditumpukan ke arah memperbanyakkan lagi peluang bagi golongan berpendapatan rendah menikmati perkhidmatan sosial dan meningkatkan pendapalan serta mobiliti ke dalam aktiviti ekonomi moden yang memberi ganjaran yang lebih tinggi, dan dengan itu jurang di antara golongan kaya dengan golongan miskin akan dikurangkan. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kccnam, kadar kemiskinan dijangka dapat dikurangkan daripada 17.1 peratus dalam tahun 1990 kepada 11 peratus dalam tahun 1995, melalui pertumbuhan ekonomi serta program dan projek bagi membasmi kemiskinan.

Matlamat meningkatkan hakmilik saham syarikat Bumiputera akan diteruskan dan pencapaian yang telah diperolehi akan diperkukuhkan supaya menjadi lebih bermakna, iaitu dengan meningkatkan keupayaan Bumiputera bukan sahaja untuk memiliki harta, tetapi juga menguruskannya supaya lebih produktif. Latihan dalam pengurusan kekayaan akan dititikberatkan supaya Bumiputera mampu untuk mengekalkan kekayaan mereka dan menggunakannya secara produktif

dan membolehkan mereka memperoleh pulangan yang lebih baik serta melipatgandakan lagi kekayaan mereka.

Di samping meningkatkan perolehan hakmilik saham, agensi-agensi amanah akan digalakkan untuk menyertai secara langsung dalam penyusunan semula syarikat atau untuk melabur secara langsung dalam bidang-bidang baru secara usahasama dengan individu, pelabur dan usahawan Bumiputera ataupun bukan Bumiputera. Dengan cara pemilikan modal saham ini, Bumiputera boleh meningkatkan penyertaan mereka secara aktif dalam pengurusan dan penguasaan syarikat-syarikat yang mereka sama miliki. Agensi-agensi amanah juga dikehendaki menyediakan sumber baru dan kemudahan bagi latihan dalam pengurusan kekayaan serta latihan untuk usahawan Bumiputera supaya dapat diwujudkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera yang berdaya maju.

Strategi penyusunan semula akan lebih menitikberatkan pengwujudan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera yang berdaya maju dan bukan hanya memiliki modal saham dalam sektor syarikat sahaja. Sektor swasta diharap dapat memainkan peranan penting ke arah mewujudkan kumpulan pengurusan dan usahawan Bumiputera. Golongan Bumiputera pula mestilah bersedia untuk belajar dan mendisiplinkan diri serta bersikap sabar. Mereka mestilah menerima hakikat bahawa tidak ada jalan mudah untuk mengecap kejayaan. Mereka mestilah mendapat kemahiran terlebih dahulu sebelum bantuan ataupun peluang dapat diberi kepada mereka.

Rancangan Malaysia Keenam menekankan pentingnya diingkatkan produktiviti dalam ekonomi supaya paras pelaburan yang diharapkan dalam tempoh Rancangan dapat menambah pengeluaran dan eksport negara serta faedah daripada

pelaksanaan program-program sektor awam. Dalam hubungan ini, apa yang dimaksudkan dengan peningkatan produktiviti ialah kecekapan penggunaan sumber yang boleh menghasilkan pengeluaran yang lebih tinggi dengan kos yang lebih rendah dan ini akan membolehkan kita bersaing dengan negara-negara lain.

Untuk meningkatkan produktiviti, kita perlulah meninggikan leknologi, kemahiran keusahawanan dan kualiti pekerja dan pengurusan. Oleh itu, penekanan yang lebih akan diberikan ke arah meningkatkan penggunaan sains dan teknologi dan meluaskan lagi kegiatan-kegiatan penyelidikan dan pembangunan serta pembangunan tenaga manusia, Kecekapan penggunaan sumber akan terus ditingkatkan melalui program-program yang dirangka untuk memperbaiki rangkaian infrastruktur dan institusi dan melalui dasar kita mewujudkan suasana yang kompetitif.

Unsur yang penting dalam kejayaan seseorang individu ataupun negara ialah nilai etika yang mempengaruhi kehidupan harian, terutama di tempat bekerja. Nilai etika adalah sebahagian daripada kebudayaan sesuatu masyarakat. Andaiian bahawa nilai etika itu telah sedia tersemat dalam diri seseorang atau diwarisi daripada ibu bapa atau melalui pendedahan dalam masyarakatnya, adalah kurang tepat. Nilai perlu disemai dengan bersungguh-sungguh kepada masyarakat melalui saluran formal dan tidak formal.

Adalah juga kurang tepat jika kita menganggap bahawa nilai yang dihayati sekarang adalah baik dan betul dan sekiranya diganti akan merosakkan budaya. Untuk menjadikan rakyat Malaysia lebih produktif dan boleh menyesuaikan diri untuk meningkat daripada masyarakat tani kepada masyarakat perindustrian dan yang maju, nilai yang sesuai perlu dikenalpasti dan dipupuk terutama di kalangan generasi muda.

Adalah menjadi hasrat kerajaan untuk mengenalpasti nilai etika yang sesuai dan mendirikan pusat-pusat latihan terutama untuk Bumiputera di mana nilai-nilai tersebut boleh ditanam. Pengalaman menunjukkan bahawa kakitangan yang dilatih dalam apa jua bidang akan lebih bersedia untuk menghadapi sebarang cabaran dibandingkan dengan seseorang yang tidak dilatih, terutama apabila tiba masanya untuk menghadapi perubahan.

Tuan Yang di-Pertua, strategi-strategi untuk berbagai sektor ekonomi akan ditumpukan ke arah mempelbagaikan aktiviti setiap sektor kepada aktiviti yang lebih produktif dan menghasilkan nilai dilambah yang lebih tinggi. Di samping itu, hubungan di antara sektor-sektor dan di dalam sektor akan dikukuhkan melalui pengeluaran barang-barang dan perkhidmatan yang dapat mengurangkan pergantungan kita ke atas import, terutama import barang-barang perantaraan alaupun dengan izin, intermediate goods dan barang-barang modal ataupun capital goods. Ini akan membantu mengukuhkan lagi daya ketahanan ekonomi negara.

Teras penglibatan sektor awam di bidang pertanian dalam tahun-tahun sembilan puluhan akan ditujukan kearah pembangunan in-silu dan tidak lagi kepada pembukaan tanah-tanah baru, memandangkan tanah-tanah yang sesuai untuk perlanian semakin kurang dan kos untuk memajukan tanah baru semakin tinggi di samping masalah untuk mendapatkan tenaga pekerja. Pembukaan tanah baru yang tidak melibatkan peneroka akan dimajukan oleh sektor swasta secara perladangan. Kerajaan pula akan menyediakan kemudahan infrastruktur bagi memudahkan pembangunannya.

Usaha-usaha akan diteruskan bagi meningkatkan produktiviti sektor pertanian yang sedia ada melalui penyatuan tanah dan pengelolaan

kebun-kebun kecil berasaskan perladangan secara estet, penyelidikan dan pembangunan dan penggunaan alat-alat yang boleh menjimatkan tenaga pekerja secara meluas di samping meningkatkan perkhidmatan pengembangan dan membaiki rangkaian pembahagian dan pemasaran, Kira-kira 280,000 hektar kawasan pertanian yang sedia ada akan ditanam semula dengan tanaman yang boleh memberi hasil yang tinggi, manakala 184,000 hektar lagi akan disatukan bagi tanaman secara besar-besaran. Sektor pertanian akan dimodenkan dengan aktiviti-aktiviti komersial yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi seperti hortikultur, akuakultur, perikanan laut dalam dan lernakan. Pada masa yang sama, infrastruktur luar bandar akan diperbaiki lagi supaya lebih banyak bahan keluaran mentah dapat diproses ke tahap yang lebih tinggi di samping mewujudkan aktiviti perindustrian luar bandar. Pembangunan infrastruktur sosial dan fizikal yang sedemikian akan dapat membantu meningkatkan mobiliti masyarakat luar bandar ke dalam aktiviti bukan pertanian moden di dalam sektor pertanian sendiri.

Penanaman padi merupakan aktiviti pertanian yang terawal dan merupakan punca pendapatan ramai penduduk luar bandar, Walaupun terdapat kemajuan dalam penggunaan benih-benih baru dan penggunaan jentera, bidang tanah yang kecil menjadi penghalang kepada peningkatan kecekapan dan keuntungan. Walaupun pengeluaran beras adalah satu keperluan strategik negara, kita perlu mencari jalan untuk menguruskannya dengan lebih baik dan menjadikan pekerjaan menanam padi punca pendapatan yang lumayan. Kerajaan akan membantu menyusun semula kegiatan perusahaan menanam padi dan cuba mengatasi masalah hak milik tanah sawah serta pengurusannya supaya aktiviti ini setanding dengan industri pertanian moden yang lain.

Perkembangan sklor pembuatan akan menjadi teras utama kepada pertumbuhan dan perubahan struktur ekonomi dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam. Sektor pembuatan dijangka menyumbang sebanyak 32.4 peratus kepada KDNK menjelang tahun 1995, mengekalkan kedudukannya sebagai sektor yang terbesar. Tumpuan Rancangan Malaysia Keenam adalah ke arah menggalakkan pertumbuhan sumber baru bagi mengukuh dan mempelbagaikan asas industri. Oleh kerana terdapat kekurangan tenaga pekerja, Kerajaan akan membebaskan kepada industri yang berintensif modal dan menggunakan teknologi yang canggih di samping mengekalkan kepentingan industri tradisional seperti elektronik, tekstil dan pakaian. Kerajaan akan terus menitikberatkan industri yang berorientasikan eksport di samping memajukan industri barang-barang perantaraan dan modal bagi mengurangkan import barang-barang tersebut. Pembangunan industri kecil dan sederhana akan dikukuhkan supaya industri tersebut dapat memainkan peranan yang penting dalam ekonomi. Kemampuan industri kecil dan sederhana akan ditingkatkan supaya mereka dapat membekalkan keperluan in-put kepada syarikat-syarikat yang lebih besar serta dapat menembusi pasaran eksport Kerajaan juga telah mengambil langkah untuk memajukan tapak-tapak perusahaan khas bagi menempatkan semula industri kecil dan sederhana terutama kilang besi dan kejuruteraan serta industri berasaskan kayu. Pada masa ini satu kajian sedang dibuat dengan tujuan untuk menggubal satu program yang komprehensif untuk pembangunan industri kecil dan sederhana supaya peranannya dalam ekonomi dapat diperlingkatkan.

Kini industri berat juga telah mendapat tempat yang sewajarnya dalam ekonomi negara. Kejayaan kita dalam bidang ini menunjukkan dengan jelas bahawa industri berat boleh

memainkan peranan yang lebih besar bukan sahaja untuk meningkatkan industri sokongan malah juga menyumbang ke arah meningkatkan pendapatan eksport. Industri berat ialah asas kemajuan sebuah negara industri. Tanpa mempunyai industri berat yang maju, proses perindustrian tidak akan mencapai matlamatnya. Justeru itu Kerajaan akan memberi tumpuan yang sewajarnya kepada industri berat.

Walaupun kita terus menggalakkan industri berasaskan sumber, masanya telah tiba bagi Malaysia mengimport bahan-bahan mentah, memprosesnya dan kemudian mengeksportnya secara besar-besaran. Pihak Kerajaan akan menggalakkan perkembangan industri serupa ini.

Sektor perkhidmatan yang memainkan peranan penting sebagai penyokong kepada sektor-sektor lain akan dipermodenkan lagi. Pada masa yang sama, usaha-usaha yang lebih giat akan dilaksanakan untuk menjadikan sektor perkhidmatan sebuah industri eksport dan mengurangkan pergantungan kita ke atas perkhidmatan-perkhidmatan yang diimport seperti pengangkutan, penerbangan, insuran, pelancongan dan pendidikan. Ini akan membantu mengurangkan defisit yang besar dalam akaun perkhidmatan imbalan pembayaran. Sektor-sektor kecil perkhidmatan yang boleh wujud sendiri tanpa perlu bergantung kepada sektor utama, umpamanya perkhidmatan juruperunding profesional, penyenggaraan dan pembaikan, kemudahan riadah dan rekreasi serta perkhidmatan komputer, akan digalakkan.

Pembangunan industri pelancongan akan terus diberi penekanan. Kejayaan yang kita capai semasa Tahun Melawat Malaysia 1990 menunjukkan sektor pelancongan boleh menjadi penyumbang yang penting kepada pertumbuhan ekonomi negara. Usaha-usaha untuk

memperbaiki kemudahan dan promosi pelancongan akan mendapat galakan positif daripada Kerajaan. Untuk mengurangkan aliran keluar wang, pelancongan dalam negeri akan digalakkan. Pelan pelancongan kebangsaan yang sedang disediakan akan memberi garis panduan untuk memajukan industri pelancongan di masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mempertingkatkan produktiviti dan kecckapan semua sektor, asas sains dan teknologi serta kemampuan penyelidikan dan pembangunan akan dikukuhkan untuk melengkapi usaha pembangunan tenaga manusia. Kerajaan akan menumpukan perhatian kepada usaha memastikan bahawa penyelidikan yang dijalankan adalah sesuatu yang mendatangkan faedah dan boleh dimajukan untuk tujuan komersial. Untuk membantu meraih nilai komersil daripada hasil penyelidikan dan pembangunan, peruntukan akan diberi kepada institusi penyediaan untuk menubuhkan modal usahasama yang bertujuan untuk membiayai ekuiti pengeluaran komersil secara usahasama dengan sektor swasta. Usaha-usaha lain termasuklah meningkatkan kemampuan penyelidikan di universiti-universiti tempatan dan menubuhkan taman sains dan teknologi untuk menyediakan kemudahan penyelidikan dan pembangunan industri.

Asas bagi pembentukan satu masyarakat saintifik dan perindustrian yang berteknologi tinggi pada abad ke-21 perlu dimulakan sekarang dengan memupuk satu masyarakat saintifik dan progresif yang mempunyai daya cipta, berpandangan jauh serta dapat menyumbang kepada kemajuan sains dan teknologi. Kerajaan akan terus menyediakan infrastruktur asas serta suasana yang sesuai untuk pembangunan sains dan teknologi. Lebih penting lagi, usaha yang lebih giat akan diambil bagi menambahkan bilangan tenaga manusia

dalam bidang sains dan teknologi untuk memenuhi keperluan aktiviti penyelidikan dan pembangunan.

Dalam usaha untuk mencapai kemajuan ini, kita tidak harus melupakan pengaruh penting alam sekitar ke atas kehidupan manusia. Penggunaan bahan kimia secara sewenang-wenang, pembuangan sisa toksik daripada kegiatan industri secara tidak terkawal, pereroakan tanah yang berleluasa, kegiatan pertombongan dan pembalakan yang tidak teratur, telah mencemar laluan air dan mengakibatkan pencemaran bekalan air dan pembunuhan hidupan air. Sektor awam dan swasta mestilah lebih sedar mengenai segala tindakan mereka yang boleh memberi kesan buruk ke atas alam sekitar. Mereka perlu mengambil berat dalam mengawal pencemaran dan kemerosotan mutu alam sekitar, memandangkan pemeliharaan alam sekitar adalah tanggungjawab semua pihak. Mutu udara, air dan tanah perlu dilindungi. Bersama-sama kita mengindahkan lagi alam semulajadi dan persekitaran kita supaya kita dapat terus menikmati alam sekitar yang bersih dan kualiti hidup yang tinggi.

Di peringkat antarabangsa, Malaysia akan terus memainkan peranan yang penting. Deklarasi Langkawi mengenai Alam Sekitar yang dirintis oleh Malaysia dalam Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel pada tahun 1989 melambangkan kesungguhan kita terhadap pelan tindakan sedunia yang bertujuan untuk mengawal kemerosotan alam sekitar dan menggalakkan pembangunan persekitaran yang baik dan berkekalan.

PROGRAM SEKTOR AWAM UNTUK RM6

Di samping menyedari tentang perlunya penglibatan yang lebih besar daripada sektor swasta untuk menggerakkan pertumbuhan ekonomi,

peranan sektor awam juga penting untuk mengadakan asas yang kuat bagi pencapaian matlamat sosio-ekonomi kita. Oleh yang demikian, Kerajaan telah merangka dengan teliti program dan projek yang bersesuaian dan yang akan memberi faedah kepada semua lapisan masyarakat untuk dilaksanakan.

Bagi tempoh Rancangan Malaysia Keenam, sebanyak 104 ribu juta ringgit telah disediakan bagi perbelanjaan pembangunan sektor awam. Daripada jumlah tersebut, perbelanjaan pembangunan Kerajaan Persekutuan ialah sebanyak 55 ribu juta ringgit, Kerajaan Negeri dan Penguasa Tempatan sebanyak 14 ribu juta ringgit dan Perusahaan Awam Bukan Kewangan (PABK) sebanyak 35 ribu juta ringgit. Walaupun jumlah perbelanjaan pembangunan ini adalah 60 peratus lebih tinggi daripada Rancangan Malaysia Kelima, nisbahnya kepada KNK adalah lebih rendah. Ini mencerminkan usaha-usaha yang berterusan di pihak Kerajaan untuk memperkukuhkan sektor awam serta mengurangkan saiznya dalam ekonomi.

Perbelanjaan pembangunan Kerajaan Persekutuan yang lebih tinggi bagi tempoh Rancangan Malaysia Keenam adalah perlu bagi membolehkan pelaksanaan beberapa projek infrastruktur yang telah dikenalpasti dalam Rancangan Malaysia Keempat dan Kelima, tetapi terpaksa ditangguhkan pelaksanaannya untuk mengurangkan perbelanjaan sektor awam dalam tahun-tahun lapan puluhan. Oleh kerana kedudukan kewangan negara kini bertambah baik, usaha-usaha sedang diambil untuk mempercepatkan pelaksanaan projek-projek tersebut dalam Rancangan Malaysia Keenam dan mengelakkan daripada timbulnya masalah kekurangan kemudahan infrastruktur yang boleh menghalang proses pembangunan. Ini termasuklah beberapa projek yang telah dilaksanakan baru-baru ini dan yang memerikan

peruntukan tambahan dalam Rancangan Malaysia Keenam.

Program dan peruntukan sektor awam yang lebih besar dalam Rancangan Malaysia Keenam akan membolehkan pelaksanaan projek-projek bagi menyokong perkembangan ekonomi serta memenuhi objektif-objektif pengagihan Dasar Pembangunan Nasional. Tambahan perbelanjaan yang paling besar adalah untuk sektor pengangkutan, perhubungan, tenaga, pendidikan dan kesihatan. Kadar pelaburan yang tinggi yang dirancang untuk sektor-sektor ini akan menguatkan keupayaan ekonomi untuk berkembang serta membolehkan sektor awam memperbaiki tahap perkhidmatan yang disediakan untuk rakyat. Di samping itu, semua negeri akan mendapat faedah daripada pertambahan peruntukan yang disediakan dalam Rancangan Malaysia Keenam. Agihan peruntukan mengikut negeri akan membantu mengurangkan perbezaan dalam pembangunan sosial dan ekonomi antara negeri-negeri. Negeri-negeri yang kurang maju diberi peruntukan yang lebih untuk pembangunan infrastruktur sosial dan fiskal demi untuk meningkatkan pembangunan negeri tersebut dan menjadikannya lebih menarik untuk pelaburan sektor swasta.

Peruntukan Kerajaan Persekutuan untuk sektor pengangkutan dan perhubungan yang termasuk jalanraya, pelabuhan, lapangan terbang dan krelapi akan berjumlah kira-kira 10.8 ribu juta ringgit. Di samping itu, sejumlah 14.4 ribu juta ringgit akan dibelanjakan oleh PABK seperti Telekom Malaysia Berhad dan Lembaga-lembaga Pelabuhan melalui sumber-sumber mereka sendiri. Secara keseluruhan, perbelanjaan untuk pengangkutan dan perhubungan oleh Kerajaan Persekutuan dan PABK akan meningkat sebanyak 62 peratus lebih tinggi daripada yang dibelanjakan sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Kelima.

Antara masalah utama bidang pengangkutan pada masa ini ialah kesesakan lalulintas di Lembah Kelang, terutama di Kuala Lumpur dan lain-lain kawasan bandar yang mengalami perkembangan pesat. Untuk meringankan masalah ini, keutamaan akan diberi bagi memperbaiki sistem pengangkutan bandar. Kerajaan juga sedang mengkaji berbagai jenis perkhidmatan pengangkutan iransit awam yang baru dengan hasrat untuk melaksanakan sistem seumpama itu di Kuala Lumpur dan kawasan sekitarnya. Pembinaan landasan berkembar keretapi dari Seremban ke Rawang dan dari Kuala Lumpur ke Pelabuhan Kelang akan mengurangkan separuh dari masa perjalanan di samping mengadakan kaedah pengangkutan alternatif untuk mereka yang tinggal di Lembah Kelang serta mengurangkan kesesakan jalan raya. Di samping itu, kualiti perkhidmatan bas akan diperbaiki dengan menambah bilangan bas serta kekerapan perkhidmatan yang disediakan. Peningkatan taraf pengangkutan bandar akan dapat membantu golongan yang berpendapatan rendah untuk menikmati perkhidmatan pengangkutan yang lebih baik dengan kos yang rendah dan masa perjalanan yang pendek.

Dalam sektor tenaga dan kemudahan awam, jumlah peruntukan Kerajaan Persekutuan dan PABK adalah juga lebih tinggi, iaitu kira-kira dua kali ganda daripada Rancangan Malaysia Kelima. Sebahagian besar perbelanjaan sektor ini adalah oleh PETRONAS dan Tenaga Nasional Berhad. PETRONAS akan membelanjakan kira-kira 10.5 ribu juta ringgit untuk projek-projek di sektor petroleum dan gas, manakala Tenaga Nasional pula akan membelanjakan kira-kira 11 ribu juta ringgit untuk penjanaan kuasa, rangkaian penghantaran dan pembahagian tenaga elektrik. Kerajaan Persekutuan akan membelanjakan sejumlah 765 juta ringgit untuk bekalan elektrik luar bandar. Pada penghujung

tempoh Rancangan, program elektrik luar bandar akan meliputi 100 peratus kawasan di Semenanjung Malaysia, 73 peratus di Sabah dan 77 peratus di Sarawak.

Pendidikan dan kesihatan juga akan memperolehi tambahan peruntukan yang besar dalam Rancangan ini. Peruntukan untuk pendidikan dan latihan berjumlah sebanyak 8.5 ribu juta ringgit, iaitu tambahan kira-kira 46 peratus bagi tempoh Rancangan Keenam. Sebahagian besar daripada peruntukan ini adalah bagi pembangunan pendidikan di peringkat universiti, politeknik dan institusi-institusi latihan vokasional untuk menambah bekalan tenaga manusia yang terlatih terutama dalam bidang profesional dan teknikal. Oleh itu program di peringkat universiti akan mencrima peruntukan sebanyak 1.9 ribu juta ringgit dalam Rancangan Malaysia Keenam berbanding dengan 1.3 ribu juta ringgit dalam Rancangan Malaysia Kelima.

Peruntukan bagi kesihatan berjumlah 2.25 ribu juta ringgit, adalah pertambahan sebanyak 140 peratus daripada perbelanjaan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima. Di samping perbelanjaan untuk pembangiinan hospital, termasuk pembinaan hospital baru, tumpuan juga akan diberi kepada aspek pencegahan dalam penjagaan kesihatan, penyediaan kemudahan ujian dan makmal yang lebih baik di hospital dan pembangunan tenaga manusia dalam bidang kesihatan supaya hospital-hospital di negara ini dapat berfungsi dengan lebih berkesan.

Walaupun pendidikan dan kesihatan merupakan perkhidmatan sosial yang terpenting, kemudahan awam yang lain juga akan diberi peruntukan yang besar untuk meningkatkan lagi kualiti hidup rakyat. Sebanyak \$3.7 ribu juta akan dibelanjakan untuk bekalan air dan pembentungan di bandar bagi memenuhi

keperluan penduduk yang semakin bertambah. Selain daripada itu, kualiti perkhidmatan di bandar akan dipertingkatkan untuk mengambilkira proses pembandaran yang pesat yang akan membebankan lagi kepercayaan pihak berkuasa tempatan bagi menyediakan kemudahan sanitasi, perparitan dan lain-lain kemudahan bandar. Peruniukan sebanyak \$254 juta telah disediakan, untuk membolehkan pihak berkuasa tempatan menyediakan kemudahan yang lebih baik di bandar-bandar dan bandaraya, iaitu jauh tebih tinggi daripada \$119 juta yang diberikan di bawah Rancangan Malaysia Kelima.

Sejumlah \$9 ribu juta telah diperuntukkan bagi pembangunan pertanian dan luar bandar. Teras program sektor pertanian ialah untuk meningkatkan pengeluaran di samping mcnggiatkan semula sektor pertanian melalui pemodenan dan perkembangan berasaskan komersil di sektor pekebun-pekebun kecil. Oleh itu, pembangunan in situ, yang melibatkan penyatuan dan pemulihan tanah, penanaman semula, peparitan, pengairan dan pencegahan banjir akan diberi penekanan dengan peruntukan sebanyak \$4.1 ribu jula. Di bawah Rancangan Malaysia Keenam, PELDA tidak akan membuka tanah-tanah baru dan dengan demikian peruniukan pembangunan tanah baru telah banyak dikurangkan.

Selain daripada peruntukan biasa yang diberi untuk pembasmian kemiskinan, sebanyak \$600 juta akan disediakan bagi program tertentu khusus untuk golongan termiskin, antara lain termasuk membekalkan makanan, tempal berlingdung dan keperluan asas lain. Mengenai penyusunan semula masyarakat, selain daripada peruntukan sebanyak \$1.8 ribu juta yang disediakan untuk program pendidikan dan latihan termasuk pembangunan usahawan di bawah program Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera, sebanyak \$600 juta lagi

disediakan bagi meningkatkan infrastruktur untuk memajukan aktiviti perdagangan dan perniagaan mereka.

Sektor keselamatan pula akan diperuntukkan sebanyak \$8.4 ribu juta, \$6 ribu juta daripadanya adalah untuk angkatan tentera. Peruntukan tambahan bagi angkatan tentera ini diperlukan bagi meningkatkan lagi kemampuan pertahanan negara.

Perbelanjaan pembangunan sektor awam telah dirangka dengan teliti setelah mengambilkira keperluan sosio-ekonomi dan sumber-sumber negara. Semua rakyat Malaysia akan dapat menikmati faedah daripada pelaksanaan program-program dan projek-projek tersebut, manakala pertumbuhan sektor swasta akan banyak dibantu oleh pertumbuhan yang besar dalam pembangunan infrastruktur dan sumber manusia.

Tuan Yang di-Periua, Kerajaan amat bangga dengan sambutan orang ramai yang amat menggalakkan terhadap tawaran saham syarikat-syarikat yang telah diswastakan. Ini menunjukkan bahawa rakyat telah menerima hakikat dasar penswastakan Kerajaan sebagai satu langkah yang bijaksana. Semasa penyertaan saham dibuat, kesemua syarikat yang diswastakan telah mendapat langganan yang berlebihan daripada jumlah yang ditawarkan. Tidak dapat dinafikan bahawa dasar penswastakan Kerajaan telah menguntungkan negara. Rakyat telah menikmati berbagai faedah daripada program-program penswastakan. Pengapungan saham oleh syarikat-syarikat Kerajaan telah memberi peluang kepada orang ramai untuk memiliki saham syarikat-syarikat tersebut. Sebagai contoh, seramai 164,000 individu telah memiliki saham Telekom Malaysia Berhad pada kali pertama ia disenaraikan dan mereka telah meraih keuntungan apabila harga

saham meningkat di bursa saham. Perkhidmatan Kerajaan yang diswastakan juga lelah bertambah baik bukan sahaja daripada segi perkhidmatan yang ditawarkan malah juga mutunya. Ini telah memberi faedah kepada orang ramai dan para peniaga.

Di bawah Rancangan Malaysia Keenam, Kerajaan akan terus mengurangkan beban dan peranan sektor awam dalam ekonomi melalui penswastakan projek dan perkhidmatan yang boleh diuruskan dengan lebih baik oleh sektor swasta. Pelan Tindakan Penswastakan telah mengenalpasti senarai agensi-agensi Kerajaan yang akan diperkemas supaya boleh diswastakan dan juga senarai agensi-agensi yang akan diswastakan dalam tahun 1991-1992.

Di antara agensi-agensi utama yang akan diswastakan di bawah Pelan Tindakan ini ialah Tenaga Nasional Berhad, Keretapi Tanah Melayu, Jabatan Perkhidmatan Pos, Lapangan Terbang dan bahagian Pelabuhan Kelang yang belum lagi diswastakan. Sebagai tambahan kepada agensi tersebut, Kerajaan juga akan menswastakan pembinaan projek infrastruktur seperti Lebuhraya Shah Alam, Lebuhraya Seremban-Port Dickson, Lebuhraya Baru KL-Karak, Lebuhraya Hubungan Utara-Selatan dan Menara Kuala Lumpur serta beberapa syarikat Kerajaan, Pelan tindakan ini telah mengenalpasti 56 projek yang akan diswastakan dan 37 agensi yang akan dijual sahamnya dalam tempoh 1991-1992, berbanding dengan 36 agensi yang telah diswastakan sehingga penghujung tahun 1990. Hasil daripada langkah penswastakan ini, bilangan kakitangan sektor awam yang dapat dikurangkan adalah seramai 54,000 orang. Ini telah menjimatkan perbelanjaan bagi pembayaran gaji sebanyak \$400 juta setahun.

KESIMPULAN

Tuan Yang di-Pertua, dalam beberapa dekad yang lalu, kita telah berjaya membina asas yang kukuh untuk mencapai pertumbuhan yang pesat dan berterusan. Kekuatan dan daya tahan ekonomi kita telah diuji semasa menghadapi kemelesetan ekonomi yang pahit. Sungguhpun begitu, ekonomi kita telah muncul lebih kukuh dan berada di dalam kedudukan yang lebih baik untuk terus mencapai kejayaan. Rakyat Malaysiadaripada segenap lapisan yang telah memberi sumbangan ke arah kejayaan ini boleh merasa bangga terhadap pencapaian ini. Walau bagaimanapun, di sebalik kejayaan yang telah kita capai sehingga kini, masih banyak lagi yang perlu dilakukan. Oleh yang demikian, kita tidak harus berpuas hati, sebaliknya perlu terus berusaha dengan lebih giat untuk mencapai matlamat yang telah kita tetapkan sendiri.

Kita harus sedar bahawa kita telah dapat membina asas sosio-ekonomi dan infrastruktur bagi negara. Oleh itu, untuk terus maju, kita perlu menggunakannya dengan cara yang lebih efisien dan dengan sepenuhnya. Satu-satu matlamat itu lebih mudah dicapai di peringkat permulaan ketika asasnya adalah kecil. Walau bagaimanapun, apabila asasnya menjadi semakin besar, semakin sukarlah untuk kita mengekalkan kemajuan itu melainkan jika kita mencurahkan segala usaha dan tenaga. Oleh yang demikian, saya menggesa semua rakyat Malaysia supaya bekerja dengan lebih tekun serta meningkatkan produktiviti dan daya usaha untuk menghadapi cabaran yang akan datang.

Kerajaan sendiri akan memastikan bahawa selain daripada menyempurnakan langungjawab sosial dan mencraju program sosio-ekonomi negara, satu

suasana yang sesuai dan menggalakkan akan terus diwujudkan di mana daya usaha swasta dan perusahaan dapat berkembang maju dan makmur. Dalam pada itu, seior swasta perlu memainkan secara dinamis peranan yang lebih produktif, bukan sahaja untuk menggerakkan pertumbuhan melalui peningkatan pelaburan, malah menyumbang ke arah pencapaian matlamat sosio-ekonomi negara. Dengan cara ini, konsep sebenar Persyarikatan Malaysia akan dapat dihayati sepenuhnya dan dengan izin Allah, kita semua akan terus mencapai kemajuan dan kemakmuran untuk menuju ke matlamat akhir kita, iaitu untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju menjelang tahun 2020.

Tuan Yang di-Perlu, Rancangan Malaysia Keenam ini telah dibentangkan untuk perbahasan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat daripada pihak Kerajaan dan juga daripada pihak parti-parti Pembangkang. Apa yang telah dijelaskan ialah kenyataan yang sebenar yang dibuat oleh Kerajaan dan bukan ada yang lebih dahpada itu. Namun demikian tentulah ada tuduhan-tuduhan bahawa ini merupakan satu perverse logic (*Ketawa*) yang biasanya disebut oleh Ketua Parli Pembangkang. Sebenamya, apa yang perverse baginya ialah tidak perverse bagi kita, dan apa yang perverse bagi kita tidak perverse baginya kerana seperti pepatah Inggeris, "One man's meat is anoither man's poison." Jadi, apabila mereka melihat kejayaan rancangan Kerajaan maka berasa mereka amat iri hati dengan kejayaan ini. (*Tepuk*)

Kejayaan ini diiktiraf bukan sahaja oleh kita sendiri, iaitu bukanlati kita masuk dalam bakul dan angkat diri sendiri, tetapi diiktiraf oleh seluruh dunia. (*Tepuk*) Bahkan baru-baru ini Bank Dunia telah berkata bahawa Malaysia sudah hampir menjadi negara maju. (*Tepuk*)

Saya khuatir sedikit dengan dakwaan Bank Dunia ini kerana apabila dia kata kita sudah jadi negara maju, ini alamat mereka akan mengambil tindakan untuk menyekat kita mencapai matlamat itu. Ini yang dikhuatiri, tetapi penilaian mereka terhadap kejayaan kita amat baik bagi kita menerima. Namun Ahli-ahli daripada sebelah sana tetap akan menganggap ini sebagai perverse logic on the part of the World Bank pun. *(Ketawa)*

Jadi, saya harap perkataan "perverse logic" tidak payahlah diguna lagi dan telah kita dengar banyak-banyak kali sudah dalam semua perbahasan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. *(Tepuk)*

5.03ptg.

Menteri Perusahaan Utama (Dato' Seri Dr Lim Keng Yaik): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk turut menyokong usul Rancangan Malaysia Yang Kenam yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebentar tadi.

Beberapa Ahli: *(Menyampuk)*

Dato' Seri Dr Lim Keng Yaik: Apa mereka bising. *(Ketawa)* Perverse logickah ini?

Rancangan Malaysia Keenam boleh dikira sebagai hadiah harijadi Perdana Menteri kepada negara kita *(Tepuk)*, sebab hari ini adalah harijadi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Terlebih dahulu ingin saya juga merakamkan penghargaan kepada mereka yang terlibat, khususnya Jawatankuasa Perancang Pembangunan Negara, dalam menyediakan rancangan ini yang merupakan usaha gigih Kerajaan merangka sekali lagi satu

rancangan pembangunan yang bersepadu iaitu Rancangan Malaysia Keenam yang merupakan fasa satu pelaksanaan Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua.

Tuan Yang di-Pertua, suasana negara kita kini makin melambung dan meyakinkan di mana kadar pertumbuhan ekonomi yang telah dicapai adalah tinggi. Kadar pengangguran yang makin lama makin tnerosot. Perbelanjaan penggunaan dan pelaburan telah mencapai paras yang tinggi dan Kerajaan terus berusaha meningkatkan lagi pclaburan di negara ini. Dalam pada itu Kerajaan juga berjaya mengawal kadar inflasi pada paras yang rendah walaupun negara kita menikmati kemakmuran ekonomi yang begitu ketara.

Sehubungan dengan ini Bank Dunia juga telah mengenalpasti bahawa Malaysia adalah di antara empat buah negara ekonomi di dunia ini yang telah mengalami pertumbuhan yang pesat dan pada masa yang sama berjaya mengawal kadar inilasi mereka.

Ini merupakan pencapaian yang amat membanggakan sekali di mana Kerajaan Barisan Nasional di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, negara akan beriapak maju menjelang tahun 2020. Dengan pelancaran Rancangan Malaysia Keenam, negara ini akan melangkah masuk kepada satu lagi tempoh pembangunan ekonomi dan sosio yang berterusan bagi dekad baru 90an. Sejak negara mencapai kemerdekaan, berbagai kemajuan serta pembangunan telah dicapai serta berbagai usaha untuk mcnyusun semula dan mengubah struktur ekonomi telah dirumuskan demi meningkatkan taraf hidup rakyat melalui beberapa siri rancangan pembangunan lima tahun.

Dalam tempoh tahun 1971 hingga 1990 iaitu negara di bawah Kerajaan Barisan Nasional telah melalui

pelaksanaan program-program pembangunan Rancangan Malaysia Pertama hingga Kelima yang mana program untuk membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum serta menyusun semula masyarakat telah dapat mengurangkan kadar kemiskinan dari 49.3% pada tahun 1970 kepada hanya 17.1% dalam tahun 1990. Dalam pada itu, matlamat pembasmian kemiskinan di bawah Rancangan Malaysia Keenam dijangka juga akan mengurangkan kadar kemiskinan pada paras 11.1% sahaja. Saya ingin menegaskan bahawa kemiskinan tidak mempunyai perbatasan, dan program-program pembangunan dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam akan menyediakan peluang-peluang bagi golongan miskin di kedua-dua kawasan bandar dan luar bandar demi meningkatkan pendapatan dan taraf hidup mereka.

Di samping itu ekonomi Malaysia telah mengalami perubahan-perubahan struktur yang pesat yang mana saya yakin prosesnya akan diteruskan ke masa depan sehingga menjadikan Malaysia sebuah negara yang maju menjelang tahun 2020. Kini sektor perikanan tidak lagi merupakan sektor dominan. Tempatnya telah diambilalih oleh sektor pembuatan yang keluarannya sebagai peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) atau, dalam bahasa Inggeris, GDP, negara kita kini mengatasi keluaran pertanian. Kini keluaran sektor pembuatan adalah 54% daripada jumlah eksport negara kita. Di samping itu, sebahagian besar daripada gunatenaga telah dipindahkan dari sektor pertanian ke sektor pembuatan. Tambahan pula, asas sektor pembuatan ini di negara kita makin diperluaskan. Ini jelas menunjukkan bahawa ekonomi Malaysia akan berkembang menjadi sebuah ekonomi yang lebih berpelbagaikan, kukuh dan dapat melindungi diri daripada ketidakpastian dan kesan-kesan negatif ekonomi antarabangsa.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong):
(*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat dari Kepong bangun. Hendak beri jalan kepada dia?

Dato' Seri Dr Lim Keng Yaik: Tidak payah, apa mahujelas, dengar dahululah. Orang belum habis, dia mahu jelas.

Dengan demikian, prestasi pembangunan sepanjang tempoh rancangan pembangunan adalah membanggakan yang mana ianya mencapai pada keseluruhannya pada kadar 6.7% setahun. Pertumbuhan KDNK sebenar berbanding dengan matlamat Rancangan Malaysia ialah pada kadar 5%.

Namun pada tahun 1990, kadar perlumbaan telah mencalakan 10.4%. Prestasi yang menggalakkan ini adalah hasil daripada langkah-langkah penyesuaian yang pragmatik yang diambil di bawah Kerajaan Barisan Nasional seperti liberalisasi hak-milik ekuiti, jimat cermat bagi mengurangkan perbelanjaan sektor awam dan seterusnya keperluan mengurangkan pinjaman sektor awam, penswastaan dan Persyarikatan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hubungan ini saya yakin rakyat jelata akan terus mendukung usaha-usaha gigih Kerajaan untuk mengekalkan pertumbuhan pesat ekonomi negara yang menjadi teras utama Rancangan Malaysia Keenam supaya matlamat pembangunan yang seimbang seperti yang termaktub dalam Dasar Pembangunan Nasional dapat dicapai.

Selaras dengan ini Kerajaan Barisan Nasional di bawah pimpinan yang dinamik Yang Amat Berhormat Perdana Menteri serta sokongan kuat rakyat jelata akan memastikan supaya semua lapisan rakyat dapat menikmati arus kemajuan pembangunan negara. Sungguhpun kita pasti Kerajaan akan meneruskan usahanya dalam meningkatkan lagi pertumbuhan di

bawah Rancangan Malaysia Kcenam, namun rakyat mestilah juga memainkan peranan mereka di dalam mengekalkan kestabilan sosial dan politik kerana pertumbuhan hanya dapat diteruskan dalam persekitaran yang stabil.

Saya yakin juga rakyat Malaysia dari semua lapisan akan berganding bahu untuk membina satu masyarakat Malaysia yang bersatupadu, adil dan saksama serta mewujudkan sebuah negara yang stabil, progresif dan teguh di mana semua rakyat Malaysia berasa bangga dan dapat bertindak serta berfikir aebagai rakyat Malaysia. Dan mereka tidak perlu mendengar apa sahaja tuduhan-tuduhan yang datang daripada parti Pembangkang, khususnya Parli DAP. *(Ketawa)*

Akhir sekali, saya juga ingin merayu semua rakyat supaya tampil ke hadapan untuk merebut peluang-peluang yang telah disediakan oleh Kcrajaan dalam rancangan pembangunan ini dan apa yang penting dan mustahak, jangan dengar hujah-hujah yang daiang dari Parti DAP. *(Ketawa)*

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong usul ini. *(Tepuk)*

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang terbuka untuk dibahas. Tanjong.

5.14 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Tanjong): Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Nampaknya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang membentangkan usul ini dan Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama, dalam fikiran mereka dihantui oleh, dengan izin, haunted oleh Parti-parti Pembangkang, khususnya rakyat yang menyokong Parti-parti Pembangkang *(Tepuk)*. Sungguhpun jumlah kerusi Pembangkang 14 + 20, tadi Yang Berhormat Menteri kata bahawa Kerajaan dapat sokongan yang kuat

daripada rakyat jelata, iaitu 52% sahaja, yang terendah sckali dalam sejarah Barisan Nasional yang terendah sekali. *(Tepuk)*

Tuan Yang di-Pertua, saya mcmuji Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana mengambil perhatian tentang bantahan kami semasa perbincangan ke atas Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua dan Dasar Pembangunan Negara pada bulan lepas bahawa Ahli-ahli Parlimen dari semua parti politik tidak diberi masa yang mencukupi untuk mengkaji pelan Kerajaan sebelum perbincangan Parlimen.

Walaupun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam ucapan beliau semasa memperkenalkan RRJP2 dan Dasar Pembangunan Negara dengan tanpa segan silu mengatakan bahawa adalah tidak berguna untuk memberikan masa yang mencukupi kepada pihak Pembangkang, saya berasa gembira bahawa ini hanyalah, tentulah 'perverse illogic'. Nampaknya Yang Amal Berhormat Perdana mengambil tiga minggu pergi ke Amerika Selatan, fikir satu jawapan kepada 'perverse illogic' itu, akhirnya ialah lebih perverse, lebih illogic. Itulah relorik yang kosong dan senda-gurau beliau sahaja kerana dalam hati-sanubari beliau, Yang Amat Berhormat mengetahui bahawa beliau telah bersalah kerana tidak memberi masa yang cukup untuk mengkaji dokumen dasar Kerajaan sebelum perbincangan Parlimen.

Oleh yang deinikian, Rancangan Malaysia Keenam telahpun diedarkan kepada Ahli-ahli Parlimen seminggu sebelum perbincangan, tetapi saya tetap menyalahkan Kcrajaan kerana Rancangan Malaysia Keenam juga sepatutnya diumumkan kepada awam seminggu lalu supaya Ahli-ahli Parlimen dapat memperolehi manfaat maklum-balas orang awam di dalam perbincangan Parlimen ke atas Rancangan Malaysia Kcenam. Apakah alasan yang Kcrajaan boleh berikan dalam sumbangan untuk

membungkuskan Rancangan Malaysia Keenam di bawah Akta Rahsia Rasmi, seolah-olah pengumuman awal akan memudaratkan keselamatan dan kestabilan Malaysia?

Walau bagaimanapun, sebagai sebuah parti yang bertanggungjawab yang akan, dengan izin, to give credit where credit is due, saya memuji, bukan semacam Menteri Perusahaan Awam yang tak faham itu, hmm-hmm sahaja, (*Tepuk*) to give credit where credit is due, oleh kerana memberi masa yang lebih untuk kaji Rancangan Malaysia Keenam kepada Ahli-ahli Parlimen semua parti yang berkenaan. Oleh sebab itu, saya memuji Yang Amat Berhormat kerana mendengar sekurang-kurangnya setengah daripada kritikan Pembangkang dan berharap bahawa beliau akan membalas kepada setengah yang lain di masa depan.

Rancangan Malaysia Keenam adalah fasa pertama dalam pelaksanaan RRJK Kedua yang merangkumi dasar pembangunan negara untuk melakkan asas kepada Malaysia bagi mencapai status negara perindustrian maju menjelang tahun 2020.

Bab Satu Rancangan Malaysia Keenam berkenaan "Matlamat dan Rangka Dasar", menyatakan bahawa matlamat DPN adalah untuk mencapai pembangunan seimbang bagi mewujudkan masyarakat yang bersatupadu dan adil. DPN yang menekankan kepada priumhuan dengan pengagihan yang saksama akan membolehkan semua rakyat Malaysia menyerlahi bidang-bidang utama aktiviti ekonomik dan dengan ini dapat memastikan kewujudan kestabilan politik dan perpaduan negara.

Rancangan Malaysia Keenam menyatakan bahawa matlamat pembangunan seimbang adalah berdasarkan kepada empat pertimbangan:

Pertama, prinsip pertumbuhan dengan pengagihan adalah penting bagi

memastikan pencapaian agihan kekayaan negara secara adil dan saksama.

Kedua, pembangunan masyarakat yang seimbang adalah perlu bagi menjamin kestabilan poliik dan sosial.

Ketiga, pembentukan sebuah masyarakat Malaysia yang mempunyai nilai moral dan etika yang tinggi di samping mempunyai sikap yang positif adalah penling bagi mewujudkan masyarakat yang berianggungjawab, teguh, progresif dan penyayang.

Keempat, pengurusan cermat sumber-sumber semulajadi dan ekologi serta pemeliharaan keindahan alam serta persekilaran yang bersih adalah penting untuk mcingkatkan kualili hidup generasi masa kini dan akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, Rangka Rancangan Jangka Panjang Pertama selama 20 tahun dan Dasar Ekonomi Baru dari 1970-1990 juga penuh dengan matlamat-matlamat, tujuan-tujuan dan pertimbangan-pertimbangan yang sama, tetapi perlaksanaannya adalah jauh menyimpang daripada tujuannya yang tersurat itu dan inilah sebab mengapa Dasar Ekonomi Baru selama 20 tahun itu telah gagal dalam matlamat keseluruhannya untuk mencapai perpaduan negara.

Inilah sebab mengapa Majlis Perundingan Ekonomi Negara (MPEN) dengan sebulat suara mencadangkan penubuhan sebuah Suruhanjaya yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong untuk mengawasi dan mengawal-selia pelaksanaan dasar-dasar ekonomi baru Kerajaan bagi tahun-tahun 90an yang MPEN telah mencadangkan harus dinamakan "DPB".

Laporan MPEN itu telah diumumkan selepas perbahasan Parlimen ke atas RRJP Kedua bermula, walhal di negara-negara lain laporan sedemikian akan

diumumkan jauh lebih awal, dan ia telah mencadangkan supaya Suruhanjaya itu harus:

- (a) mengawaskan mengesan jenler pembangunan ekonomi negara dan memastikan supaya tindakan pegawai Kerajaan serta badan-badan swasta menepati hasrat dan matlamat Dasar Pembangunan Ekonomi Negara;
- (b) memastikan supaya jentera pentadbiran Kerajaan dan sektor swasta dijalankan dengan adil dan saksama dan juga menentukan supaya tiada penyelewengan atau penyalahgunaan berlaku di sektor awam dan swasta;
- (c) Suruhanjaya boleh menarik perhatian kepada pihak berkenaan sama ada dalam sektor awam atau swasta mengenai penyelewengan atau penyalahgunaan, salah laku, salah-tadbir dan sebagainya, dan membuat perakuan untuk memperbetulkan perkara yang terlibat;
- (d) mengumpul, menyedia dan menganalisa data dan perangkaan yang berkaitan dengan pelaksanaan Dasar Pembangunan Ekonomi Negara;
- (e) badan ini juga boleh memperakukan supaya sesuatu undang-undang itu dipinda jika terdapat sebarang kelonggaran yang boleh membawanya kepada hakikat penyalahgunaan kuasa atau penyelewengan.

Tuan Yang di-Pertua, pada hakikatnya, saya telah mengemukakan cadangan yang serupa apabila saya meminda usul Yang Amal Bcrhormai Perdana Menteri di dalam perbahasan ke atas RRJK Kedua di Dewan Rakyat pada bulan lalu supaya menubuhkan sebuah Suruhanjaya Di-Raja untuk mengawalselia pelaksanaan RRJK Kedua dan DPN.

Tetapi usul pindaan saya itu telah ditolak dengan undi bersuara, mal; tanpa perbahasan oleh mana-mana Al Parlimen Barisan Nasional.

Apa yang lebih menakjubkan ial; dua orang Menteri, lima orang Timbal; Menteri, dua orang Setiausaha Parlimen dan lapan orang Ahli Parlimen da Barisan Nasional yang merupakan anggota MPEN dan yang telah membe sokongan kepada cadangan unti penubuhan sebuah Suruhanjaya Di-Ra bagi menyelia dan mengawasi perlak sanaan DPN juga mengundi membanu cadangan yang sama apabila ianya dibangkitkan di Parlimen.

Bagaimanakah 17 orang pemimpi Barisan Nasional ini mendakwa bahu mereka adalah ikhlas apabila merek boleh menyokong cadangan untu menubuhkan sebuah Suruhanjaya D Raja untuk menyelia perlaksanaan dasar-dasar ekonomi Kerajaan di MPEN tetapi mengundi menolaknya apabil cadangan yang sama dibangkitkan Parlimen ini.

Anggota-anggota MPEN Barisan Nasional ini termasuk dua orang Menteri sekarang ini, iaitu Menteri Luar Negeri dan Menteri Kehakiman dan lima orang Timbalan Menteri (termasuk seorang yang sekarang sedang berjalan keluar Lima orang Timbalan Mcnieri iaitu Menteri Perdagangan Domestik dan Hal Ehwal Pengguna (kawasan Kulim Bandar Baharu), Timbalan Menteri Pendidikan (Selandar), Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dai Perindustrian (Bakri), Timbalan Menter Kerjaraya (Taiping) dan Timbalai Menteri Kerjaraya (Seratok) dan dui orang Setiausaha Parlimen iaitu bag Kementerian Dalam Negeri (Pontian dan Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan (Kemaman).

Lapan orang Ahli Parlimen Barisar Nasional yang merupakan anggota-anggota MPEN terdiri daripada empa orang dari UMNO, seorang dar

GERAKAN dan tiga orang dari MIC. Mereka adalah Ahli dari Batu Berendam, Ahli dari Rompin, Ahli dari Tambun, Ahli dari Arau, Ahli dari Nibong Tebal, Ahli dari Segamat, Ahli dari Kapar dan Ahli dari Telok Kemang - semua sudah lari.

Jika kejujuran politik bererti bagi mereka, maka kesemua dua orang Menieri, lima orang Timbalan Menteri, dua orang Setiausaha Parlimen dan lapan orang Ahli Parlimen dari Barisan Nasional itu harus meletakkan jawatan (*Tepuk*), harus meletak jawatan dalam keadaan malu dan hina kerana mengundi menolak usul pindaan DAP dalam perbahasan RRJP Kedua untuk penubuhan sebuah Suruhanjaya Di-Raja untuk mengawasi pelaksanaan DPN apabila mereka mengemukakan cadangan yang sama semasa mereka menganggotai MPEN dan kalau Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menghargai kewibawaan dan kredibiliti, ia patut mengarahkan kesemua 17 orang ini meletak jawatan. (*Tepuk*)

Kesalahan yang paling besar dalam RRJP Pertama dan Dasar Ekonomi Baru adalah skandal-skandal, penyelewengan, penyalahgunaan kuasa, jenayah pecah amanah, percanggahan kepentingan, amalan tidak beretika dan salah laku yang berleluasa yang dilakukan atas nama penyusunan semula masyarakat, malah pembasmian kemiskinan.

Dalam kata pendahuluan Rancangan Malaysia Keenam, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada berkata bahawa "Kita mesti sentiasa bersedia untuk lebih mementingkan negara daripada kepentingan diri sendiri atau kepentingan sesuatu kumpulan tertentu". Itulah apa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada kata dalam kata pendahuluan. Tetapi rasuah, penyelewengan, penyalahgunaan kuasa, jenayah pecah amanah, percanggahan kepentingan, amalan tidak beretika dan salah laku yang berleluasa adalah bukti

yang mencukupi untuk menunjukkan ketamakan dan perasaan mementingkan diri sendiri merupakan motivasi pendesak ke tahap pencapaian yang lebih tinggi oleh Kerajaan dan masyarakat.

Arus skandal baru-baru ini merupakan peringatan yang tepat pada masanya bahawa skandal-skandal DEB dalam dua dekad yang lalu akan diwarisi oleh skandal DPN dalam dekad-dekad akan datang, kerana Kerajaan belum lagi mempamerkan dan menunjukkan sebarang keazaman politik yang benar untuk melaksanakan akauntabiliti politik dan tanggungjawab pemimpin-pemimpinnya, sama ada pada peringkat Kerajaan Persekutuan atau negeri, atau menghukum mereka yang terlibat dalam skandal yang melibatkan wang awam atau penyalahgunaan kuasa.

Pertama sekali ialah skandal depot peluru \$71 juta di Masjid Tanah. Semasa Parlimen ditangguh sementara waktu, saya telah memberi amaran kepada Yang Berhormat Menteri Pertahanan bahawa jika beliau tidak mengumumkan nama pemimpin UMNO yang penting, yang terlibat dalam skandal depot peluru \$71 juta Masjid Tanah di Melaka, bersama-sama dengan Abdullah Ang, dengan izin, of the "water-bed fame in prison," saya sendiri akan mengumumkan nama pemimpin UMNO tersebut.

Akibatnya, Yang Berhormat Menteri Pertahanan terpaksa mengumumkan nama Menteri Besar Kedah, Yang Berhormat Tan Sri Osman Aroff, kawan baik Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, sebagai orang yang terlibat bersama dengan Abdullah Ang di dalam skandal depot peluru Masjid Tanah, kerana beliau adalah pengarah dan pemegang saham Sri Kinabalu Sdn. Bhd., syarikat yang diberikan kontrak untuk depot peluru di Melaka.

Walau bagaimanapun, Yang Berhormat Menteri Pertahanan cuba mengalihkan perhatian daripada Menteri Besar Kedah dengan berkali-kali

menegaskan bahawa Sri Kinabalu Sdn. Bhd. telahpun ditutup dan bahawa KEMENTAH hanya berminat untuk menuntut daripada Perunding, Sigoh Din Sdn. Bhd. Ini langsung tidak dapat ditcrima. Yang Berhormat Menteri Pertahanan berkata bahawa Sri Kinabalu telah menggunakan bahan yang tidak sesuai dan bermutu rendah dan kemahiran kerja yang tidak bermutu ke atas depot tersebut. Kedua-dua kecacatan reka-bentuk dan bahan telah didapati di 75 daripada 155 bangunan yang digunakan untuk menyimpan peluru.

Sebagai contoh, bagaimana kontraktor telah menggunakan bahan yang kurang bermutu dan tidak mengikut syarat-syarat kerana ingin memperolehi keuntungan yang lebih, beliau berkata Sri Kinabalu Sdn. Bhd. menggunakan batang besi 7 mm dan bukannya 10 mm untuk menguatkan lclangit. Campuran plasterjugamengandungiterlalubanyak pasir, mengakibatkan keretakan dan kelupasan dinding. Beliau berkata bahawa pembaikan kepada depot akan memakan belanja sebanyak \$30 jula.

Tan Sri Osman Aroff tidak boleh melarikan diri daripada tanggungjawab terhadap skandal depot peluru \$71 juta di Masjid Tanah. Beliau mungkin boleh mendakwa bahawa dari segi undang-undang, beliau tidak bertanggungjawab kerana Sri Kinabalu telahpun digulung. Tetapi alasan ini tidak boleh diterima daripada seorang yang memegang jawatan yang bertanggungjawab besar sebagai Menteri Besar Kedah. Soalan yang amat berkaitan ialah sama ada Sri Kinabalu Sdn. Bhd. telah digulung untuk membolehkannya mengelakkan diri daripada tanggungjawab terhadap skandal depot peluru Masjid Tanah.

Tan Sri Osman Aroff tidak harus berdiam diri dan harus mengumumkan sama ada beliau akan bertanggungjawab terhadap kerugian yang dialami oleh

gantirugi sebanyak \$30 juta yang terpaksa ditanggung oleh pembayar cukai untuk membaiki depot peluru terscbut. Jika beliau boleh mengelakkan diri daripada skandal depoh peluru Masjid Tanah, maka prinsip akauntabiliti dan tanggungjawab adalah langsung tidak bererii kepada Kerajaan Barisan Nasional.

Beliau mempunyai dua pilihan yang mulia. Walaupun Sri Kinabalu telahpun digulung, beliau harus memikul tanggungjawab dan membayar gantirugi sebanyak \$30 juta kepada Kerajaan Persekutuan terhadap kerugian yang dialami akibat skandal depotpeluru, atau beliau harus dengan ini meletakkan jawatan sebagai Menteri Besar Kedah dan bersara dari jawatan awam. (*Tepuk*)

Dalam satu kenyataannya, Yang Berhormat Menteri Pertahanan berkata bahawa beliau tidak harus bertanggungjawab kerana skandal depot peluru tersebut berlaku lama sebelum beliau menjadi Menteri Pertahanan. Kalau tidak silap saya, ketika kontrak depot peluru tersebut diberikan, Menteri Pertahanan ketika itu tidak lain daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri dan beliau sudah mengakui...

Perdana Menteri: Saya minta supaya Ahli Yang Berhormat itu membuat laporan kepada BSN bahawa saya yang terlibat dengan memberi tender dan sebagainya berkenaan dengan pembinaan depotpeluru ini dan tindakan mahkamah bolch diambil.

Tuan Lim Kit Siang: Kalau Yang Amat Berhormat Perdana Menteri fikir ada asas untuk laporan dibuat kepada ACA, beliau sendiri patut buat laporan terhadap ACA tentang beliau sendiri. (*Tepuk*)

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak harus membuat laporan kepada ACA kerana bukan saya

dibuat oleh Ahli Yang Berhormat. Ahli Yang Berhormat boleh melaporkan kepada ACA. Dia ada keterangan bahawa saya terlibat dan kena bayar \$32 juta. Saya sanggup bayar kalau boleh prove kata saya terlibat. (*Disampuk*)

Tuan Lim Kit Siang: Saya tidak buat apa-apa tuduhan terhadap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selain daripada dia guilty conscious.

Perdana Menteri: Yang Berhormat tadi kata masa benda ini berlaku, saya jadi Menteri Pertahanan. Kalau itu bukan tuduhan, saya tidak tahu apa dia tuduhan. Apa sebabnya yang dia sebut saya jadi Menteri Pertahanan kalau dia tidak buat tuduhan bahawa saya terlibat?

Tuan Lim Kit Siang: Yang pertama itu benar, bukan? Itu kenyataan. Saya timbulkan perkara ini. . . .

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, kenyataan memang. . . .

Tuan Lim Kit Siang: At least admit.

Perdana Menteri:.... bahawa pada ketika itu, saya jadi Menteri Pertahanan tetapi menjadi Menteri Pertahanan tidak bermakna bahawa saya terlibat dengan rasuah ataupun saya terlibat dengan sebarang pembinaan,

Kalau itu benar, maka semua Kerajaan di Eropah, di mana-mana pun kena berhentilah bila ada sahaja satu kes salahlaku. Ahli Yang Berhormat pun tidak faham tentang collective responsibility. Sepatutnya dialah berhenti kerana kita semua dalam Parlimen ini. ... (*Disampuk*) (*Ketawa*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat dari Kota Melaka, diingatkan jangan mencelah dengan sewenang-wenangnya. (*Disampuk*)

Perdana Menteri: Sebenarnya Parlimen bermaksud Ahli Pembangkang juga. Jadi, kalau apa-apa berlaku kita sama-samalah bertanggungjawab. (*Ketawa*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Teruskan Tanjong.

Tuan Lim Kit Siang: Saya tidak buat apa-apa tuduhan bahawa Menteri Pertahanan masa itu, yang sekarang Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sudah mengakui beliau masa iuu menjawat jawatan itu ada corrupt, ada terlibat dalam penyalahgunaan kuasa. Saya tidak tahu. Saya tidak buat tuduhan oleh kerana saya tidak tahu tetapi kenapa saya timbulkan perkara ini? Saya timbulkan perkara ini oleh kerana Yang Berhormat Menteri Pertahanan, beliau sendiri kata bahawa dia tidak patut disalahkan oleh kerana perkara ini berlaku sebelum beliau menjawat kerusi Menteri Pertahanan. Itulah. Kalau bukan salah sesiapa, salah Yang Berhormat Menteri Pertahanan sekarang. Dia kata oleh kerana perkara ini berlaku sebelum beliau menjadi Menteri Pertahanan, tidak patut dia disalahkan. Sebab itu saya timbulkan perkara ini.

Adakah ini bererti bahawa sesiapa yang bertanggungjawab masa itu menjadi Menteri Pertahanan patut dipertanggungjawabkan? Itu timbul akibat daripada kenyataan Yang Berhormat Menteri Pertahanan.

Beberapa Ahli: Betul, betul.

Tuan Lim Kit Siang: Kalau mahu penjelasan, cari dia. Oleh kerana ertinya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri patut bertanggungjawab, patut bertanggungjawab. Bukan saya kata, dia kata atau ertinya yang tersirat patut tersurat.

Tuan Yang di-Pertua, kedua, lerdapat skandal KOBENA \$100 juta yang disebabkan oleh pemimpin-pemimpin UMNO dan Pemuda UMNO yang menyalahgunakan kedudukan, amanah dan tanggungjawab mereka dengan menyelewengkan wang KOBENA untuk tujuan politik dan perseorangan.

Kenapakah Kerajaan tidak bersedia untuk mengeluarkan satu kertas putih untuk membongkarkan segala jenayah pecah amanah, penyalahgunaan kuasa dan salahlaku di dalam skandal. . .

Menteri Belia dan Sukan (Tuan Haji Annuar bin Musa): *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Menteri Belia dan Sukan bangun.

Tuan Haji Annuar bin Musa: Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mencadangkan kalau ada cukup bukti yang kononnya pemimpin-pemimpin dalam Pemuda terlibat, saya mencadangkan Yang Berhormat boleh membuat aduan Polis ataupun kepada ACA.

Tuan Lim Kit Siang: Soalnya ialah kenapa satu kertas putih tidak dikeluarkan? Kenapa takut? Takut membongkarkan sesiapa yang bertanggungjawab yang mengakibatkan kerugian \$100 juta KOBENA. Tidak guna cabar, pergi buat laporan ACA. Sendiri patut buat laporan kalau Menteri yang bertanggungjawab, oleh kerana sebagai Menteri yang bertanggungjawab patut tahuapa yang berlaku dan apabila tahu apa yang berlaku, tidak mahu buat laporan kepada ACA, sudah cuai, tidak bertanggungjawab, tidak layak terus menjadi Menteri. *(Tepuk)*

Tuan Haji Annuar bin Musa: Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang anggota Parlimen veteran yang seharusnya lebih bertanggungjawab atas apa Yang Berhormat berani sebutkan. Kalau Yang

Berhormat begitu tegas, yakin kononnya ada penyelewengan yang melibatkan orang tertentu termasuk dalam Pergerakan Pemuda, kenapakah kehebatan itu hanya berani ditunjukkan di sini, sedangkan negara ini mempunyai undang-undang dan peraturan yang tidak mengira sesiapa kalau mereka melakukan kesalahan. Maka sepatutnya Yang Berhormat cukup berani, sepertimana beraninya Yang Berhormat dalam Dewan ini harus juga berani bertanggungjawab mengemukakan fakta yang ada. Saya percaya Yang Berhormat berdiri di sini, dengan cara Yang Berhormat berdiri, seolah-olah Yang Berhormat mempunyai cukup bukti. Maka sila gunakan hak Yang Berhormat itu pada tempat yang sewajarnya.

Tuan Lim Kit Siang: Inilah icmpat yang sewajarnya. Mungkin Yang Berhormat Menteri baru masuk Parlimen ini dan melalui pintu belakang pun, sebab itu tidak faham. *(Ketawa)* Inilah tempat yang sewajarnya dan inilah tempat di mana kita mahu mengesahkan bahawa Kerajaan ada tanggungjawab untuk mengeluarkan kertas putih. . . .

Tuan Haji Annuar bin Musa: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri bangun.

Tuan Lim Kit Siang: Saya habiskan ayat saya dahulu. Mengeluarkan kertas putih mengenai skandal KOBENA. Ya.

Tuan Haji Annuar bin Musa: Yang Berhormat, saya ucapkan terima kasih kerana disebutkan saya masuk daripada belakang dan saya sebenarnya sudah lama juga hendak berhadapan dengan Yang Berhormat ini secara berdepan dan bersyukur saya dapat ada di sini. Kalaupun Yang Berhormat sebagai Ahli Parlimen yang cukup lama, Yang Berhormat tidak patut menghina Yang

di-Pertuan Agong kerana perlantikan saya adalah mengikut peraturan dan undang-undang serta dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong. (*Tepuk*)

Tuan Lim Kit Siang: Ini low class, no class. Low class and no class. (*Ketawa*)

Tuan Haji Annuar bin Musa: Soal kelas itu adalah hak ataupun apa Yang Berhormat boleh fikirkan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, kalau sudah beri jalan kepada Yang Berhormat Menteri, biarlah dia cakap dahulu. Lepas itu, barulah sahut.

Tuan Lim Kit Siang: Low class and no class.

Tuan Haji Annuar bin Musa: Low class atau no class - itu Yang Berhormat punya tanggungjawab, tetapi Yang Berhormat sendiri telah menunjukkan bahawa satu perkara yang memalukan sebagai Ketua Pembangkang kerana tidak tahu asas-asas kepada Perlembagaan negara ini. Sebab itu Yang Berhormat bersikap demikian.

Tuan Lim Kit Siang: Kalau begitu, kalau seorang yang dilantik sebagai Senator cuai, tidak guna, tidak bertanggungjawab, kita tidak kritik, kalau kita kritik, kita kritik Yang di-Pertuan Agong. Apa logik, lebih perversc, lebih illogic, ialah kait Mahathir-Mahathir. (*Tepuk*) Ini bukan. Tidak ada kena mengena dengan Yang di-Pertuan Agong, sebab itu sangai low class, sangat no class. Sebab itu belakang pintulah, tidak boleh masuk pintu depan. (*Ketawa*) Adakah Kerajaan ini Kerajaan Dr Mahathir mempunyai tahap akauntabiliti awam yang lebih rendah daripada Kerajaan Allahyarham Tun Hussein Onn?

Kertas Putih Kerajaan atas skandal Bank Rakyat pada tahun 1979 memaparkan kerugian yang diakibatkan

daripada salahlaku, salah urus dan penyalahgunaan amanah dan wang awam yang menyebabkan Bank Rakyat kerugian \$65 juta sahaja tetapi hari ini skandal \$100 juta KOBENA kelihatan adalah begitu biasa dan lazim sekali dan sampai sekarang kita tidak boleh dapat satu kenyataan yang jelas sama ada satu kertas putih akan dikeluarkan oleh Kerajaan sungguhpun Menteri yang bertanggungjawab ada di sini.

Saya boleh beri jalan, mahu keluar kertas putih atau tak mahu?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, tak ada orang yang bangun, jadi teruskan sahaja.

Perdana Menteri: (*Bangun*)

Tuan Lim Kit Siang: Ah, Perdana Menteri bangun.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, soal kertas putih ialah apabila Kerajaan berpendapat bahawa sesuatu itu perlu diberitahu kepada rakyat untuk memberi penjelasan. Dalam perkara ini Kerajaan tahu bahawa perkara ini berlaku dalam satu pertubuhan yang mana biasanya kecurangan biasa juga berlaku, sepertimana juga dalam perniagaan-perniagaan yang lain. Kalau ada kes kesalahan atau penjenayahan yang berlaku maka Kerajaan akan mengambil tindakan bahkan Kerajaan biasa mengambil tindakan walaupun kepada pegawai-pegawainya. Tetapi dalam perkara ini kita tidak ada bukti bahawa sesuatu itu telah berlaku melainkan Ahli Yang Berhormat yang kata dia ada bukti. Jadi, kalau dia ada bukti lebih baiklah kalau dia membuat laporan dengan kenyataan-kenyataan, tetapi kalau kita tidak ada kenyataan, macam mana kita hendak keluar kertas putih?

Tuan Lim Kit Siang: Ini lagi perverse illogic. Perverse illogic demi perverse illogic. Kenapa tak boleh keluar kertas putih oleh kerana tentu ada siasatan mengenai skandal Kobena oleh kerana Yang Berhormat Menteri sendiri ada kata ada skandal \$100 juta. Kalau tidak begitu, kenapa beliau boleh buat kenyataan dan bahawa dia rela untuk letak jawatan pun.

Tuan Haji Annuar bin Musa:
(Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Menteri bangun.

Tuan Haji Annuar bin Musa: Tuan Spcaker, yang disebutkan bukan skandal \$100 juta, kerugian \$100 juta yang ditimbulkan oleh pelbagai sebab. Penyiasatan oleh pengurusan berjalan seperti biasa. Ada kes-kes yang difikirkan oleh pihak pengurusan berlaku salah laku dalam pentadbiran, ada yang sebahagiannya telah dibuat laporan kepada Polis. Proses ini berjalan mengikut proses yang biasa.

Tuan Lim Kit Siang: Proses yang biasa seminimanya ialah keluar satu kertas putih oleh kerana inilah hak rakyat untuk tahu apa yang berlaku. Oleh kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri suka dia keluarkan kertas putih, tak suka dia tak mahu keluarkan. Ini bukan favouritism dalam Kerajaan.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja Kerajaan yang berhak keluarkan kertas putih, Parti Pembangkang pun boleh juga beri penerangan, cuba keluarkan kertas putih yang menerangkan siapa yang buat salah apa dan laporkan kepada orang ramai, tetapi Ahli Yang Berhormat ber-selindung di dalam Dewan ini, kerana apa yang dia kata tidak boleh dikenakan apa-apa tindakan mahkamah, kerana dia duduk dalam Dewan ini berani bercakap,

cuba keluar pergi bercakap kata orang ini buat itu, buat ini, pergilah lapor, apa salahnya?

Tuan Lim Kit Siang: Nampaknya kitapatut lulus satu usul cadang bahawa satu Oscar perverse illogic dihadiahkan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. (*Tepuk*) Kita contributelah. (*Ketawa*)

Skandal ketiga, terdapat skandal Bank Pertanian \$260 juta di mana Bank Dunia telah mencadangkan ianya dihentikan operasinya kerana penyalahgunaan dan salahguna wangnya oleh pemimpin-pemimpin politik, terutamanya UMNO untuk kepentingan mereka sendiri.

Laporan Tahunan Bank Negara 1990 memperakukan bahawa Bank Pertanian berada dalam satu krisis apabila ia menyatakan bahawa: "Walau bagaimanapun, bagi Bank Pertanian, pinjaman untuk pertanian merosot lagi sebanyak \$94 juta dalam tahun 1990 untuk tahun ketiga berturut-turut, menjadikan jumlah pengurangan antara tahun 1988 dan 1990 sebanyak \$377 juta".

Laporan Bank Negara juga menyatakan bahawa, "Jumlah sumber kewangan Bank Pertanian mengalami kemerosotan yang besar, iaitu sebanyak 25.1% atau \$468 juta kepada \$1,396 juta pada akhir tahun 1990. Ini menyebabkan sumbangannya kepada jumlah sumber kewangan institusi kredit luar bandar jatuh daripada sebanyak 43.5% dalam tahun 1990 kepada 37.1%".

Petani-petani yang merupakan sasaran Bank Pertanian bila ianya ditubuhkan berhak mengetahui bagaimana Bank Pertanian telah menjadikan satu lagi kisah panjang ibarat "pagar makan padi" di bawah Kerajaan Barisan Nasional.

Skandal yang keempat adalah Skandal Bank Bumiputra Ketiga dalam masa kurang daripada 10 tahun.

Pada tahun 1984, apabila Kerajaan mengarahkan PETRONAS menyelamatkan Bank Bumiputra selepas skandal BMF \$2.5 bilion, rakyat Malaysia telah diberi jaminan bahawa selepas rombakan pengurusan Bank Bumiputra, Bank Bumiputra akan berada di kedudukan yang baik. Tetapi pada bulan Oktober 1989, saya terpaksa membawa satu usul tergepar yang melibatkan perkara tertentu kepentingan orang ramai yang perlu disegerakan untuk Skandal Bank Bumiputra Kedua, yang mclibaikan tambahan \$1.1 bilion bagi membolehkan PETRONAS menyelamatkan Bank Bumiputra kerana potfolio hutang lapuk yang amat besar.

Kini, terdapat Skandal Bank Bumiputra Ketiga kerana urusan niaga yang irregular dalam angoia pelaburan sekuriti Bank Bumiputra atau BBMB Securities Sdn. Bhd.

Rekod pihak berkuasa Kerajaan yang lalu dalam mengawasi urusan tidak menurui peraluran, terutama sekali niaga dalaman (insider-trading), bukan sesuatu yang dapat menanam keyakinan awam bahawa pihak yang berkuasa Kerajaan yang bertanggungjawab dalam sekuhti, nampaknya kelihatan seotah-olah pasaran saham Malaysia adalah penuh dengan, dengan izin, saints (syahid dan malaikat) dan niaga dalaman tidak pernah berlaku dalam Malaysia.

Pengarah Eksekutif BBMB, Dr Jaafar Ahmad berkata bahawa BBMB Securities akan kerugian \$72 juta akibat urusan niaga tidak menurut peraturan. Tetapi ini adatah satu angka yang amat berlainan dengan angka yang disebut oleh Singapore Business Times yang mengatakan bahawa jumlahnya adalah di antara \$100 juta hingga \$180 juta.

Sumber saya memberitahu saya bahawa BBMB akan mengalami kerugian yang jauh lebih besar daripada kiraan Singapore Business Times yang menjadikan kerugiannya berkali-kali lebih besar daripada \$72 juta seperti yang diumumkan.

Rakyat Malaysia ingin tahu fakta penuh dan bukan penjelasan yang kosmetik mengenai Skandal Bank Bumiputra Ketiga. Khususnya, rakyat Malaysia ingin mengetahui mengapakah rombakan pengurusan Bank Bumiputra berkali-kali dilakukan dan pengurusan telah gagal untuk mencegah skandal yang berkali-kali berlaku di Bank Bumiputra.

Skandal yang kelima ialah skandal pemilikan dan pengusahaan di Malaysia. Saya telah membangkiikan soalan ini semasa perbahasan ke atas Rang Undang-undang (Pindaan) Bank Negara Malaysia dua minggu yang lalu, iaitu sama ada bekas Menteri Kewangan, Yang Berhormat dari Merbok dengan menggunakan syarikai-syarikat nominee, akan menguasai pegangan saham dalam enam bank tempatan melalui tiga percantuman: D&C Bank dan UMBC; Bank of Commerce dan UAB; Southern Bank dan Ban Hin Lee Bank.

Menteri Kewangan dan Timbalan Menteri Kewangan bclum lagi memberi satu jawapan yang memuaskan dalam perkara ini. Bolehkah kita sebagai misalnya mendapat satu kenyataan yang tegas sama ada percantuman yang dicadangkan antara D&C Bank dan UMBC telah berjaya, akan diteruskan, akan jadi atau tidak? Yang Amat Berhormat mahu jawab?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Teruskan sahaja Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Adalah jelas Akta Bank dan Institusi Kewangan (BAPIA) mempunyai satu kelemahan

yang membenarkan penggunaan syarikat-syarikat penama dan syarikat-syarikat proksi untuk mengatasi dengan berkesannya peruntukan yang sedia ada iaitu individu-individu dan syarikat-syarikat tidak boleh memiliki lebih dari 10 peratus dan 20 peratus saham masing-masing di dalam sebuah bank komersial.

Saya tidak berpuas hati dengan penjelasan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri dan Timbalan Menteri yang mengatakan Bank Negara berkuasa untuk memerintah syarikat-syarikat penama mendedahkan identiti sebenar tuannya.

BAPIA hendaklah dipinda untuk memperuntukkan pemilikan saham-saham di dalam bank dan syarikat-syarikat kewangan dapat diketahui, melarang saham-saham bank dan syarikat-syarikat kewangan dibeli atas nama syarikat-syarikat penama.

Juga harus diadakan satu lagi pindaan kepada BAPIA untuk memansuhkan hak Menteri Kewangan untuk mengecualikan individu-individu dan syarikat-syarikat tertentu daripada had pemilikan yang ditetapkan oleh Akta tersebut.

Ini akan memastikan bahawa individu-individu yang mempunyai pertalian politik yang kukuh tidak akan mendapat favour khas seperti berlaku dalam tahun 1984 apabila syarikat-syarikat keluarga Yang Berhormat dari Merbok dibenarkan memiliki 40.7 peratus saham di dalam UMBC.

Dalam pada ini, saya ingin melahirkan rasa hairan dan terkejut saya terhadap Menteri Kewangan baru yang bukan sahaja merestui bahkan membela pembelian secara haram dan tanpa etika 40.7 peratus saham dalam UMBC oleh bekas Menteri Kewangan menerusi syarikat-syarikat keluarganya. Inilah skandal keenam.

Saya telah berkata dalam Parlimen pada bulan lepas bahawa ujian asid pertama beliau sebagai Menteri Kewangan ialah sama ada di dalam ABIM sebagai penentang segala jenis rasuah, penyalahgunaan kuasa, percanggahan kepentingan, amalan-amalan yang tidak beretika serta perbuatan-perbuatan yang tidak sah dari segi undang-undang dalam kesediaan beliau untuk memulakan satu penyiasatan penuh ke dalam tiga aspek skandal pemilikan saham UMBC itu, iaitu pembelian secara haram dan tidak beretika 40.7 peratus saham di dalam UMBC dalam tahun 1984 oleh Yang Berhormat dari Merbok kerana beliau sudahpun menjadi Menteri Kewangan ketika itu; penambahan secara haram dan tidak beretika sahamnya di dalam UMBC kepada 50.4 peratus dalam tahun 1985 yang merupakan pemilikan majoriti, dan ketiga, penyalahgunaan kuasa yang dilakukannya dengan memaksa PERNAS membeli saham-saham UMBCnya dengan mendapat keuntungan lebih \$100 juta.

Dalam jawapan yang diberikannya pada 27hb Jun lalu, Yang Berhormat Menteri telah berkata bahawa undang-undang adalah jelas dan bahawa Menteri Kewangan mempunyai kuasa untuk mengecualikan orang-orang daripada had pemilikan berkait dengan pemegangan saham di dalam bank-bank. Yang Berhormat Menteri sengaja enggan melihat perkara besar yang terlibat di dalam skandal tersebut iaitu keadaan percanggahan kepentingan di mana Yang Berhormat dari Merbok selaku Menteri Kewangan telah meluluskan pembeliannya sendiri sebanyak 40.7 peratus saham UMBC menerusi syarikat-syarikat keluarganya.

Yang Berhormat Menteri Kewangan adalah Pengerusi Jawatankuasa Kabinet terhadap penyelewengan dan disebabkan beliau sengaja enggan melihat keadaan percanggahan kepentingan seperti tertera di dalam skandal pemilikan saham UMBC sedangkan

skandal tersebut begitu ketara kepada semua, maka beliau haruslah meletakkan jawatan sebagai Pengerusi Jawatankuasa Kabinet itu.

Oleh kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri ada di sini, perkara ini satu skandal yang begitu lama belum diselesaikan dan beliau lebih fasih dalam perkara selok-belok bagaimana undang-undang tersebut, Akta Bank telah berlaku penyelewengan dan untuk menegakkan integriti kewibawaan sistem bank, Hnance dan dunia korporat, patutlah ada satu siasatan yang terbuka dalam perkara ini. Apa takut mengadakan satu siasatan? Apa takut yang mahu disembunyikan dalam skandal ini? (*Tepuk*)

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya sampai ke skandal yang ketujuh

Seorang Ahli: Lapan.

Tuan Lim Kit Siang: Tujuh!

Seorang Ahli: Lapan.

Tuan Lim Kit Siang: Nanti dahulu, perlahan-lahan, jangan panik.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli DAP dari Petaling Jaya telah membangkitkan skandal Tenaga Nasional Berhad (TEN) di dalam Parlimen awal tahun ini dan beliau ialah mcnimbulkan persoalan-persoalan yang melibatkan ketidakcekapan, pecah amanah dan rasuah yang berlaku di dalam pelbagai kontrak dan projek TEN khususnya. Penawaran tender oleh TEN untuk tujuh buah turbin gaskepadasebuah syarikatSwissdengan harga dua kali ganda berbanding dengan harga pasaran dunia yang melibatkan kos tambahan sebanyak lebih \$600 juta dan juga skandal \$35 juta mengenai tergendalanya slesen janakuasa PAKA di Terengganu.

Yang Berhormal Menleri Tenaga, Telekom dan Pos di dalam jawapannya di Parlimen telah marah secara tiba-tiba

dan berlaku secara dramatik tetapi beliau gagal memberi jawapan yang penuh, jelas dan memuaskan kepada semua persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Petaling Jaya untuk melenyapkan segala dakwaan mengenai ketidakcekapan, pecah amanah dan rasuah bernilai berjuta-juta ringgit yang berlaku di kalangan pihak pengurusan atas TEN dan Kementerian berkenaan.

Semasa perbalahan hangat di dalam Parlimen, Yang Berhormat Menteri berkata beliau tidak mempunyai maklumat-maklumat tertentu waktu itu dan beliau berjanji beliau akan menulis kepada kita dengan memberi butir-butir lanjut sebagai menjelaskan segala keraguan mengenai pelbagai urusanniaga yang melibatkan TEN, tetapi sehingga kini kami masih menunggu jawapan bertulis beliau.

Saya pasti Yang Amal Berhormal Perdana Menteri telah semenjak itu menerima sepucuk surat setebal 27 muka yng dikirim oleh suatu kumpulan yang menggelar dirinya, dengan izin, Concerned Engineers, Tenaga Nasional Berhad. Ada bukan? Tidak? Saya edar satu salinan. Tidak terima? Ada orang yang tahan kalau begitu! Surat setebal 27 muka yang dikirimkan oleh suatu kumpulan yang menggelar diri sebagai Concerned Engineers, Tenaga Nasional Berhad yang menarik perhatian beliau terhadap ketidakcekapan, pecah amanah dan rasuah yang tidak terhingga yang melibatkan berbilion-bilion ringgit dalam konlrak-kontrak TEN.

Jurutera-jurutera Concerned Engineers TEN itu memberi amaran bahawa ketidakcekapan dan salah pengurusan di dalam TEN telah sampai ke satu tahap di mana satu krisis pembekalan kuasa oleh TEN boleh diduga dalam beberapa bulan ini dengan berlakunya, dengan izin, long, regular brownouls and blackouts kerana TEN akan terpaksa mengurangkan pengeluaran tenaganya atau load-shedding untuk menyelamatkan stesen-stesen

janakuasa utamanya daripada termusnah serta untuk menjimatkan berbilion-bilion ringgit dalam ertikata kerosakan.

Adalah amat memalukan bahawa tiada mekanisma Parlimen atau mekanisma bebas untuk menyiasat tuduhan-tuduhan yang serius tersebut, kerana penjelasan untuk kepuasan sendiri, atau dengan izin, self-exculpatory oleh TEN atau Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos tentulah tidak mencukupi.

Ini adalah sebabnya mengapa suatu Suruhanjaya yang menyelia dan mengawasi pelaksanaan dasar Kerajaan untuk menyekat penyelewengan, penyalahgunaan kuasa, percanggahan kepentingan dan amalan rasuah seperti yang berlaku dalam skandal TEN mempunyai peranan yang amat penting.

Tuan Yang di-Pertua, skandal kelapan adalah berkenaan program penswastaaan Kerajaan.

Rancangan Malaysia Keenam memaklumkan bahawa program penswastaaan Kerajaan dalam Rancangan Malaysia Kelima melibatkan penjualan saham lebih daripada \$2,000 juta, pengurangan kakitangan seramai 54,000 orang dan penjimatan lebih dari \$400 juta setahun dari segi emolumen. Ia mendakwa Kerajaan juga menjimatkan sebanyak \$5,000 juta dalam bentuk perbelanjaan modal melalui pelaksanaan konsep BOT (Build-Operate-Transfer) bagi projek-projek seperti Lebuhraya Utara-Selatan dan bekalan air Labuan.

Salah satu entiti utama Kerajaan yang terakhir yang diswastakan di bawah Rancangan Malaysia Kelima ialah Kumpulan FIMA Berhad. Sebelum Pilihanraya Umum lalu, Kerajaan telah mengumumkan bahawa Kumpulan FIMA Berhad akan diswastakan melalui suatu 'management buy-out', atau pembelian yang dilakukan oleh pihak pengurusan.

Kemudian, didedahkan bahawa Kumpulan FIMA akan diswastakan melalui 'management buy-but' oleh Pengerusi FIMA, Tan Sri Basir Ismail dengan harga \$180 juta.

Kumpulan FIMA mempunyai hubungan rapat dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kerana perlantikan beliau sebagai Pengarah FIMA pada awal tahun 1970an dan pada masa itu beliau berkhidmat bersama-sama dalam Lembaga dengan Lorrain Esme Osman, Co-Director FIMA, bukan?—betul!

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan. Apa maksud dia mengaitkan nama saya dengan Lorraine Esme Osman. Apakah ini bermakna bahawa saya terlibat dengan George Tan, saya terima rasuah. Kalau hendak, buat tuduhan atau buat laporan kepada pihak tertentu dan bukan buat sindiran semacam itu. Ini menampakkan Yang Berhormat ini seorang yang pengecut. Bila ada dalam Dewan ini terlindung, buat macam-macam; buat fitnah dan tohmah. Itu cara Ahli Yang Berhormatlah. Memang Ahli Yang Berhormat ada dalam Dewan ini semata-mata untuk mencari political gains. (*Tepuk*)

Tuan Lim Kit Siang: Saya tidak faham kenapa hari ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri begitu edgy. Saya rela pergi luar Dewan untuk ulangi apa yang saya katakan di dalam Dewan ini bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada hubungan rapat dengan FIMA bahawa beliau ada dilantik pada awal tahun 1970an sebagai Pengarah FIMA. Masa itu Lorrain Esme Osman pun Pengarah, sama-sama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada masa itu dan Lorrain Esme Osman, of course, dengan BMF fame; itu kita tidak boleh lari historical fact. Saya boleh ulangi di luar Dewan.

Perdana Menteri: Yalah....

Tuan Lim Kit Siang: Apa itu? Apa salah!

Timbalan Yang di-Pertuan (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat dari Tanjong hendak beri jalan?

Tuan Lim Kit Siang: Ya, beri jalan.

Perdana Menteri: Ini sindiran, Tuan Yang di-Pertua. Daripada segi undang-undang memanglah boleh terlepas tetapi keluar kata saya terlibat dengan rasuah kerana Lorrain terlibat dengan rasuah. Kluar pergi cakap macam itu. Kerana cakap macam ini cuma sindiran sahaja seolah-olahsayaterlibatdenganLorrain. Kita berjalan dengan banyak orang dalam dunia ini. Kalau satu orang yang kita berjalan telah bunuh orang lain, apakah saya terlibat dengan pembunuhan? (*Tepuk*) Apa soal perverted logic Ahli Yang Berhormat ini. Kalau berjumpa dengan satu orang, orang itu pergi di mana buat jenayah maka saya terlibat. Kalau saya duduk sebelah dia dalam satu jamuan makan malam dan lepas itu dia pergi mencuri, ini bermakna saya mencuri? Ahli Yang Berhormat kalau hendak kata, terang-terang kata saya terlibat dengan rasuah ataupun dengan Lorrain Esme Osman curi apakah, pergi cakap terang-terang, jangan cakap facts sahaja "oh, dia duduk bersama". Ahli Yang Berhormat pun biasa duduk bersama dengan orang macam-macam juga. Tetapi kita tidak buat tuduhan, sebab bukan cara kita macam itu. Hendak cakap, cakap bcri betullah. Kalau berani pergi buat tuduhanlah.

Tuan Lim Kit Siang: Saya ada kata, saya tidak faham kenapa Yang Amat Berhormat begitu defensive, begitu edgy. Kalau saya dalam Dewan ini ada kata, ada buat tuduhan bahawa Yang Amat Berhormat ada berlaku rasuah dengan Lorrain Esme Osman, kalau saya ada kata dalam Dewan, saya berani ulangi di luar Dewan. Saya berani! (*Tepuk*) Masalahnya adakah saya buat

tuduhan di sini. Itu satu lesson kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, lain kali jangan sindir-sindir lain orang. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sangat pandai dan pakar sindiran. Sekarang dia kena. Itulah, lain kali jangan sindir lain orang.

Tetapi saya tidak kata bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bersubahat dengan Lorrain Esme Osman, terlibat dengan skandal BMF \$2.5 billion sungguhpun dalam pilihanraya besar ada orang yang kaia bahawa surat ada keluar dari Pcnjara Pantonville yang menyalahkan sesiapa bertanggungjawab dengan skandal BMF, semua keluar dalam suratkhbar, televisyen, radio tetapi akhirnya semua dinafikan. Siapa bertanggungjawab? Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bertanggungjawab! (*Tepuk*)

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, Lorrain Osman ini adalah orang baik atau kawan Ahli Yang Berhormat itu. Apa sebab dia tidak sebut. (*Disampuk*) Sebutlah kawan yang pergi selalu ke Hong Kong bersama-sama dengan Lorrain Esme Osman, tolong sebut nama-nama orang yang menjadi kawan rapat dengan Lorrain Esme Osman ini. Kenapa tidak sebut, dia sebut nama saya sahaja. (*Ketawa*)

Tuan Lim Kit Siang: Saya kata oleh kerana lama, sama-sama dalam Lembaga F1MA bukan? (*Disampuk*) Ya, itu hal saya tidak boleh nafi atau jelas oleh kerana saya tidak tahu dan saya tidak pernah jumpa Lorrain Esme Osman, saya tidak tahu apa rupa muka dia....

Perdana Menteri: Saya minta Ahli Yang Berhormat itu sebut tentang Lorrain Esme Osman menjadi seorang daripada Pengarah Bank Bumiputra dan pada masa itu siapa jadi Chairman Bank Bumiputra dan kerana Chairman Bank Bumiputra itu dekat dengan Lorrain maka sebutlah perkara itu, kenapa tidak?

Tuan Lim Kit Siang: Nampaknya bukan sahaja Yang Amat Berhormat edgy dan defensive tetapi sudah lupa atau bad memory, dengan izin. Rujuk kepada *Hansard*. Oalam perbahasan Parlimen ini pada tahun 1983, 1984 semua saya telah sebut dan buku saya dalam Scandal of Scandals; kalau mahu free copy lagi (*Ketawa*) dihadihkan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, boleh.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Perlu, Ahli Yang Berhormat telah membuat tuduhan ini lepas itu berdakap-dakap, bercium dengan orang yang dia tuduh ini (*Tepuk*), yang terlibat dengan rasuah yang dia kata dalam 1974. Bila sudah menyebelahi, dia jadi baik belaka. Saya yakin kalau dia masuk UMNOkah, dia masuk Barisan Nasional, peluk balik dia ini. Ini cara dialah. Cuma politik sahaja. Yang tuduhan segala lapan, sembilan, sepuluh skandal, ini cuma umpam politik. Sebab apa, pihhanraya Perai tidak lama lagi. (*Ketawa*) Jadi, kena buat sekarang ini. Saya nampak latihan baik ini dalam DAP bila ada sesiapa kata kepada Ketua dia, mereka "ha...." itu kerja, tidak ada cara lain. Nampaknya Ahli Yang Berhormat seiakat perverted logic, yang lain semua turut.

Tuan Lim Kit Siang: Yang Amat Berhormat Perdana Menteri lari daripada isu. Isunya ialah skandal BMF. Siapa bertanggungjawab? Kita awal-awal kata ada satu Suruhanjaya Siasatan DiRaja. Kenapa takut, sekarang pun boleh tubuh. Adakah Yang Amat Berhormat rela, (*Tepuk*) berani untuk tubuh satu Suruhanjaya DiRaja skandal BMF, kenapa takut!

Perdana Menteri: Ada.

Tuan Lim Kit Siang: Mana ada. Itu restricted terms of reference yang sangat terhad. Salu Royal Commission of Inquiry dengan kuasa Suruhanjaya DiRaja, kenapa takut! Ada apa-apa

perkara yang disembunyikan lagi dalam perkara ini.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, kita pilih orang yang menjadi Jawatankuasa Penyiasat ini yang terdiri dari penyokong DAP semuanya. Apa yang dia hendak marah lagi (*Ketawa*) membuat laporan yang cukup sesuai. Tuan Yang di-Pertua, kalau dia tidak ada apa lain-lain hendak kata, hendak gelak sahaja, boleh ketawa bila-bila sahaja. Tetapi jawablah, kenapa dia tidak sebut. Sampai sekarang ini tidak sebut lagi siapa dia sahabat karib Lorrain. Tidak bcrani sebut nama. Sebut nama saya, tetapi nama kawan dia lidak. Dahulu sahaja dia kata tahun 1984. Tahun 1984, lahun 1984lah. Masa itu belum baik lagi. Sekarang 1991 sudah jadi kawan baik, sebut jugalah kata ini orang terlibat dengan rasuah, Lagi sekali sebut.

Tuan Lim Kit Siang: Kawan baik Lorrain Esme Osman, saya ada sebut tadi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri apabila masa itu menjadi Ahli Lembaga FIMA, (*bukan Ketawa*) itu bukan kawan. Mahu tulis surat kata bukan kawan. (*Disampuk*) Kalau begitu, kenapa ada surat keluar dari penjara Pantenville semasa Pilihanraya Besar baru-baru ini. (*Disampuk*) Sebelum saya tinggalkan perkara surat. ...

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan; (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Larut bangun.

Tuan Lim Kit Siang: Tidak mahu.

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Order, order!

Tuan Lim Kit Siang: Order?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Order, yang keberapa?

Tuan Lim Kit Siang: Oh, order ya?

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: 36. Orderlah, lawyer apa ini? (*Ketawa*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat sebutkan.

Tuan Haji Mohd Zihin bin Haji Mohd Hassan: Order 36(1) dan 36(10). 36(1) keluar tajuk. Perdana Menteri.... (*Disampuk*) 36(10), menyakit-nyakitkan hati Perdana Menteri. (*Ketawa*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat. . .

Tuan Haji Mohd Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Saya minta Tuan Yang di-Pertua membuat ruling.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, saya hendak ingatkan Yang Berhormat-Yang Berhormat yang berkenaan bila ada sesiapa yang bangun hendak bangkitkan point of order, hormatlah sedikit dan jangantah buat bising ataupun dalam keadaan yang riuh-rendah, tidak tentu hala, itu tidak setimpal dengan kedudukan kita semua sebagai Ahli Yang Berhormat. Bersabil dengan point of order yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Larut tadi, saya rasa Yang Berhormat dari Tanjong elok juga kalau berbalik kepada apa yang hendak dihuraikan dan jangan pergi jauh sangat. Sila teruskan.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, sebelum saya linggalkan perkara BMF atau Suruhanjaya Di-Raja, iialah kita hendak ketengahkan lagi kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk ditimbangkan dalam perkara ini. Kalau mahu, kita tahu siapa yang boleh bertanggungjawab ialah Royal Commission of Inquiry.

Tadi saya ada sebut mengenai PIMA management buy-out dan saya ada kata oleh kerana FIMA ada hubungan rapat dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, bukan oleh kerana saya mahu menyindir Yang Amal Berhormat Perdana Menteri, tetapi kerana iiu historical facts. Oleh kerana perlantikan beliau sebagai Pengarah FIMA ialah satu jalan balik beliau ke pangkuan polilik UMNO selepas pemecaian beliau daripada UMNO, bukan? Selepas disack daripada UMNO itulah rehabilitation back. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua, Kumpulan FIMA yang ditubuhkan dalam tahun 1972, terlibal dalam berbagai aktiviti, termasuk perladangan, perkilangan, perkhidmatan dan sektor perdagangan. Ia mempunyai 26 buah syarikat dalam kandangnya dari ladang FIMA ke Kotak Malaysia.

Dua daripada syarikalnya iaitu FIMA Meial Box dan United Estates Plantation, adalah disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur. Adalah dilaporkan pada tahun lepas bahawa pusingan kewangan (turnover) Kumpulan FIMA adalah dijangkakan akan melebihi \$700 juta.

Antara aset-aset bernilai FIMA ialah saham-saham yang diperuntukkan untuk orang-orang bumiputera yang diagihkan semasa syarikat-syarikat disenaraikan secara awam atau semasa penyusunan semula struktur pegangan saham syarikat-syarikat tersebut.

Saya difahamkan bahawa Kumpulan FIMA telah diiaksir dan dinilai sebagai mempunyai nilai-nilai lebih daripada \$500 juta. Ini bermakna "managemeni buy-out" sebanyak \$180 juta tersebut oleh Tan Sri Basir Ismail sebenarnya adalah satu, dengan izin, "give away."

Tambahan pula saya difahamkan bahawa untuk memberikan kewangan bagi "management buy-out" tersebut,

Tan Sri Basir memajakkan aset-aset Kumpulan FIMA sebagai cagaran untuk memperolehi \$180 juta dan dijamin oleh T. Ananda Krishnan yang baru-baru ini menjadi tajuk utama akhbar sebagai Pengerusi Sri Kuda Sdn. Bhd, iaitu pemaju Pusat Bandaraya Kuala Lumpur yang bernilai berbilion-bilion ringgit yang akan menjetma di bekas tapak Kelab Lumba Kuda Selangor.

Management buy-out" Kumpulan FIMA untuk harga \$180 juta apabila ianya ditaksir dan dinilai lebih daripada \$500 juta dengan bantuan kewangan melalui pemajakan aset-aset Kumpulan FIMA sebagai cagaran dan dijamin oleh T. Ananda Krishnan, kelihatan lebih mirip kepada, dengan izin, satu sell-out, bukan satu buy-out.

Dasar Ekonomi Baru dan Dasar Pembangunan Negara telah menjelma menjadi seni halus (fine arts perfected), untuk mencipta dengan izin, insiant multi-billionaires yang boleh mengambilalih Kumpulan atau Conglomerate dan entiti yang bernilai beratus juta ringgit tanpa mengeluarkan sesen pun dan langsung tidak mengalami risiko.

DAP menggesa untuk mengkaji semula penswastaaan Kumpulan FIMA melalui "management buy-out" FIMA yang begitu memalukan, dan mencadangkan supaya Kumpulan FIMA harus diswastakan kepada penawar tender tertinggi selaras dengan matlamat penyusunan semula Kerajaan. Terdapat juga soal percanggahan kepentingan di dalam "management buy-out" Kumpulan FIMA oleh Tan Sri Basir Ismail.

Apabila T. Ananda Krishnan mendedahkan projek 97 projek Pusat Bandaraya Kuala Lumpur bernilai berbilion-bilion ringgit dan penuh dengan kontroversi, beliau juga mendedahkan bahawa PERTONAS akan memiliki 51 peratus pegangan saham penguasaan di dalam projek tersebut, yang ditaksir melibatkan \$300-\$400 juta.

Tan Sri Basir Ismail adalah Pengerusi PETRONAS. Soalan yang timbul ialah sama ada pengambilan 51 peratus pegangan saham penguasaan dalam projek Pusat Bandaraya Kuala Lumpur milik Sri Kuda Sdn. Bhd, merupakan consideration oleh T. Ananda Krishnan dalam menjamin pinjaman \$180 juta yang diambil oleh Tan Sri Basir Ismail untuk melakukan "management buy-out" Kumpulan FIMA.

Dengan adanya perhubungan sumbang (incestuous) yang berleluasa di dalam sektor Kerajaan dan korporat, di mana garis pemisah di antara kepentingan awam dan swasta adalah langsung kabur dan hilang, maka adalah mustahil untuk mencipta ethos dan budaya dalam kata-kata Yang Amat Berhormat di dalam kata pendahuluan kepada Rancangan Malaysia Keenam iaitu, "Kita mesti sentiasa bersedia untuk lebih mementingkan negara daripada kepentingan diri sendiri atau kepentingan sesuatu kumpulan tertentu".

DAP menggesa menjalankan satu penyiasatan penuh untuk menentukan sama ada terdapat percanggahan kepentingan di dalam urus niaga silang yang melibatkan pengambilan 51 peratus pegangan saham penguasaan PETRONAS dalam projek Pusat Bandaraya Kuala Lumpur, Sri Kuda Sdn. Bhd dan jaminan Ananda Krishnan kepada pinjaman \$ 180 juta yang diambil oleh Tan Sri Basir Ismail untuk melakukan "management buy-out" Kumpulan FIMA.

Tuan Yang di-Pertua, Hubungan Singapura-Johor Kedua UEM bernilai \$2 bilion mempunyai segala ciri-ciri skandal Dasar Pembangunan Negara yang klasik dalam tahun 1990an.

Mengapa UEM diberikan surat eksklusif oleh Kerajaan untuk mengemukakan cadangan penswastaaan Hubungan Kedua yang dijangka

memakan belanja \$2.3 bilion yang melibaiakan pembinaan jambatan tinggi yang kelinggiannya adalah 2,300 meter di antara Tunas di Singapura dan Johor Bahru dan pembinaan sebatang lebuhraya untuk menghubungkan jambatan tersebut kepada Lebuhraya Utara-Selatan.

Projek hubungan kedua UBM adalah sebusuk dengan penswastaaan Lebuhraya Utara-Selatan UEM, di mana Yang Berhormat dari Jelutong dan saya ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri oleh kerana bantahankita terhadap Projek Lebuhraya Utara-Selatan UEM, di mana UMNO pada masa itu mahu dapat wang untuk membayar PWTC.

Walau bagaimanapun, skandal Hubungan Kedua UEM akan menggelapkan skandal Lebuhraya Utara-Selatan, kerana selain daripada Hubungan Kedua UEM, UEM juga merebut untuk pembangunan sebuah bandar yang baru yang dikatakan akan menjadi ibu negeri Johor dengan pembangunan kira-kira 26,000 hektar tanah di Johor Barat untuk tujuan perindustrian, perdagangan dan kediaman.

Bandar baru ini akan memakan betanja kononnya \$2 bilion lagi dan saya difahamkan bahawa rancangan UEM adalah untuk memperolehi tanah, memajakkan tanah tersebut kepada bank-bank dan mendapatkan kewangan untuk pembinaan Hubungan Kedua dan bandar baru.

Kira-kira 10,000 penduduk di 52 kampung kawasan Tanjung Kupang, Johor akan terjejas dari segi kehidupan dan kehilangan tanah pusaka mereka. (*Tepuk*) Penduduk-penduduk yang terjejas telah bersatu untuk membantah projek UEM kerana kehidupan 10,000 penduduk akan terancam akibat daripada penempatan semula mereka apabila tanah mereka diambilalih.

Pihak UEM boleh menganggap bahawa, dengan izin, satu long drawn-out battle akan dihadapi antara UEM dan 10,000 orang-orang kampung di Tanjung Kupang dan ini adalah satu sebab mengapa Kerajaan kini ingin meminda Akta Pengambilan Tanah untuk membolehkan tanah diambilalih secara wajib bukan sahaja untuk tujuan awam, tetapi juga di mana ia adalah, dengan izin, beneficial to the economic development of Malaysia or to the public or any class of the public, seperti akan berlaku dalam projek UEM untuk membina Hubungan Kedua antara Johor dan Singapura.

Apabila Akta Pengambilan Tanah diluluskan, maka pengambilan tanah 10,000 orang-orang kampung di Johor Barat untuk Hubungan Kedua UEM itu serta projek bandar baru tidak boleh dicabar lagi di dalam mahkamah undang-undang.

Di bawah Dasar Ekonomi Baru dan Dasar Pembangunan Nasional, kontrak-kontrak dan entiti-entiti Kerajaan bukan sahaja diswastakan kepada syarikat-syarikat dan individu-individu UMNO, tetapi undang-undang juga ditukar sewenang-wenangnya untuk membolehkan syarikat-syarikat dan individu-individu UMNO memijak hak, bantahan dan rungutan rakyat semata-mata untuk memuaskan ketamakan dan selera korporat mereka yang tidak lerhad itu.

Tuan Yang di-Pertua, skandal kesepuluh yang ingin saya menyentuh ialah skandal terbesar DEB dan Dasar Pembangunan Nasional dan ia adalah politik wang di Malaysia. Adalah dinyatakan dengan tepat bahawa ramai rakyat Malaysia tidak sedar bahawa penglibatan parti-parti pemeriniah dalam perniagaan adalah agak khusus di negara ini. Kajian-kajian perbandingan akan menunjukkan bahawa norma amnya ialah bagi pertubuhan-pertubuhan perniagaan yang berkuasa untuk mempengaruhi atau malah

menguasai politik atau sebaliknya Kerajaan-kerajaan menguasai perniagaan secara langsung atau tidak langsung, akan tetapi Malaysia merupakan salah satu daripada negara di mana parti-parti pemerintah memiliki kepentingan perniagaan yang begitu luas.

Akibat penaungan politik atau political patronage seumpama itu ialah yang membawa kepada penciptaan konglomerat perniagaan yang besar dan konglomerat sedemikian yang paling baru ialah Renong Bhd., yang memberikan parti-parti politik yang memerintah satu asas ekonomi yang luas untuk digunakan untuk tujuan politik, tujuan pilihanraya atau untuk diagihkan menerusi jenis patronage yang lain.

Perhubungan yang mengkorup ini antara perniagaan dan politik telah disifatkan dengan baik sekali oleh Presiden MIC pada bulan Jun 1986 apabila beliau berkata, dengan izin, "business and politics cannot be separated and treated as different entities". Beliau berkata bahawa pada •masa-masa lampau, perniagaan adalah perniagaan dan politik adalah politik. Itu masa lampau, dan dia berkata, dengan izin, "Now, they are interwoven. If there is no political influence, even a company with a paid-up capital of \$200 million will not be able to make 20 cents". Itu logik, itulah apa yang kita ada di dalam negara kita tanpa political patronage, tanpa political influence, tanpa political corruption, sebuah syarikat modal \$200 juta pun tidak boleh dapat untung 20 sen. Tetapi dengan political patronage, political corruption, political influence, satu syarikat dengan modal bernilai \$2.00 sahaja boleh buat untung berpuluh-puluh juta ringgit, malah beratus-ratus juta ringgit, pun berbilion-bilion ringgit. Itulah Dasar Ekonomi Baru 20 tahun dahulu, Dasar Pembangunan Negara 10 tahun yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, inilah sangat sedih. Bagaimana kita boleh kata kita mahu satu ethos budaya yang bersih, yang cekap, artikal, apabila kita lihat di sekitar kita perkara-perkara penyelewengan, penyalahgunaan kuasa yang begitu bermahajalela.

DAP menggesa menubuhkan sebuah Suruhanjaya Siasatan DiRaja untuk menyiasat politik wang di Malaysia bagi membasmi pengaruh curang dalam perhubungan perniagaan dan politik yang kadim di Malaysia dan membasmi semua kepentingan perniagaan oleh parti politik.

Saya tahu bahawa setelah UMNO dibatalkan pendaftarannya dan melalui penggunaan wakil atau proxies untuk memilik harta dan aset UMNO asal dengan cara-cara yang tidak sah daripada official assignee, Pemimpin-pemimpin UMNO Baru mungkin mendakwa bahawa parti tersebut sekarang ini tidak terlibat secara langsung dalam perniagaan. Sekarang tidak ada, sekarang bersih—tangan bersih, oleh kerana tidak ada aset lagi. Official assignee sudah jual semua itu—alarms length.

Pada Januari tahun ini, Pengerusi Eksekutif Renong Bhd., Datuk Halim Saad memberitahu syarikat tersebut bahawa beliau memiliki 220,410,909 saham syarikat tersebut yang didaftarkan di bawah nama beliau pada 28hb November, 1990, tambahan kepada kepentingannya dalam 476,739,620 saham yang lain.

Adakah saham-saham tersebut yang bernilai lebih daripada sebilion ringgit kepunyaan Halim Saad sendiri, dan jika ia benar, bagaimanakah pengurus perkhidmatan korporat untuk Yang Berhormat dari Merbok, masa itu Pengerusi PEREMBA dapat meloncat menjadi billionaire yang mempunyai

berbilion-bilion bracket dalam masa 10 tahun? Kebangkitan cemerlang Halim Saad tentu patut diberikan siasatan khas oleh Suruhanjaya Siasatan DiRaja ke dalam politik wang di Malaysia.

Saya percaya semua pemimpin UMNO Baru termasuk Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tentu tidak akan dapat mempunyai fikiran tenang dan tidak boleh tidur nyenyak pada waktu malam jika Halim Saad adalah tuanpunya beratus juta saham Renong yang sebenar. Sudah tentu dia tidak boleh tidur, dia tidak boleh tenang fikiran kalau betul-betul Halim Saad, tuanpunya yang sebenar saham-saham Renong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Kee Keat): Yang Berhormat, masa perbahasan untuk hari ini telah pun cukup.

Tuan Lim KitSiang: Sambungcsok.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Kee Keat): Yang Berhormat boleh sambung esok.

USUL

PENANGGUHAN MESYUARAT

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman (Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar): Tuan Yang di-Pertua, saya motion mencadangkan:

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16(3) mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN PENANGGUHAN

SERANGAN KE ATAS PEGUAM-PEGUAM

6.30 ptg.

Tuan R. Karpal Singh (Jelutong):
Terima kasih, Tuan Speaker.

Tuan Speaker, profesyen undang-undang menghendaki peguam-peguam untuk bertindak tanpa fear or favour, dalam pelaksanaan tugas profesyenal kepada client-client.

Berhubung ini, Kaedah 16, Profesyen Undang-undang (Kaedah Amalan dan Etika) tahun 1978 berbunyi, dengan izin, dalam bahasa Inggeris:

"An advocate and solicitor shall, while acting with all due courtesy to the, tribunal before which he is appearing fearlessly, uphold the interest of his client, the interest of justice and dignity of the profession without regard to any unpleasant consequences either to himself or to — any other person."

Tuan Speaker, dalam perjalanan pelaksanaan tugasnya peguam akan, di mana ada kemarahan pihak-pihak dan saksi mereka harus menyoal di mahkamah untuk mendapatkan perkara yang benar. Sebenarnya, ada contoh-contoh dalam masa yang lepas serangan-serangan ke atas peguam. Saya sendiri, pernah diserang di koridor Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, pada 4hb September, 1987.

Tuan Speaker, pada 14hb November, 1990, Encik Thayalan, seorang peguam dari Pulau Pinang diserang oleh tiga lelaki dipejabatnya. Pada 4hb April tahun ini, seorang peguam Pulau Pinang, Encik Abu Haniffa Mohamed Abdullah juga diserang. Encik Abu Haniffa menerima ancaman ke atas nyawa

melalui telefon. Encik Thayalan lclah membuat laporan polis No. 2862/90 di Balai Polis Pulau Tikus, Pulau Pinang. Encik Abu Haniffa juga telah membuat laporan polis di Pulau Pinang. Sebenamya pada April 1991, banglo di Peel Avenue, Pulau Pinang di mana Encik Thayalan dijangka pindah telah dibakar dengan sengaja.

Saya telah menulis kepada Peguam Negara berkenaan dengan laporan polis Encik Thayalan bertarikh 12hb Disember tahun yang lalu unluk tindakan yang harus diambil. Walaupun demikian, sehingga hari ini perkara tersebut masih belum diselesaikan.

Kedua, Encik Thayalan dan Encik Abu Haniffa telah membabitkan dua peguam Pulau Pinang dalam laporan mereka. Ia menyatakan bahawa serangan ke atas mereka tertimbul dari suatu prosidmg yang sedang bcrljaln di Mahkamah Tinggi, Pulau Pinang.

Saya amat dukacita sebab sebarang tindakan yang positif masih belum diambil oleh polis untuk membawa ke mahkamah orang-orang yang bertanggungjawab untuk serangan-serangan ke atas Encik Thayalan dan Encik Abu Haniffa. Tidak ada kenyataan-kenyataan direkodkan daripada kedua peguam yang terbabit yang mungkin terlibat dalam serangan.

Saya bcrlharap tindakan yang patut diambil dalam perkara tersebut dibuat dengan tidak lama lagi.

Tuan Speaker, Peguam-peguam di negeri ini memerlukan suatu jaminan kukuh melalui penangkapan orang-orang yang bertanggungjawab bagi serangan ke atas Encik Thayalan dan Encik Abu Haniffa untuk membolehkan mereka menjalankan tugas-tugasnya tanpa kekhuatiran alau favour. Terima kasih.

6.33 *ptg.*

Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri (Tuan Ong Ka Ting):

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak polis sedang menjalankan siasatan rapi di dalam kejadian penyerangan peguam-peguam seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi. Sehingga kini, pihak polis masih belum dapat mengesan penjenayah-penjenayah tersebut. Oleh itu saya tidak bercadang untuk memberi apa-apa penerangan lanjut mcngcnai perkara ini sehingga siasatan itu selesai dijalankan. Sekian, terima kasih.

KUTIPAN TOL DI BANDARAYA KUALA LUMPUR

6.35 *ptg.*

Tuan Tan Kok Wai (Sungai Besi):

Tuan Yang di-Pertua, isu tol di Kuala Lumpur telah mencacatkan kredibiliti dan imej Kerajaan yang tidak boleh diperbaiki. Kepada penduduk Kuala Lumpur adalah satu cemuhan bagi Kerajaan menuntut dirinya ialah sebuah Kerajaan yang mengambil berat ke atas kepentingan rakyat. Tetapi selama ini rakyat menjadi mangsa kutipan tol yang tidak adil. Saya sangat sedih akan hakikat bahawa Kerajaan telah bertindak tentang kepentingan awam kerana tidak mengemukakan satu penyelesaian yang kekal dan adil kepada isu tol dalam Kuala Lumpur menerusi pembatalan kutipan sepenuhnya. Sebaliknya memutus untuk meneruskan projek itu.

Pertukaran syarikat konsesi daripada Syarikat Teratai kepada Metroplex Corporation bagi sembilan buah persimpangan bertingkat dalam bandaraya, jelas menunjukkan bahawa Kerajaan tidak peka kepada keadaan dan penderitaan rakyat yang terjejas akibat tol, di samping melupakan

tanggungjawab asas. Merancang dan memberi pembayar-pembayar cukai sebuah sistem jalan raya yang baik dan bebas dari kesesakan dalam kawasan bandaraya. Ramai berharap Kerajaan akan mempelajari pengajaran pahit dari demonstrasi besar-besaran di Plaza Tol Cheras tahun lalu. Ramai berharap Kerajaan akan sedar bahawa mengadakan tol di jalan tersebut akan hanya meluas dan menambah ketidakadilan. Ramai berharap juga bahawa Kerajaan selepas mendakwa masyarakat penyayang dalam Belanjawan 1991, akan memutuskan untuk menukarkan projek persimpangan bertingkat yang diswastakan kepada suatu yang dibiayai oleh Kerajaan tanpa mengenakan tol yang berat ke atas rakyat.

Semua harapan ini musnah apabila kita diberitahu bahawa Kerajaan akan hanya mengkaji semula kadar tol tetapi tidak membatalkan langsung. Metroplex Corporation, syarikat baru yang mengambilalih dari Teratai ialah tidak lain tetapi satu lagi syarikat nominee UMNO yang ditubuh dengan mjuan tunggal untuk meraih keuntungan maksimum yang tidak bermoral dengan mengorbankan rakyat. Ini sesuatu Kerajaan tidak boleh menafikan. Cara Metroplex Corporation menjelma dengan restu dan sokongan UMNO. Bolehkah ini menambah senarai panjang skandal yang menjadikan Malaysia sebuah negara yang masyhur dengan skandal.

Dengan masa yang terhad, saya berdiri di sini, saya ingin mengingatkan Kerajaan bahawa dengan mengenakan tol dalam Kuala Lumpur pada apa kadar sekalipun bukanlah satu penyelesaian yang adil dan kekal. Saya ingin membawa ini untuk pengetahuan Kerajaan. Berapa pun kadar tol ialah ianya tidak adil dan saksama kepada rakyat Kuala Lumpur. Memandangkan hakikat bahawa kesesakan lalulintas dalam setiap bahagian bandaraya berada

dalam keadaan yang teruk sekarang. Malahan benar jika diramalkan bahawa masa depan aliran lalulintas dalam Kuala Lumpur akan lumpuh menjelang akhir abad ini.

Saya sebut sebagai contoh. Jalan Cheras. Jumlah kenderaan berada atas jalan ini telah bertambah begitu pantas yang mana sekarang 175,000 buah kenderaan menggunakan jalan ini setiap hari berbanding dengan 145,000 kenderaan pada tiga tahun yang lalu. Malah tanpa tol seperti sekarang, kesesakan lalulintas di Jalan Cheras begim teruk kerana barisan kereta boleh dilihat sepanjang 6 kilometer semasa waktu sibuk sebelah pagi. Dua buah persimpangan bertingkat di kilometer 5.5 dan kilometer 7, Jalan Cheras terbukti tidak berguna semasa waktu sibuk. Bayangkan jika rakyat terpaksa berbaris selepas membayar tol, tidakkah Kerajaan faham proses membayar tol akan lebih memburukkan lagi kesesakan.

Tidakkah mudah bagi sesiapa seperti Menteri atau Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bagi memahami kesedihan dan penderitaan pengguna jalan seperti mereka di Jalan Cheras, barangkali Yang Berhormat Menteri boleh memahami jika beliau sedia menerima jemputan saya untuk mengalami suka duka ketika berada di Jalan Cheras tanpa iringan kereta atau motorcade yang boleh membersihkan lalulintas. Kerajaan boleh memikirkannya bahawa kadar tol yang akan menyukai orang ramai jika ia berttkir seperti itu. Ia merupakan satu kesalahan. Hal yang sama juga berlaku di Jalan Pahang atau mana-mana jalan lain yang dirancang untuk mengadakan tol. Kerajaan suka mendakwa bahawa rakyat tidak boleh menggunakan jalan yang bebas dari tol. Hakikatnya ialah tidak ada apa pun yang bebas. Rakyat Malaysia pun tidak bebas juga untuk bersuara, melahirkan hasrat dan berpersatuan secara aman.

Adalah dilaporkan bahawa sebuah laporan mengenai hasil perbincangan tentang kadar tol akan dibentangkan kepada Kabinet tidak lama lagi. Saya ingin menyeru Kerajaan masanya masih belutn lewat untuknya mengambil langkah yang liberal, adil dan berani untuk mengecualikan tol di Jalan Cheras, Jalan Pahang dan jalan penghubung Timur/Barat di Bandar Tun Razak. Kerajaan mesti, pertamanya menyedari dan mengakui bahawa kesesakan dan kelamkabutnya lalulintas di Kuala Lumpur ialah hasil kelemahan perancangan Kerajaan dan kurang penyorotan dalam menilaikan keperluan lalulintas dalam bandaraya.

Tugas utama dan segera Kerajaan mengenai masalah lalulintas Kuala Lumpur bukanlah untuk menimbang semula kadar tol tetapi untuk mengecualikan semua tol dan bermula dari sekarang dengan satu-satu program jangka panjang bagi memastikan sebuah bandaraya bebas-kesesakan sebelum Kuala Lumpur menjadi Bangkok nombor dua, yang lumpuh dengan kesesakan lalulintas dalam tahun-tahun akan datang. Sekian.

6.42 ptg.

Menteri Kerja Raya (Datuk Leo Moggie anak Irok): Tuan Yang di-Pertua, saya tidaklah bercadang hendak bercakappanjangsangatbersabidengan hal ini oleh kerana perkara yang dibentang atau disuarakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sungai Besi ini bukanlah perkara yang baru. Beliau sendiri telah dalam beberapa bulan dahulu membawa usul serupa ini, berbincang dalam perkara ini juga, serupa juga dengan hujah-hujah yang disuarakan oleh beliau pada pelang ini.

Penjelasan yang saya akan beri juga lidak berubah dengan penjelasan yang telah kita sampaikan pada waktu itu. Tetapi saya suka mengambil peluang untuk menerangkan kepada satu prinsip. Nampaknya Ahli Yang Berhormat dari

Sungai Besi mengatakan tidak kena bagi Kerajaan untuk mengenakan tol. Ini soalan pokok yang disuarakan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Bagi pendirian Kerajaan, soalan pungutan tol ini adalah suatu soalan yang penting ditikir dan akan dilaksanakan sebagai suatu polisi untuk kita mencari jalan mendapat bantuan dari pihak-pihak swasta untuk bersama-sama membangunkan infra-struktur di negara kita ini.

Kerajaan berpendapat bahawa Kerajaan sendiri tidak akan mempunyai punca wang yang cukup untuk melaksanakan semua infra-struktur yang diperlukan dan oleh sebab itu perlu meminta bantuan punca kewangan daripada syarikat-syarikat tertentu.

Dr Tan Seng Giaw: (Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya, Kepong bangun,

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Adakah ini bermakna kalau tidak ada alternatif, Kerajaan sanggup juga mengenakan tol dan adakah Kerajaan mempertimbangkan bahawa kalau kita adakan inter-city link sahaja yang mempunyai alternatif sebagai jalan tol untuk diswastakan, bukankah ini lebih rasional, lebih baik untuk rakyat?

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, di Jalan Loke Yew, saya nampak walaupun diheboh-hebohkan dengan jambatan-jambatan, persimpangan bertingkat dan sebagainya, saya nampak Jalan Loke Yew itu tidak diperbcsarkan dan daripada dua jambatan dan daripada empat saluran jalan itu menjadi dua di Jalan Loke Yew. Bagaimanakah keadaan lalulintas akan dapat diperbaiki? Bagaimanakah Kerajaan Persekutuan dapat mengenakan tol melalui penswastaaan?

Datuk Leo Moggie anak Irok: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya cuba hendak menerangkan sebentar tadi tetapi

diinterrupted oleh Ahli dari Kepong. Soal asalnya ialah Kerajaan akan memerlukan punca kewangan dari pihak swasta untuk membantu membangun beberapa infra-struktur termasuk pembinaan jalan-jalan. Ini soalan pokok. Kalaulah kita membenarkan pihak swasta membangunkan dan mclaburkan pembinaan jalan serupa ini, jalan yang diperlukan oleh pengguna-pengguna, jalan baru atau memperbaiki jalan—saya tidak sentuh semata-mata kepada soalan Jalan Cheras, saya sentuh kepada soalan, dengan izin, general principle of tolling. Ini bermakna pihak-pihak yang terlibat itu jugaperlu mendatangkan hasil modal yang telah mereka laburkan. Ini asas kita mengenakan tol dan soalan tol ini bukanlah soalan yang melibatkan negara kita sahaja. Bukan soalan yang melibatkan negara yang maju sahaja. Di Eropah, memang ada, di Amerika Syarikat memang ada, tetapi di negara jiran kita juga ada tol dikenakan.

Di Singapura misalnya mereka mengadakan, dengan izin, licensing zone, ini bermakna tolling juga tetapi menggunakan perkataan yang berlainan, bermakna kenderaan-kenderaan yang memasuki zon itu membayar duit. Begitu juga di Bangkok ada tol, di Jakarta ada tol, di Pilipina ada tol, di Hong Kong ada tol, di Taipei, Taiwan pun tol ada seperti di negara-negara besar. Jadi, soalan yang kita hendak jelaskan, yang kedua, iaitu soalan tol ini bukan soalan yang melibatkan Malaysia sahaja. Ia melibatkan banyak negara, negara yang maju, negara yang belum maju, negara yang masih dalam peringkat kemajuan serupa juga dengan negara kita Malaysia ini. Itu prinsip kedua yang saya suka jelaskan.

Bersabit dengan kedudukan di Kuala Lumpur, kesesakan Lalulintas memang berlaku. Kerajaan tidak mengatakan tidak ada kesesakan Lalulintas di Kuala Lumpur memang ada. Dan sebentar tadi di waktu Yang Amat Berhormat membentangkan Rancangan Malaysia Keenam, Yang Amat Berhormat ada

menyentuh bahawa Kerajaan sedar akan perkara ini dan peruntukan dan pertimbangan dikaji untuk bagaimana cara membangun, dengan izin, public transport system dan rapid transport system bagi negeri Kuala Lumpur sahaja. Tetapi jelas juga kita memahami, apa-apa tindakan diambil, kenderaan yang bertambah, motokar-motokar yang bertambah jumlahnya, diregisterkan di Kuala Lumpur ini, walau macam mana sekalipun kita membaiki kedudukan jalan raya, saya fikir sukar juga kita hendak menjamin bahawa kesesakan Lalulintas tidak berlaku. Ini memang kita terimadan kitamengakui. Bahkan dalam mana-mana negara satu dari jalan untuk mengurangkan perjalanan kereta yang mungkin tidak perlu masuk ke bandar ialah mengadakan licensing zone ataupun mengadakan seperti sistem yang ada di Athens (Greece) di mana kenderaan yang mempunyai pendaftaran "odd numbers" sekian hari boleh masuk, sekian hari bagi kenderaan yang mempunyai "even numbers licence", bagi tujuan untuk mengurangkan kesesakan Lalulintas ke bandaraya.

Di negara kita ini kita belum memikirkan soalan seperti ini, kerana kita menyedari bahawa mungkin public transport system belum dapat dibangunkan dan helum dapat dijayakan mengikut yang kita kehendaki dan yang kita mahu.

Jadi, pendek kata, Kerajaan tidak menerima bahawa prinsip pungutan tol ini tidak boleh dilaksanakan. Itu kita tidak trima. Kita mengatakan soalan tol akan diteruskan, soalan tol akan dikenakan bukan sahaja di Kuala Lumpur, malahan di tempat-tempat yang lain pun di mana kita memerlukannya nanti. Jadi, yang saya suka jelaskan pendirian parti DAP dan pendirian Yang Berhormat dari Sungai Besi memang kita sedar. Beliau mengatakan tidak kira berapa jumlah tol tidak diterima sama sekali. Bermakna prinsip tidak diterima. Kita mengatakan prinsip, kita stick to it. Dari segi peraturan, dari segi detik kita

boleh perbincangkan. Ini tujuan kita mengadakan perbincangan dengan pihak Metroplex sekarang dan perbincangan itu masih berlangsung dan saya belum mempunyai kepastian untuk membuat pendirian Kementerian untuk perimbangan Jumaah Menteri, melainkan setelah perbincangan itu selesai nanti. Dan perbincangan itu bukan sahaja kita menumpukan dari segi angka tol tetapi juga kita akan mengambil peluang untuk mencari jalan, kalau tidak menghapuskan, tetapi mengurangkan sedikit kesesakan lalulintas di tempat-tempat tertentu.

Yang Berhormat dari Kepong ada menyentuh soalan lalulintas dari Jalan Loke Yew. Kita juga memikirkan bagaimana kita dapat memperbaiki kedudukan lalulintas di tempat itu. Kita tidak memberi jaminan tidak akan ada kesesakan, tetapi mungkin mengurangkan kesesakan. Begitu juga di tempat-tempat yang lain. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya fikir tidak payahlah saya memanjangkan penerangan ini, selagi pendirian Ahli Yang Berhormat dari Sungai Besi secara prinsipnya tidak menerima dasar kita, selama itu kita tidak dapat bersetuju dengan pendirian beliau.

Yang Berhormat dari Kepong ada menyentuh soal kesesakan di Jalan Loke Yew. Kita juga mermkirkan bagaimana kita dapat memperbaiki kedudukan di

tempat itu. Kita tidak memberi jaminan bahawa tiada kesesakan, tetapi mungkin mengurangkan kesesakan. Begitu juga di tempat-tempat yang lain.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya fikir tidak payahlah saya memanjangkan penerangan, asalkan pendirian Ahli Yang Berhormat dari Sungai Besi secara prinsip kita menerima. Selain daripada itu kita tidak dapat bersetuju dengan pendirian beliau. Jadi, saya fikir tol di negara kita ini akan menjadi satu perkara yang dikekalkan, satu perkara yang perlu bagi kita menentukan baliawa infrastruktur yang perlu dibangunkan dapat dibangunkan dengan bantuan kewangan dari pihak swasta. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan iaitu Majlis Mesyuarai ini ditangguhkan sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.51 petang.